



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2006



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	ii
INTI SARI LAPORAN	iv
BAHAGIAN I: AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Pejabat Tanah Muar Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya	1
Jabatan Pertanian Negeri Johor Program Pembangunan Industri Makanan	35
Yayasan Pelajaran Johor Pengurusan Pinjaman Pelajaran	82
Majlis Perbandaran Batu Pahat Kemudahan Riadah Dan Taman	116
BAHAGIAN II: PERKARA AM	
Pendahuluan	150
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005	150
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	156
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	157
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor	157
PENUTUP	159

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2006 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 buah Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Tanah Muar, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Yayasan Pelajaran Johor dan Majlis Perbandaran Batu Pahat. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya, Program Pembangunan Industri Makanan, Pengurusan Pinjaman Pelajaran dan Kemudahan Riadah Dan Taman. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2006 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2006 seperti kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui adalah seperti sasaran aktiviti tidak tercapai, ketidakpatuhan kepada peraturan, kerja penyenggaraan dan perkhidmatan sokongan yang tidak memuaskan. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

- a) **DUE DILIGENCE** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
- c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

23 Julai 2007

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. Pejabat Tanah Muar Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi: Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya

Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi dan perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian serta rekreasi terhadap permohonan yang diterima daripada Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Perancangan pengambilan tanah telah dibuat dengan baik berdasarkan peruntukan undang-undang dan prosedur pengambilan tanah yang lengkap. Bagaimanapun secara keseluruhannya, pengurusan pengambilan tanah Pejabat Tanah Muar adalah tidak memuaskan. Manakala pengurusan pengambilan tanah di Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah memuaskan kerana mematuhi kebanyakan peraturan dan arahan yang ditetapkan. Beberapa kelemahan telah berlaku terhadap prosedur dan proses pengambilan tanah seperti terdapat permohonan yang mengambil masa melebihi 2 tahun, terdapat kes pewartaan yang dibuat berulang kali, Pentadbir Tanah Muar dan Pentadbir Tanah Kota Tinggi tidak mencatatkan dengan jelas sebab-sebab pampasan dibayar lebih tinggi daripada harga nilai di nota siasatan dan berlaku bayaran pampasan lebih tinggi daripada penilaian antara RM11,680 hingga RM651,140 serta berlaku kelewatan bayaran pampasan mengakibatkan dikenakan caj bayaran lewat dianggarkan berjumlah RM2.04 juta. Terdapat pegawai yang menjalankan tugas pengambilan tanah masih belum diberi latihan. Pengurusan daftar pula adalah tidak memuaskan kerana Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah dan Daftar Bayaran Pampasan diselenggarakan dengan tidak lengkap dan kemas kini. Namun begitu, aspek pemantauan terhadap pengurusan pengambilan tanah dan penggunaannya adalah memuaskan.

2. Jabatan Pertanian Negeri Johor: Program Pembangunan Industri Makanan

Program Pembangunan Industri Makanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani sejajar dengan Dasar Pertanian Negara ke-3 (DPN3) melalui peningkatan pengeluaran bahan makanan yang segar, selamat dan berterusan dengan kaedah pengeluaran teknologi tinggi. Perancangan yang disediakan oleh Jabatan untuk membangunkan Program Pembangunan Industri Makanan adalah baik di mana sasaran pencapaian, kaedah pelaksanaan program keperluan kewangan dan kaedah pemantauan telah ditentukan dengan jelas. Secara

keseluruhannya pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan adalah tidak memuaskan. Pengurusan Perladangan Berkelompok tidak mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Berkelompok. Jabatan gagal mencapai sasaran kuantiti pengeluaran bagi semua jenis tanaman menyebabkan sasaran pendapatan juga tidak dapat dicapai. Paling ketara ialah jumlah pengeluaran hasil pertanian untuk tanaman sayuran yang hanya mencapai 50.1% atau 16.92 juta kilogram pada tahun 2004, buah-buahan 54.7% atau 34.73 juta kilogram pada tahun 2006 dan kelapa 56.1% atau 11.61 juta kilogram pada tahun 2005 daripada sasaran. Secara keseluruhannya, bilangan petani yang memperoleh purata pendapatan di bawah RM1,000 sebulan mencatat 76.9% atau 8,198 petani pada tahun 2004, mencapai 87.3% atau 7,069 petani pada tahun 2005 dan 81.8% atau 6,155 petani pada tahun 2006. Aktiviti pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan mempunyai masalah seperti bekalan benih, penyakit, kesesuaian tapak, musuh tanaman dan bekalan air masih belum dapat diatasi. Aktiviti pelaksanaan perkhidmatan sokongan yang diberikan pula adalah tidak memuaskan kerana masalah kelewatan bekalan benih dan kerja-kerja pembersihan tidak mengikut jadual. Pemantauan pelaksanaan Program di peringkat Pejabat Pertanian Kawasan adalah tidak memuaskan disebabkan kekosongan jawatan masih belum diisi.

3. Yayasan Pelajaran Johor: Pengurusan Pinjaman Pelajaran

Pada awal penubuhan, Yayasan menguruskan pemberian pinjaman bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara. Namun demikian, permohonan pinjaman pelajaran kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara dibekukan mulai tahun 1998 disebabkan kekurangan peruntukan kewangan. Pada masa kini, Yayasan menguruskan pemberian pinjaman kepada pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pengajian jarak jauh di IPTA, pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, pelajar yang menuntut di kolej Yayasan di bawah pentadbiran Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor dan pinjaman kepada pelajar yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Islam (MARSAH) serta pelajar MARSAH yang akan ke luar negara melalui program berkembar dengan Universiti Al-Azhar, Mesir. Yayasan telah memberikan pinjaman pelajaran berjumlah RM159.75 juta kepada seramai 23,540 orang pelajar sejak tahun 1983 sehingga 2006. Secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman pelajaran oleh Yayasan adalah kurang memuaskan. Yayasan gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam Manual Kualiti yang telah mendapat pengiktirafan SIRIM pada tahun 2003. Selain itu, Yayasan tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan kewangan untuk pemberian pinjaman pelajaran dalam negeri pada tahun 2004 hingga 2006 dengan prestasi pencapaian antara 20.2% hingga 57.1%.

Sumber kewangan Tabung Kebajikan dan Pelajaran yang terhad menyebabkan keupayaan kewangan sebagai dana pemberi pinjaman pelajaran adalah meragukan.

4. Majlis Perbandaran Batu Pahat: Kemudahan Riadah Dan Taman

Pembinaan Kemudahan Riadah Dan Taman oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk selaras dengan fungsi dan tanggungjawab membangunkan Bandar Batu Pahat. Aktiviti yang dilaksanakan ada perancangan disediakan meliputi semua elemen penting seperti undang-undang dan peraturan, keperluan kewangan, keperluan guna tenaga dan latihan. Bagaimanapun MPBP tidak menyediakan jadual kerja-kerja penyenggaraan kemudahan awam, hanya 4 daripada 231 lot tanah kosong telah diwartakan, draf Rancangan Tempatan MDBP tahun 2002 hingga 2020 belum dilaksanakan, perbelanjaan pembangunan kemudahan riadah tahun 2004 dan 2006 hanya mencapai 24.4% dan 36% dan prestasi perbelanjaan kerja penyenggaraan kemudahan riadah dan taman mencapai 74.5% pada tahun 2004, 89.1% pada tahun 2005 dan 46.7% pada tahun 2006. Hanya 2 daripada 47 kakitangan diberi kursus pengurusan dan penjagaan taman, tempat penyimpanan bahan-bahan penyenggaraan landskap kejur berpagar tetapi tidak berpintu, susun atur tidak kemas dan tidak teratur serta tiada daftar inventori diselenggarakan. Lawatan Audit ke taman terpilih mendapati banyak peralatan permainan rosak, jambatan kayu uzur dan berlubang serta penyenggaraan pokok dan kebersihannya tidak diurus dengan baik. Manakala hasil temu bual dengan pengunjung mendapati mereka tidak berpuas hati dengan kualiti pengurusan penyenggaraan alat permainan dan kemudahan. Kerja pemantauan oleh MPBP juga tidak memuaskan.

BAHAGIAN I

***AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
JABATAN/AGENSI***

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program atau aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya. Pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program dan aktiviti untuk dikaji secara mendalam seperti berikut:

- a) Pengurusan Pengambilan Tanah Dan Penggunaannya, Pejabat Tanah Muar Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi.
- b) Program Pembangunan Industri Makanan, Jabatan Pertanian Negeri Johor.
- c) Pengurusan Pinjaman Pelajaran, Yayasan Pelajaran Johor.
- d) Kemudahan Riadah Dan Taman, Majlis Perbandaran Batu Pahat.

PEJABAT TANAH MUAR DAN PEJABAT TANAH KOTA TINGGI

PENGURUSAN PENGAMBILAN TANAH DAN PENGGUNAANNYA

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menetapkan hal ehwal pentadbiran tanah di negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi dan perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian serta rekreasi terhadap permohonan yang diterima daripada Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Akta ini juga bertujuan untuk memproses urusan pengambilan tanah dan pembayaran pampasan yang mencukupi kepada pihak yang terlibat. Pengambilan tanah boleh diperoleh melalui salah satu cara iaitu memohon tanah Kerajaan, membeli tanah milik daripada tuan punya dan mengambil tanah milik menerusi proses perundangan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah memberi faedah untuk kemajuan ekonomi.

2.2 Pengambilan tanah untuk pembangunan perlu dilakukan memandangkan Kerajaan mempunyai tanah yang terhad, keluasan tanah yang tidak mencukupi dan lokasi yang tidak sesuai untuk melaksanakan projek pembangunan dan infrastruktur. Proses pengambilan tanah juga dapat mengatasi masalah pindah milik dan halangan-halangan perundangan yang mengambil masa yang lama sekiranya tanah itu diperoleh melalui proses pembelian terus.

2.3 Pejabat Tanah Muar telah menerima sebanyak 141 permohonan pengambilan tanah di antara tahun 2000 hingga bulan September 2006 daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, perbadanan dan syarikat dengan kos pampasan yang telah dijelaskan kepada pemilik tanah berjumlah RM114 juta. Manakala Pejabat Tanah Kota Tinggi pula telah menerima sebanyak 28 permohonan melibatkan kos pampasan berjumlah RM31.62 juta. Permohonan yang diterima antaranya adalah untuk melaksanakan projek jalan raya, jambatan, loji air, tapak pencawang elektrik, sekolah, klinik, masjid, taman rekreasi, dewan serba guna dan padang permainan, tapak pejabat dan projek Jabatan Pengairan dan Saliran.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan pengambilan tanah telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan tanah yang diambil telah digunakan dan dimajukan mengikut tujuan pengambilannya.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi serta agensi lain yang terlibat dengan pengambilan tanah di antara tahun 2000 hingga 2006. Antara agensi lain yang terlibat ialah Jabatan Kerja Raya, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta Pejabat Tanah Dan Galian. Skop kajian bermula daripada permohonan tanah diterima daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan sehingga pampasan dijelaskan kepada pihak yang berkepentingan dan seterusnya didaftarkan dalam hak milik dan juga pengesahan pembangunan tanah dilaksanakan. Sejumlah 65 atau 46% daripada 141 permohonan di Pejabat Tanah Muar telah dipilih untuk pengauditan termasuk pengambilan tanah terhadap 2 projek iaitu projek *Lenga by pass* dan *Muar by pass*. Manakala sejumlah 21 atau 75% daripada 28 permohonan di Pejabat Tanah Kota Tinggi pula telah dipilih untuk pengauditan.

Kaedah pengauditan adalah berdasarkan semakan terhadap fail permohonan, fail pengambilan tanah, daftar, rekod dan hak milik tanah. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan. Selain itu, lawatan Audit ke kawasan tanah yang diluluskan pengambilannya juga dilakukan untuk mengesahkan pembangunan tanah telah dilaksanakan mengikut tujuan pengambilannya.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan elemen penting yang perlu diambil kira dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Ini adalah untuk menentukan aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan objektifnya tercapai. Antara perancangan yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah seperti berikut:

5.1.1 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan

Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi menerima pakai undang-undang, peraturan dan garis panduan berikut untuk memastikan pengurusan pengambilan tanah dilaksanakan dengan berkesan:

a) Akta Pengambilan Tanah 1960

Akta Pengambilan Tanah 1960 mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada bulan Oktober 1960. Ia merupakan panduan utama menentukan kaedah dalam urusan pengambilan tanah terhadap semua permohonan. Akta ini menggariskan dengan jelas kaedah pengambilan tanah dari proses permulaan hingga proses selesai. Antaranya meliputi proses permohonan, penyiasatan, pengisytiharan pengambilan, pewartaan, mengambil milik tanah, bantahan ke mahkamah dan pembayaran pampasan tanah.

b) Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998

Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998 mula dikuatkuasakan pada awal bulan Mac 1998. Kaedah ini menetapkan secara khusus mengenai prosedur pengambilan tanah daripada perbadanan, syarikat dan orang perseorangan meliputi antaranya kadar bayaran proses, deposit pampasan tanah yang dikenakan dan borang yang perlu digunakan untuk mengemukakan permohonan.

c) Pekeliling-pekeling

Selain mengguna pakai Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998, Pejabat Tanah juga mengguna pakai Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan dan Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Johor. Pengedaran pekeling dan arahan berkaitan dari semasa ke semasa yang melibatkan proses pengambilan tanah akan dilakukan bagi memperjelaskan undang-undang pengambilan tanah untuk membantu kakitangan di Pejabat Tanah memahami dengan lebih tepat mengenai proses pengambilan tanah.

5.1.2 Prosedur Dan Proses Pengambilan Tanah

a) Secara ringkas, prosedur dan proses pengambilan tanah boleh dibahagikan kepada 6 peringkat seperti berikut:

i) Permohonan Dan Pewartaan

Semua permohonan pengambilan tanah perlu dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Cadangan pengambilan tanah akan diwartakan berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 dan akan berkuat kuasa selama 2 tahun.

ii) Siasatan Dan Perintah

Selain memastikan kesesuaian pembangunan yang dicadangkan, Seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kebenaran kepada Pentadbir Tanah untuk menjalankan siasatan dan menaksirkan nilai pampasan yang akan ditawarkan kepada pihak yang berkepentingan. Pentadbir Tanah juga akan menjalankan siasatan terhadap pihak yang berkepentingan yang mengemukakan tuntutan pampasan, pihak berkecukupan menerima pampasan dan bantahannya.

iii) Penilaian Tanah

Laporan penilaian tanah yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta akan menjadi asas untuk menentukan harga pasaran tanah bagi tujuan pampasan. Selain menjadi asas dalam menentukan jumlah pampasan yang akan dibayar, penilaian ini juga penting untuk menentukan jumlah deposit yang perlu dijelaskan oleh pemohon selain daripada permohonan Kerajaan.

iv) Pembayaran Dan Deposit Pampasan

Bagi pembayaran pampasan, notis tawaran pampasan perlu dikemukakan kepada pihak berkepentingan sama ada yang akan menerima atau menerima dengan bantahan tawaran tersebut. Sekiranya bantahan dibuat, sebanyak 25% daripada nilai tawaran pampasan akan dipegang sebagai deposit oleh Pentadbir Tanah. Pampasan kepada pihak berkepentingan mesti dijelaskan dalam tempoh 3 bulan daripada notis tawaran pampasan disampaikan atau pada tarikh notis tanah telah diambil milik tertakluk kepada mana yang terdahulu. Caj bayaran lewat sebanyak 8% setahun akan dikenakan jika pampasan tidak dibayar dalam tempoh tersebut.

Deposit pampasan tanah pula akan menentukan keupayaan kewangan pemohon bagi menjelaskan kos pampasan kepada pemilik tanah mengikut tempoh yang ditetapkan. Pemohon dikehendaki menjelaskan 125% deposit pampasan tanah kepada Pentadbir Tanah di mana 50% daripadanya perlu dijelaskan semasa permohonan dikemukakan manakala baki 75% lagi dijelaskan selepas kelulusan diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri. Deposit pampasan tanah yang diterima akan disimpan di dalam Akaun Deposit Pejabat Tanah sehingga pampasan dijelaskan kepada pemilik tanah. Sekiranya ada lebihan deposit, pemohon boleh membuat tuntutan baki deposit pampasan tanah selepas proses pengambilan tanah selesai.

v) Pemilikan Tanah

Pengambilan tanah hanya boleh dibuat dalam dua keadaan iaitu apabila Notis Penyampaian Tawaran Pampasan diserahkan kepada pihak yang berkepentingan atau Sijil Perakuan Segera dikeluarkan bagi pengambilan yang perlu disegerakan untuk kepentingan awam. Pemilikan tanah hanya akan dibuat dengan pengeluaran Notis Hak Milik Rasmi yang ditetapkan mengikut Seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah 1960. Apabila notis berkenaan didaftarkan, tanah tersebut dengan sendirinya menjadi tanah Kerajaan.

vi) Rujukan Ke Mahkamah

Seksyen 37 Akta Pengambilan Tanah 1960 menetapkan pihak yang berkepentingan terhadap tanah boleh membuat bantahan ke Mahkamah melalui Pentadbir Tanah. Bantahan adalah berkaitan dengan keluasan tanah, jumlah pampasan, pihak yang layak menerima pampasan dan pembahagian pampasan. Bantahan boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan berserta bayaran deposit sejumlah RM3,000 atau 10% daripada jumlah

pampasan yang dituntut mengikut mana yang kurang. Dokumen yang telah dilengkapkan akan dirujuk ke mahkamah dalam masa 6 bulan dari tarikh permohonan bantahan diterima.

- b) Proses meluluskan permohonan pengambilan tanah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berlandaskan undang-undang tanah yang ditetapkan. Selain daripada Pejabat Tanah, proses ini juga melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya, UPEN serta Pejabat Tanah Dan Galian. Secara ringkasnya, proses pengambilan tanah boleh dijelaskan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Proses Pengambilan Tanah

Bil.	Proses Pengambilan	Kategori Pemohon	
		Kerajaan	Selain Kerajaan
1.	Permohonan diterima oleh Pentadbir Tanah (PT)	/	/
2.	Pemohon kemukakan borang dan maklumat berikut:		
	i. Cadangan projek	T/b	/
	ii. Pelan bentangan	T/b	/
	iii. Laporan awal penilaian tanah	T/b	/
	iv. Wang proses dan deposit pampasan tanah	T/b	/
3.	Permohonan dihantar ke Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk sokongan	T/b	/
4.	UPEN kemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah	T/b	/
5.	Keputusan permohonan ke MMKN	T/b	/
6.	Ulasan Pegawai Petempatan	/	T/b
7.	Ulasan Jabatan Teknikal	/	T/b
8.	Penyediaan Kertas Permohonan oleh PT dan dihantar ke Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) untuk perakuan dengan disertakan:		
	i. Draf risalah MMKN	/	T/b
	ii. Borang maklumat tanah	/	T/b
	iii. Borang untuk diwartakan	/	/
	iv. Pelan tanah	/	T/b
9.	PTG kemukakan permohonan untuk kelulusan MMKN	/	/
10.	Keputusan permohonan oleh MMKN	/	/
11.	PTG maklumkan keputusan MMKN kepada PT	/	/
12.	PTG memohon kepada syarikat percetakan untuk disiarkan dalam Warta Kerajaan	/	/
13.	Notis Siasatan dikeluarkan kepada pemilik tanah	/	/
14.	Penilaian tanah dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	/	/
15.	Penyediaan Notis Tawaran pampasan kepada pemilik tanah	/	/
16.	Penyampaian Notis Tawaran pampasan kepada pemilik tanah	/	/
17.	Bayaran pampasan kepada pemilik tanah	/	/

Sumber: Rekod Pejabat Tanah

Nota: / - Perlu Dipatuhi. T/b – Tidak Berkaitan

5.1.3 Struktur Organisasi, Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi yang jelas, kakitangan yang mencukupi dan latihan merupakan faktor yang akan menyumbang kepada kecekapan serta keberkesanan pentadbiran tanah. Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi membuat perancangan keperluan guna tenaga dan latihan seperti berikut:

a) Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Struktur organisasi Pejabat Tanah Muar terdiri daripada 5 bahagian utama iaitu Bahagian Pendaftaran, Hasil, Pentadbiran Dan Kewangan, Kuatkuasa Dan Petempatan dan Pembangunan Tanah/Pelupusan. Pengurusan pengambilan tanah diuruskan oleh Unit Pengambilan Tanah di Bahagian Pembangunan Tanah/Pelupusan yang mempunyai 5 perjawatan yang diluluskan. Di Pejabat Tanah Muar ianya diketuai oleh Penolong Pentadbir Tanah Gred N44 dan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi Gred N17 (tetap) dan seorang Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi Gred N17 (kontrak). Manakala seorang Penolong Pentadbir Tanah Gred N41 dan seorang Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi Gred N17 (kontrak) ditempatkan di Pejabat Tanah Daerah Kecil Tangkak bagi pengurusan pengambilan tanah di Daerah Kecil Tangkak.

Di Pejabat Tanah Kota Tinggi, Unit Pengambilan Tanah ditempatkan di Bahagian Pembangunan yang mempunyai 2 perjawatan yang diluluskan. Urusan memproses permohonan pengambilan tanah dan penyelenggaraan rekod-rekod berkaitan dengannya dilakukan oleh seorang Pembantu Tadbir di bawah pengawasan seorang Pegawai Petempatan dan diketuai oleh Penolong Pentadbir Tanah. Fungsi dan tanggungjawab kesemua Bahagian ini telah dinyatakan dengan jelas.

b) Perancangan Latihan

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran dan pengajaran untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan yang ditumpukan kepada tugas dipertanggungjawabkan. Oleh itu, latihan yang bersesuaian dengan tugas dan jawatan hendaklah diberikan bagi meningkatkan pengetahuan dan mutu perkhidmatan di kalangan kakitangan.

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor membuat perancangan kursus berkaitan pentadbiran tanah. Kursus juga akan dianjurkan dengan kerja sama Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi. Kakitangan yang mengahdirinya akan dipilih berdasarkan keperluan kakitangan yang terlibat dengan tugas pengambilan tanah. Latihan yang diberikan

dijangka akan dapat memberi pendedahan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai tata cara pentadbiran tanah mengikut peraturan dan Akta yang berkaitan.

Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi tidak mempunyai perancangan khusus untuk menghantar pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab dalam urusan pengambilan tanah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Johor serta INSTUN sepanjang tahun 2000 hingga 2006.

5.1.4 Rekod Pengambilan Tanah

Pengurusan pengambilan tanah memerlukan satu sistem maklumat untuk merekodkan proses kerja dan dokumen berkaitan. Sistem ini merangkumi penyediaan daftar, penyimpanan dokumen dan maklumat status kemajuan. Beberapa perkara mengenai rekod pengambilan tanah telah digariskan seperti berikut:

a) Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 27 Tahun 1977 menyatakan Pentadbir Tanah perlu menyediakan satu daftar kemajuan pengambilan tanah. Tujuannya adalah untuk merekodkan setiap langkah proses pengambilan tanah. Daftar perlu direkodkan dengan butiran lengkap seperti nama pemohon, tarikh permohonan, tujuan pengambilan, nama pemilik tanah, nombor lot dan keluasan tanah, jumlah pampasan dan tarikh borang-borang terlibat.

b) Rekod Bayaran Pampasan

Perenggan 5 Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3 Tahun 1999 menerangkan langkah-langkah pengawalan dalam menguruskan cek bayaran pampasan seperti berikut:

- i) Menggunakan borang Akuan Penerimaan untuk penyerahan cek bayaran pampasan.
- ii) Menyediakan Buku Rekod Penerimaan dan Penyerahan Cek Bayaran Pampasan.
- iii) Merekod surat kuasa wakil penerima bayaran pampasan.

Tujuan tindakan pengawalan ini adalah untuk mengelakkan perkara-perkara seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3 Tahun 1999 daripada berlaku sebagaimana berikut:

- Cek bayaran pampasan tidak dapat diserahkan dengan segera sebelum tempoh sah laku cek luput.

- Cek bayaran pampasan tidak diserahkan kepada penerima.
- Cek bayaran pampasan yang disimpan rosak atau hilang.
- Tiada rekod penerimaan dan penyerahan cek bayaran pampasan dan menyebabkan kesukaran untuk memantau pembayaran.

5.1.5 Piagam Pelanggan

Piagam pelanggan merupakan komitmen dan janji bertulis Pejabat Tanah kepada orang awam mengenai kesediaan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti mengikut standard dan tempoh yang ditetapkan. Penetapan piagam pelanggan merupakan usaha ke arah mewujudkan jentera pentadbiran awam yang cekap bagi memenuhi kepuasan pelanggan. Selain itu, dengan penetapan piagam pelanggan, Pejabat Tanah juga dijangka berupaya memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan keyakinan yang tinggi orang awam terhadap proses pengambilan tanah. Secara ringkasnya Pejabat Tanah Kota Tinggi telah menetapkan piagam pelanggan pengambilan tanah bagi perakuan kelulusan pengambilan tanah akan diselesaikan dalam tempoh 2 bulan, siasatan akan dijalankan dalam tempoh 30 hari selepas Pewartaan Borang D (Pengisytiharan Pengambilan Yang Dicapang), perintah pampasan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh siasatan dan cek pampasan akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari selepas diterima daripada Jabatan yang memohon pengambilan tanah. Bagaimanapun, tiada piagam pelanggan disediakan bagi proses pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar.

5.1.6 Penggunaan Tanah Selepas Pengambilan

Pengurusan tanah yang diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek pembangunan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian yang mengambil tanah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987. Bagi tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri yang tidak dapat digunakan untuk sesuatu projek dengan segera, tiada garis panduan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri terhadap pengurusan tanah-tanah tersebut sama ada oleh Pentadbir Tanah atau agensi yang mengambil tanah.

5.1.7 Kaedah Pemantauan

Kaedah pemantauan yang berterusan akan dapat memastikan permohonan pengambilan tanah diproses mengikut peraturan dan Akta yang berkaitan serta pampasan dibayar kepada pemilik tanah mengikut tempoh yang ditetapkan. Pemantauan yang berterusan terhadap pengurusan pengambilan tanah adalah penting untuk melicinkan lagi pengurusan proses pengambilan tanah dan memastikan pembangunan tanah dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan tujuan ianya

diambil. Pemantauan di peringkat Pentadbir Tanah adalah sangat penting untuk memastikan tiada kelewatan dalam meluluskan permohonan dan pembayaran pampasan. Pejabat Tanah dikehendaki menyediakan Laporan Pengambilan Tanah setiap tiga bulan dan mengemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian. Bagi projek-projek besar laporan pengambilan tanah akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Dengan adanya mekanisme pemantauan ini dijangka dapat memastikan pelaksanaan proses pengambilan tanah berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat pembangunan tanah yang dicadangkan.

Pada pandangan Audit, perancangan pengambilan tanah telah dibuat dengan baik berdasarkan peruntukan undang-undang dan prosedur pengambilan tanah yang lengkap.

5.2 PELAKSANAAN

Proses pengambilan tanah merupakan aktiviti yang berterusan dan tidak dapat dielakkan bagi pembangunan negara. Pelaksanaan pembangunan berdasarkan perancangan yang baik dapat menjamin pengurusan pengambilan tanah dijalankan dengan berkesan dan mencapai matlamat pembangunan. Semakan Audit terhadap pengurusan pengambilan tanah mendapati perkara berikut:

5.2.1 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan

Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi menerima pakai Akta Pengambilan Tanah 1960. Akta ini merupakan panduan utama yang menetapkan segala prosedur dalam urusan pengambilan tanah terhadap semua permohonan untuk memastikan pengambilan tanah dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat pembangunan hartanah. Kedua-dua Pejabat Tanah juga menerima pakai Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998 untuk menetapkan kadar bayaran proses, deposit pampasan tanah yang dikenakan dan borang permohonan yang perlu digunakan semasa permohonan dikemukakan. Selain menerima pakai Akta dan Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah, kedua-dua Pejabat Tanah juga menerima pakai Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan serta Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Johor. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan undang-undang pengambilan tanah supaya kakitangannya memahami dengan lebih tepat proses pengambilan tanah. Rujukan kepada Penasihat Undang-undang dan contoh kes Mahkamah juga diguna pakai untuk menjelaskan peraturan dan ketetapan peraturan.

Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi mempunyai proses pengambilan tanah yang baik kerana menerima pakai dan merujuk kepada Akta, peraturan dan garis panduan berkaitan pengambilan tanah sama ada oleh agensi Kerajaan atau swasta.

5.2.2 Prosedur Dan Proses Pengambilan Tanah

Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi perlu mematuhi prosedur dan proses pengambilan tanah yang telah ditetapkan untuk melicinkan urusan pengambilan tanah. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Permohonan Dan Pewartaan

i) Permohonan Pengambilan Tanah

Semua permohonan pengambilan tanah hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan pengambilan tanah daripada kategori perbadanan, syarikat dan orang perseorangan perlu disertakan borang permohonan, kertas cadangan projek, pelan pengambilan tanah, laporan penilaian tanah daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, bayaran proses dan 50% deposit pampasan daripada nilai harta selaras dengan kehendak Seksyen 3 dan 4 Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998. Pada tahun 2000 hingga bulan September 2006, Pejabat Tanah Muar telah menerima sebanyak 141 permohonan pengambilan tanah manakala Pejabat Tanah Kota Tinggi telah menerima sebanyak 28 permohonan. Permohonan di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi bagi tempoh 2000 hingga bulan September 2006 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Bilangan Permohonan Pengambilan Tanah
Bagi Tempoh 2000 Hingga Bulan September 2006

Kategori Pemohon	Daerah	Tahun							Jumlah
		2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	
Kerajaan Negeri/ Persekutuan	Muar	22	26	17	12	14	25	8	124
	Kota Tinggi	2	3	6	3	3	3	2	22
Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan	Muar	-	1	2	1	-	-	1	5
	Kota Tinggi	-	-	-	1	-	-	-	1
Syarikat	Muar	2	1	4	1	2	2	-	12
	Kota Tinggi	-	1	2	-	2	-	-	5
Jumlah Permohonan	Muar	24	28	23	14	16	27	9	141
	Kota Tinggi	2	4	8	4	5	3	2	28

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi

Semakan Audit terhadap 65 daripada 141 fail atau 46% permohonan di Pejabat Tanah Muar dan 21 daripada 28 fail atau 75% permohonan di Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati semua permohonan telah direkodkan dalam buku daftar. Selain itu fail permohonan juga telah dibuka terhadap setiap permohonan. Semakan juga mendapati permohonan berkenaan telah disertakan dengan wang proses sebagaimana yang dikehendaki dan mengikut kadar yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, proses pendaftaran permohonan pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah baik kerana semua permohonan pengambilan tanah telah didaftarkan.

ii) Tempoh Memproses Permohonan

Proses pengambilan tanah sebelum pewartaan melibatkan beberapa peringkat kerja seperti kesesuaian tapak, laporan pegawai tanah, laporan jabatan teknikal, perakuan ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan seterusnya dihantar untuk percetakan di Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Manakala proses selepas pewartaan melibatkan siasatan, bayaran pampasan sehingga pemilikan rasmi dikeluarkan. Masa yang ditetapkan dalam Akta ialah tempoh kuat kuasa warta, tempoh siasatan perlu dijalankan, notis pemberian pampasan dan tempoh bayaran pampasan. Bagaimanapun tiada tempoh ditetapkan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 terhadap proses pengambilan tanah. Semakan

Audit terhadap 17 permohonan di Pejabat Tanah Muar mendapati proses pengambilan tanah hingga pemilikan rasmi mengambil masa antara 12 hingga 61 bulan. Proses ini termasuk proses sebelum pewartaan yang mengambil masa antara 4 hingga 50 bulan.

Selain itu, semakan Audit terhadap projek *Lenga By Pass* di Pejabat Tanah Muar mendapati permohonan rasmi telah dibuat pada pertengahan bulan Oktober 2001. Apabila tiada sebarang tindakan oleh Pentadbir Tanah, Jabatan Kerja Raya telah mengulangi permohonan pada awal bulan Januari 2004. *Lenga By Pass* merupakan projek yang perlu dilaksanakan dalam RMKe-8. Bagaimanapun kelewatan Pejabat Tanah Muar memproses permohonan pengambilan tanah selama 2 tahun menyebabkan rancangan projek tidak dilaksanakan pada tempoh tersebut. Semakan Audit di Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati proses pengambilan tanah adalah baik kerana mengambil masa kurang daripada 12 bulan.

Pejabat Tanah Muar memaklumkan bahawa punca tempoh memproses permohonan agak panjang antaranya disebabkan ulasan pegawai petempatan lewat dan bayaran pampasan oleh agensi pengambilan tanah tidak disegerakan.

Pada pendapat Audit, tempoh memproses permohonan sebelum pewartaan di Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah baik, manakala di Pejabat Tanah Muar adalah tidak memuaskan kerana terdapat permohonan yang mengambil masa melebihi 2 tahun.

iii) Pewartaan

Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 menyatakan cadangan pengambilan tanah perlu diwartakan dan ianya berkuat kuasa selama 2 tahun. Semakan Audit di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati penyediaan Kertas Perakuan Borang D yang mengandungi jadual tanah-tanah yang hendak diambil sering berlaku kesilapan. Kesilapan kerap berlaku terhadap butiran lot tanah, nombor hak milik, keluasan yang diambil, nama mukim dan nama tuan tanah. Keadaan ini menyebabkan Warta Kerajaan yang disiarkan berlaku kesilapan tanpa dapat dikesan terlebih awal. Oleh itu, pembetulan dan proses pewartaan semula menyebabkan proses pengambilan tanah menjangkau tempoh yang lebih lama. Semakan terhadap sampel fail pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar mendapati proses pewartaan

menjangkau tempoh antara 6 hingga 18 bulan kerana pembetulan pewartaan yang berulang kali. Manakala bagi Pejabat Tanah Kota Tinggi, proses menjangkau tempoh antara 10 hingga 21 bulan terhadap kesilapan yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Proses Pewartaan Yang Berulang Kali

Proses Pewartaan Yang Berdang Rair					
No. Fail	Tarikh Permohonan	Pembetulan Warta			Kelewatan Tempoh Pewartaan (Bulan)
		Warta 1	Warta 2	Warta 3	
Pejabat Tanah Muar					
21/2000	18.12.2000	4.7.2002	3.7.2003	-	12
48/2002	7.11.2002	17.7.2003	25.4.2004	30.12.2004	18
11/2001	4.7.2001	28.3.2002	10.10.2002	17.7.2003	15
4/2000	9.3.2001	6.12.2001	1.6.2002	-	6
Pejabat Tanah Kota Tinggi					
3/2002	20.3.2002	15.9.2005	16.3.2006	20.7.2006	10
7/2002	10.5.2002	26.8.2004	11.5.2006	-	21
3/2003	16.9.2003	3.3.2005	20.7.2006	-	16

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Muar Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi

Pada pendapat Audit, proses pewartaan di kedua-dua Pejabat Tanah adalah tidak memuaskan kerana terdapat pewartaan berulang kali. Ini disebabkan kesilapan butiran lot tanah serta penukaran lot tanah yang diambil yang menyebabkan urusan pengambilan tanah mengambil masa yang lama.

b) Bayaran Pampasan Melebihi Harga Nilai

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (KPTG) Bilangan 2 Tahun 2005 menyatakan Pentadbir Tanah boleh menaksir amaun pampasan tanpa merujuk dan memperoleh laporan penilaian daripada penilai sekiranya Pentadbir Tanah memperoleh maklumat mengenai nilai tanah daripada sumber lain seperti perbandingan nilai dari transaksi tanah yang berhampiran atau sebagainya. Bagaimanapun, jika sekiranya perlu dan sesuai, Pentadbir Tanah boleh merujuk kepada mana-mana penilai untuk mendapat laporan pakar sama ada daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) atau Penilai Berdaftar. Nota siasatan hendaklah lengkap, jelas dan sebab-sebab bagaimana sesuatu keputusan mengenai nilai dan pampasan itu dicapai. Semakan Audit mendapati bayaran pampasan terhadap 8 pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar melebihi harga nilai yang diberi oleh JPPH antara 5% hingga 74% iaitu

daripada sejumlah RM11,680 hingga RM651,140. Semakan Audit, juga mendapati nota siasatan terlalu ringkas dan tiada catatan perbandingan harga seperti harga jual beli tanah bagi tempoh yang sama, tanah serupa atau sama kedudukannya dan kawasan berdekatan dengan tanah yang diambil. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Bayaran Pampasan Melebihi Nilai Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

Bil.	No. Fail/ Agensi	Tujuan Pengambilan Tanah	Bayaran Pampasan (RM)	Nilai JPPH (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
1.	33/2001 Kementerian Pendidikan	Tapak Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bandar Muar, Ulu Kesang, Muar	2,588,760	1,937,620	651,140	34
2.	PTM(T) 7/1/2002 Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	Tapak Sistem Dan Perkhidmatan Pembentukan Jalan Sialang, Tangkak	512,634	294,430	218,204	74
3.	PTM(T) 7/2/2004 Pejabat Menteri Besar	Tapak Surau Kampung Solok, Tangkak	176,797	127,428	49,369	39
4.	17/2003 Pejabat Menteri Besar	Tapak Pelupusan Sampah	269,153	238,189	30,964	13
5.	27/2005 Kementerian Kerja Raya Malaysia	Tapak Projek Lebuh Raya Utara-Selatan (Tambahan), Muar	81,079	57,098	23,981	42
6.	24/2002 Pejabat Menteri Besar	Tapak Dewan Serbaguna Penduduk Parit Hj. Ali / Parit Punggur, Jalan Abdul Rahman, Muar	424,691	404,277	20,414	5
7.	9/2000 Pejabat Menteri Besar	Tapak Pusat Pentadbiran Kampung Rimba, Mukim Kundang, Muar	327,642	312,040	15,602	5
8.	14/2001 Kementerian Kesihatan Malaysia	Tapak Rumah Bidan Dan Klinik (Naik Taraf) Bukit Kangkar	245,272	233,592	11,680	5

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Muar

Selain itu, semakan terhadap permohonan tanah bagi projek pembinaan jalan dan jambatan merentasi Sungai Sedili dari Tanjung Sedili ke Sedili Besar di Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati projek Jabatan Kerja Raya ini telah melibatkan 33 bidang tanah dengan keluasan 17.399 hektar dan bayaran pampasan berjumlah RM0.81 juta. Semakan Audit di Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati sebidang tanah di Mukim Sedili Besar iaitu PTD 924 dengan keluasan 0.601 hektar telah dinilai RM134,000 sehektar oleh JPPH dan jumlah pampasan yang layak diterima adalah berjumlah RM134,934. Namun begitu berdasarkan Borang G (*Award Pampasan Bertulis*), pemilik tanah tersebut telah menerima pampasan tanah berjumlah RM257,875 iaitu dengan kadar RM429,076 sehektar. Perbezaan nilai dan bayaran pampasan adalah berjumlah RM122,941. Bayaran pampasan dalam *award* bagi pemilik yang berhampiran dengan lokasi dan keadaan yang serupa adalah pada kadar RM130,000 hingga RM134,000 sehektar. Dengan itu pemilik tanah PTD 924 telah menerima pampasan yang lebih tinggi daripada pemilik lain dan tiada nota siasatan yang mencatatkan sebab-sebab pampasan dibayar lebih tinggi daripada harga nilai.

Pada pendapat Audit penetapan nilai pampasan adalah tidak memuaskan kerana Pentadbir Tanah Muar dan Pentadbir Tanah Kota Tinggi tidak mencatatkan dengan jelas sebab-sebab pampasan dibayar lebih tinggi daripada harga nilai di nota siasatan.

c) Pembayaran Pampasan Kepada Pemilik Tanah

Seksyen 29 Akta Pengambilan Tanah 1960 menyatakan Pentadbir Tanah bertanggungjawab membayar pampasan kepada orang berkepentingan dengan seberapa segera selepas notis Borang H (Notis Award Dan Tawaran Pampasan) diserahkan. Seksyen 32(1C) Akta yang sama pula menghendaki pembayaran pampasan tanah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tawaran jumlah pampasan disampaikan atau pada tarikh tanah telah diambil secara rasmi tertakluk kepada mana yang terdahulu. Sekiranya pembayaran pampasan tidak dijelaskan dalam tempoh masa yang ditetapkan, denda lewat 8% setahun dikenakan sebagaimana kehendak Seksyen 32 Akta Pengambilan Tanah 1960. Hasil semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Kelewatan Bayaran Pampasan

Selain menyampaikan Borang H kepada tuan tanah dan orang berkepentingan, Pentadbir Tanah juga telah mengemukakan Borang G dan H kepada agensi yang memohon bagi tujuan bayaran pampasan. Semakan Audit di Pejabat

Tanah Muar mendapati seramai 2,212 pemilik tanah terlibat dengan pengambilan tanah bagi projek *Muar By Pass* yang melibatkan bayaran pampasan berjumlah RM79.22 juta. Bagaimanapun seramai 1,262 pemilik tanah lewat menerima bayaran pampasan. Tempoh kelewatan adalah antara 12 hingga 714 hari daripada tempoh genap masa.

Bagi projek *Lenga By Pass* permohonan pengambilan tanah melibatkan 90 pemilik tanah dengan bayaran pampasan berjumlah RM1.09 juta. Semakan Audit mendapati Pentadbir Tanah telah mengemukakan salinan Borang G dan H kepada Jabatan Kerja Raya untuk pembayaran pampasan pada pertengahan Disember 2005. Disebabkan tiada tindakan pembayaran dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya, Pentadbir Tanah telah mengemukakan dua kali peringatan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Johor iaitu pada pertengahan bulan Julai 2006 dan akhir bulan September 2006. Sehingga tarikh pengauditan hanya seramai 40 pemilik tanah telah menerima pampasan berjumlah RM0.58 juta. Namun begitu bayaran pampasan yang diterima lewat antara 183 hingga 261 hari daripada tempoh genap masa. Manakala baki 50 pemilik tanah masih belum menerima pampasan berjumlah RM0.51 juta.

Selain daripada projek di atas bayaran pampasan pengambilan tanah terhadap 15 projek lain di Daerah Muar bernilai RM5.46 juta lewat dibayar antara 11 hingga 174 hari daripada tempoh genap masa.

Semakan Audit juga mendapati seramai 8 pemilik tanah di Daerah Kota Tinggi lewat menerima pampasan bernilai RM0.61 juta antara 26 hingga 101 hari daripada tempoh genap masa.

ii) Caj Bayaran Lewat

Seksyen 32 Akta Pengambilan Tanah 1960 menyatakan jika jumlah pampasan tidak dibayar pada atau sebelum tarikh genap masa, maka Pentadbir Tanah dikehendaki membayar jumlah yang diawardkan itu berserta dengan denda lewat sebanyak 8% setahun mulai daripada tarikh genap masa sehingga tarikh bayaran dibuat. Seksyen 32(1C) menyatakan “genap masa” ialah tarikh semasa tanah itu diambil milik atau satu tarikh 3 bulan selepas penyampaian sesuatu notis. Pampasan dikira dibayar apabila Pentadbir Tanah memberitahu secara bertulis kepada pemilik tanah bahawa cek boleh didapatkan di Pejabat Tanah. Semakan Audit di Pejabat Tanah Muar bagi projek *Muar By Pass* mendapati perkara seperti berikut:

- Semakan Audit terhadap 380 sampel bukti penyampaian Borang H atau Borang I (Perakuan Kedesakan) mendapati kesemua tarikh genap masa diambil kira daripada tarikh Borang H atau Borang I dikeluarkan dan bukan tarikh borang disampaikan.
- Pentadbir Tanah telah menjelaskan RM0.87 juta caj bayaran lewat yang melibatkan 249 pemilik tanah. Semakan Audit terhadap 87 sampel mendapati lebihan caj bayaran lewat telah terlebih bayar berjumlah RM75,940. Ini disebabkan Pentadbir Tanah telah mengambil kira tarikh Borang H atau Borang I dikeluarkan dan bukan tarikh penyampaian Borang H atau Borang I.
- Setelah menerima cek daripada agensi yang mengambil milik tanah, Pentadbir Tanah Muar sepatutnya dengan seberapa segera memberitahu secara bertulis kepada pemilik tanah untuk mengambil cek. Semakan Audit terhadap 84 sampel mendapati 38 pemilik tanah lewat diberi surat pemberitahuan antara 7 hingga 38 hari. Akibatnya jumlah caj lewat adalah lebih tinggi kerana jumlah hari lewat yang semakin bertambah.

iii) **Caj Bayaran Lewat Belum Dibayar**

Semakan Audit di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi mendapati perkara seperti berikut:

- Seramai 1,013 pemilik tanah Projek *Muar By Pass* belum dibayar caj bayaran lewat yang dianggarkan berjumlah RM1.85 juta. Kesemua bayaran pampasan telah dijelaskan pada bulan November 2004. Semakan Audit mendapati Jabatan Kerja Raya telah berulang kali memberi surat peringatan kepada Pentadbir Tanah Muar iaitu pada akhir bulan Disember 2005, Jun 2006 dan Julai 2006. Bagaimanapun terdapat caj bayaran lewat belum dibayar dari tahun 2002 sehingga tarikh pengauditan kerana dokumen sokongan yang tidak lengkap seperti ketiadaan Borang H, Borang I, bukti penyampaian dan surat panggilan mengambil cek.
- Kesemua 90 pemilik tanah projek *Lenga By Pass* belum dibayar caj bayaran lewat yang dianggarkan berjumlah RM33,387.
- Sementara itu bagi 15 projek lain di Daerah Muar, pemilik tanah yang lewat menerima pampasan belum dibayar caj bayaran lewat. Jumlah yang belum dijelaskan adalah berjumlah RM0.16 juta.
- Denda lewat 8% setahun tidak dijelaskan kepada 7 pemilik tanah di Daerah Kota Tinggi melibatkan bayaran berjumlah RM8,989.

Pada pendapat Audit pengurusan bayaran pampasan adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan bayaran pampasan dan akibatnya dikenakan caj bayaran lewat. Terdapat juga lebih bayaran disebabkan kesilapan pengiraan dan terdapat caj bayaran lewat yang belum diselesaikan kerana tidak mempunyai dokumen sokongan.

d) Pembayaran Deposit Pampasan

Perenggan 5(1)(a) Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah Tahun 1998 menghendaki pemohon selain daripada Kerajaan, menjelaskan sebanyak 125% deposit daripada nilai tanah yang hendak diambil. Pemohon dikehendaki menjelaskan 50% semasa permohonan dikemukakan dan baki 75% dijelaskan selepas agensi menerima terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati 3 pemohon di Pejabat Tanah Kota Tinggi lewat mengemukakan deposit tersebut. Berdasarkan tarikh permohonan dan tarikh deposit dijelaskan didapati berlaku kelewatan antara 9 hingga 28 bulan. Manakala pembayaran deposit pampasan di Pejabat Tanah Muar adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, proses bayaran deposit pampasan adalah baik di Pejabat Tanah Muar manakala di Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah memuaskan.

e) Hak Milik Sambungan Dan Permohonan Ukur

Seksyen 25 Akta Pengambilan Tanah 1960 menghendaki pengukuran semula hendaklah dilakukan terhadap tanah yang terlibat dengan sebahagian pengambilan tanah. Tujuan pengukuran semula ini adalah untuk menentukan keluasan sebenar selepas pengambilan, pindaan cukai terhadap baki keluasan tanah pemilik dan seterusnya mengeluarkan hak milik sambungan. Masa penyediaan ini adalah sebaik sahaja selesai pemilikan secara rasmi dan catatan Borang K (Pemberitahu Bahawa Tanah Telah Diambil Milik) telah didaftarkan dalam Dokumen Hak Milik Daftar.

Semakan Audit terhadap fail pengambilan tanah dari tahun 2000 hingga bulan September 2006 mendapati Pejabat Tanah Muar hanya membuat 4 permohonan ukur semula daripada 289 pengambilan tanah yang terlibat dengan pengambilan sebahagian daripada keluasan dan yang telah selesai pemilikan secara rasmi di Borang K.

Pejabat Tanah Kota Tinggi pula tidak mengambil tindakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 25 tersebut. Berdasarkan Rekod Kemajuan Pengambilan Tanah, sehingga tahun 2006 sebanyak 355 lot tanah terlibat dengan pengambilan sebahagian daripada keluasan.

Kelewatan dan kegagalan kedua-dua Pejabat Tanah mengambil tindakan tersebut menyebabkan proses dan pengeluaran dokumen hak milik sambungan tidak dapat dilakukan walaupun pindaan cukai dicatat pada dokumen hak milik.

Pada pendapat Audit proses hak milik sambungan terhadap kedua-dua Pejabat Tanah adalah tidak memuaskan kerana Pejabat Tanah tidak menghantar permohonan pengukuran semula ke Jabatan Ukur Dan Pemetaan.

f) Penarikan Balik Daripada Pengambilan Tanah

Seksyen 35(1) Akta Pengambilan Tanah 1960 menyatakan permohonan pengambilan tanah boleh ditarik balik sebelum pemilikan tanah secara rasmi diberi. Bagaimanapun, menurut Seksyen 35(1A) Akta yang sama, setiap tanah yang telah diwartakan untuk pengambilan, penarikan perlu diberitahu dalam Warta Kerajaan. Selain itu permohonan yang belum dibuat tawaran (*award*) oleh Pentadbir Tanah mempunyai tempoh sah kuat kuasa Warta Kerajaan selama 2 tahun. Sekiranya tempoh telah tamat, suatu permohonan baru perlu dikemukakan. Pentadbir Tanah hendaklah melakukan siasatan apabila berlaku sesuatu penarikan balik untuk menentukan:

- i) Amaun pampasan kerana kerosakan sekiranya ada.
- ii) Membayar kepada orang berkepentingan semua kos akibat daripada prosiding pengambilan.
- iii) Mendaftar catatan penarikan dalam Dokumen Hak Milik Daftar.

Semakan Audit mendapati 7 permohonan di Pejabat Tanah Muar telah ditarik balik tetapi belum diberitahu dalam Warta Kerajaan. Penarikan 2 permohonan adalah disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi. Manakala 5 permohonan telah tamat tempoh kuat kuasa Warta Kerajaan disebabkan bantahan oleh tuan punya tanah. Semakan selanjutnya mendapati permohonan pengambilan tanah bagi tujuan tapak Sekolah Agama Paya Panjang di Mukim Jalan Bakri telah ditarik balik selepas siasatan dijalankan. Pentadbir Tanah telah mengadakan siasatan terhadap penarikan tersebut dan tuntutan bayaran kos prosiding berjumlah RM7,000 telah dikenakan kepada pemohon iaitu Jabatan Agama Islam Johor. Pejabat Tanah Muar perlu mengambil tindakan mewartakan setiap penarikan balik

pengambilan tanah seperti kehendak Seksyen 35(1A) Akta Pengambilan Tanah 1960 dan dicatatkan dalam Dokumen Hak Milk Daftar.

Pada pendapat Audit, urusan penarikan daripada pengambilan tanah adalah tidak memuaskan di Pejabat Tanah Muar kerana prosedur penarikan balik mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak dipatuhi.


5.2.3 Struktur Organisasi, Guna Tenaga Dan Latihan

Keberkesanan organisasi dan keperluan guna tenaga serta latihan adalah penting untuk memastikan kejayaan objektif Jabatan serta memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi telah menyusun organisasinya dengan beberapa bahagian dan unit. Di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi kesemua perjawatan yang diluluskan di Unit Pengambilan Tanah telah diisi. Semakan Audit mendapati guna tenaga di Unit ini adalah mencukupi kecuali apabila terdapat permohonan pengambilan tanah yang melibatkan banyak lot dan pemilik tanah yang ramai. Struktur organisasi di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah seperti di **Carta 1** dan **Carta 2**.

Carta 1
Carta Organisasi Unit Pengambilan Tanah Pejabat Tanah Muar



Sumber: Rekod Pejabat Tanah Muar

Carta 2
Carta Organisasi Bahagian Pembangunan Pejabat Tanah Kota Tinggi



Sumber: Rekod Pejabat Tanah Kota Tinggi

Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi mempunyai struktur organisasi dan guna tenaga yang baik kerana guna tenaga yang sedia ada mencukupi.

b) Latihan

Latihan perlu diberi kepada semua kakitangan untuk menambah tahap kecekapan, produktiviti, kemahiran dan pembangunan sumber manusia yang lebih berkualiti. Semakan Audit mendapati 3 pegawai dan kakitangan di Pejabat Tanah Muar telah menghadiri kursus berkaitan pengambilan tanah pada tahun 2005 dan 2006. Manakala 2 orang Pembantu Tadbir di Pejabat Tanah Muar dan seorang Pembantu Tadbir di Pejabat Tanah Kota Tinggi masih belum menghadiri kursus berkaitan pengambilan tanah.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan latihan terhadap urusan pengambilan tanah adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat pegawai yang menjalankan tugas pengambilan tanah belum diberi latihan.

5.2.4 Rekod Pengambilan Tanah

Sistem maklumat yang lengkap dan kemas kini boleh membantu melancarkan pengurusan pengambilan tanah. Pengauditan yang dijalankan terhadap rekod yang berkaitan mendapati perkara berikut:

a) Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 27 Tahun 1977 menyatakan Pentadbir Tanah perlu menyelenggarakan satu daftar kemajuan yang lengkap dan kemas kini terhadap semua tindakan pengambilan tanah di dalam satu daerah. Tiap-tiap kes pengambilan tanah hendaklah direkodkan dalam daftar kemajuan tersebut selepas sahaja pengisytiharannya diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.

Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah Muar tidak menyelenggarakan Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah. Ketiadaan Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah menyebabkan maklumat kedudukan pengambilan tanah terhadap sesuatu projek dan nilai pampasan yang telah dibayar pada sesuatu tempoh tidak dapat diketahui dengan segera apabila diperlukan.

Semakan Audit di Pejabat Tanah Kota Tinggi pula mendapati daftar tersebut ada diselenggarakan tetapi tidak lengkap dan kemas kini kerana hanya merekodkan nombor fail, tarikh permohonan, nama pemohon dan tujuan pengambilan. Manakala maklumat-maklumat lain seperti nama pemilik tanah, jumlah pampasan serta tarikh borang-borang yang digunakan tidak dicatatkan. Akibatnya maklumat-maklumat tersebut hanya boleh diperoleh melalui semakan fail pemohon. Daftar yang tidak lengkap juga menyebabkan sukar memperoleh maklumat status kemajuan pengambilan tanah.

b) Daftar Bayaran Pampasan

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3 Tahun 1999 menetapkan bahawa Pentadbir Tanah hendaklah menyelenggara dan mengemas kini Daftar Bayaran Pampasan yang merekod penerimaan dan penyerahan cek bayaran pampasan. Tujuan Daftar Bayaran Pampasan adalah untuk memastikan bayaran pampasan dapat diuruskan dengan baik dan pemantauan bayaran dapat dibuat.

Semakan Audit mendapati Pejabat Tanah Muar tidak menyelenggarakan Daftar Bayaran Pampasan. Maklumat seperti surat panggilan mengambil cek hanya boleh

didapati di dalam fail pemohon pengambilan tanah. Pejabat Tanah Kota Tinggi hanya menyelenggarakan Daftar Bayaran Pampasan bagi pengambilan tanah yang melibatkan lot yang banyak dan pemilik yang ramai.

Pada pendapat Audit pengurusan daftar di Pejabat Tanah Muar adalah tidak memuaskan kerana tiada Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah dan Daftar Bayaran Pampasan diselenggarakan. Bagaimanapun, Pejabat Tanah Muar memaklumkan kedua-dua daftar berkenaan telah disediakan dan sedang dikemaskinikan. Manakala penyelenggaraan daftar di Pejabat Tanah Kota Tinggi pula adalah tidak memuaskan kerana Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah dan Daftar Bayaran Pampasan yang diselenggara tidak kemas kini dan lengkap. Pejabat Tanah Kota Tinggi sedang mengambil tindakan mengemaskinikan kedua-dua daftar berkenaan.

5.2.5 Piagam Pelanggan

Piagam pelanggan merupakan komitmen dan aku janji bertulis sesebuah Jabatan kepada orang awam untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti mengikut standard dan tempoh masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati piagam pelanggan pengambilan tanah tidak disediakan di Pejabat Tanah Muar. Manakala piagam pelanggan di Pejabat Tanah Kota Tinggi, walaupun piagam pelanggan disediakan tetapi tidak dipatuhi sepenuhnya kerana berlaku kelewatan dalam urusan proses penyiasatan. Piagam pelanggan Pejabat Tanah Kota Tinggi menyatakan siasatan akan dijalankan dalam tempoh 30 hari selepas Pewartaan Borang D. Semakan Audit mendapati 10 permohonan pengambilan tanah lewat dibuat penyiasatan antara 30 hingga 250 hari. Manakala piagam pelanggan lain yang ditetapkan seperti perakuan kelulusan dan perintah pampasan ada dipatuhi.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap piagam pelanggan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah memuaskan. Manakala Pejabat Tanah Muar pula tidak memuaskan kerana tidak menyediakan piagam pelanggan terhadap semua peringkat proses pengambilan tanah.

5.2.6 Penggunaan Tanah Selepas Pengambilan

Pengambilan tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri akan dibangunkan oleh pemohon mengikut perancangan asal pengambilan. Pembangunan tanah boleh dilaksanakan selepas tanah diambil milik oleh Kerajaan atau syarikat melalui pengeluaran notis tanah diambil balik. Lawatan Audit terhadap 22 tapak projek

pengambilan tanah di Daerah Muar dan 4 tapak projek di Daerah Kota Tinggi mendapati perkara berikut:

a) Tanah Telah Dibangunkan

Pada keseluruhannya, pembangunan tanah di Kota Tinggi telah dilaksanakan mengikut perancangan pengambilan manakala di Muar sebanyak 8 daripada 22 projek atau 36.4% telah dibangunkan mengikut perancangan. **Foto 1** dan **Foto 2** ialah contoh gambar projek yang telah siap dan sedang dibangunkan.

Foto 1
Tanah Telah Dibangunkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 November 2006
Lokasi: Muar By Pass (PBT 16/2000)

Foto 2
Tanah Sedang Dibangunkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 November 2006
Lokasi: Lebuhraya Senai-Pasir Gudang Desaru (PBT 5/2004)

b) Tanah Belum Dibangunkan

Lawatan Audit di Daerah Muar mendapati 14 daripada 22 projek atau 63.6% pengambilan tanah masih belum dibangunkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 8 tapak telah diambil milik daripada tahun 2002 hingga 2005. Antara projek yang dicadangkan ialah sekolah, padang rakyat, pusat sukan, klinik, stadium dan pusat pentadbiran. **Foto 3** menunjukkan tapak dewan serbaguna yang belum dibangunkan di Mukim Parit Bakar, Muar.

Foto 3
Kawasan Pengambilan Tanah Yang Belum Dibangunkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 23 November 2006
Lokasi: Lot 1507, GM 1706 Mukim Parit Bakar (PBT 24/2002)

c) Tanah Belum Dibangunkan Yang Mempunyai Hasil

Tanah-tanah yang telah diambil balik tetapi belum dibangunkan hendaklah dijaga dan diuruskan dengan sebaik-baiknya. Tanah yang mendatangkan hasil hendaklah disewakan atau dipajakkan secara tender atau cara-cara lain yang diluluskan.

Semakan Audit mendapati tanah-tanah yang diambil oleh Pejabat Menteri Besar yang belum dibangunkan bagi sesuatu projek terbiar begitu sahaja tanpa mendatangkan sebarang hasil. Pemerhatian Audit menunjukkan tanah-tanah itu boleh mendatangkan hasil kerana terdapat pokok getah dan kelapa sawit di atasnya. Perkara ini berlaku disebabkan tiada garis panduan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mengurus tanah-tanah tersebut sama ada oleh Pentadbir Tanah atau Agensi.

Lawatan Audit di Daerah Muar mendapati 11 tapak tanah seluas 25.85 hektar belum dibangunkan lagi tetapi telah ditanam pokok getah dan kelapa sawit yang telah berusia antara 3 hingga 20 tahun dan masih mengeluarkan hasil. Pengambilan tanah telah dibuat oleh Pejabat Menteri Besar dengan bayaran pampasan bernilai RM2.64 juta dan terdapat notis tanah telah diambil milik didirikan semenjak tahun 2000. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Tapak Tanah Yang Mempunyai Hasil Di Daerah Muar

Bil.	Lot Tanah/ Mukim/ Keluasan	Tujuan Pengambilan	Tarikh Tanah Diambil Balik	Keadaan Tanah	Cara Pungutan Hasil
1.	PTD 17331, Mukim Tangkak, 2.429 hektar	Tapak Perpustakaan Desa	6.9.2000	Dibina Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS dan sebahagian tanah ada tanaman kelapa sawit	Tiada
2.	Lot 8439, PTD 13678, Mukim Tangkak, 8.106 hektar	Tapak Stadium Tangkak	27.4.2002	Tanaman kelapa sawit dalam keadaan baik dan <i>tapping right</i> telah dikeluarkan	Lesen Pendudukan Sementara (<i>tapping right</i>)
3.	Lot 5053, 6817, 5262, Mukim Tangkak, 0.958 hektar	Tapak Sekolah Agama Dan Masjid Sri Maamor	19.6.2002	Tanaman kelapa sawit dan getah	Tiada
4.	Lot 456, Mukim Tangkak, 0.848 hektar	Tanah Perkuburan India Beragama Kristian	11.12.2002	Sebahagian tanah kubur masih mempunyai tanaman kelapa sawit	Tiada
5.	Lot 1287, Mukim Tangkak, 4.856 hektar	Cadangan Tapak Perkuburan Islam Sagil	7.11.2003	Tanaman kelapa sawit dalam keadaan baik	Tiada
6.	Lot 8439, Mukim Tangkak, 3.726 hektar	SJK (T) Ladang Tanah Merah, Kuil Dan Dewan Serba Guna	24.4.2004	Sebahagian tanah masih mempunyai tanaman kelapa sawit yang berada dalam keadaan baik	Tiada
7.	Lot 11100, PTD 18426, Mukim Tangkak, 1.216 hektar	Tapak Sekolah Agama Kg. Relau Asahan	20.5.2004	Sebahagian tanah ada tanaman getah	Tiada
8.	Lot 6946, GM 2067 Mukim Kundang, 1.528 hektar	Padang Awam Kg. Kesang Tasek	27.4.2006	Tanaman kelapa sawit	Tiada
9.	Lot 2107, Mukim Grisek, 2.501 hektar	Padang Permainan Dan Pusat Sukan	21.6.2006	Tanaman kelapa sawit muda berusia lebih kurang 3 tahun	Tiada
10.	Lot 575, GM 885, Mukim Kundang, 0.538 hektar	Tapak Pusat Pentadbiran Kg Teluk Rimba	8.9.2006	Tanaman kelapa sawit	Tiada
11.	Lot 6839, Mukim Tangkak, 1.323 hektar	Tapak Padang Rakyat, Kg. Melepang Sagil	17.10.2006	Tanaman kelapa sawit dalam keadaan semak	Tiada

Sumber: Rekod Pejabat Tanah Muar

Semakan Audit mendapati permohonan Lesen Pendudukan Sementara secara *tapping right* hanya diberi kelulusan kepada Lujnah Masjid Jamek Bandar Tangkak pada hujung bulan Mei 2006. Tapak yang terlibat ialah tapak Stadium Tangkak seluas 8.1 hektar yang telah diambil milik oleh Pejabat Menteri Besar pada akhir bulan April 2002. Sementara itu Pentadbir Tanah Muar sedang memproses 2 permohonan Lesen Pendudukan Sementara secara *tapping right* bagi tapak perpustakaan dan tapak perkuburan Islam seluas 7.28 hektar. Tanah tersebut telah diambil milik pada bulan September 2000 dan November 2003. Tiada tindakan diambil terhadap baki 8 tapak yang mempunyai hasil. **Foto 4** hingga **Foto**

7 menunjukkan kawasan pengambilan tanah yang tidak dibangunkan tetapi mempunyai hasil buah kelapa sawit.

Foto 4
Kawasan Pengambilan Tanah Yang Tidak Dibangunkan
Dan Mempunyai Hasil Buah Kelapa Sawit



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 Disember 2006
Lokasi: Lot 8439 Mukim Tangkak

Foto 5
Kawasan Pengambilan Tanah Yang Tidak Dibangunkan
Dan Mempunyai Hasil Buah Kelapa Sawit



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 Disember 2006
Lokasi: Lot 6839 Mukim Tangkak

Foto 6
Kawasan Pengambilan Tanah Yang Tidak Dibangunkan
Dan Mempunyai Hasil Getah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 6 Disember 2006
Lokasi: Lot 5053, 6187, 5262 Mukim Tangkak

Foto 7
Kawasan Pengambilan Tanah Yang Tidak Dibangunkan
Dan Mempunyai Hasil Kelapa Sawit



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 6 Disember 2006
Lokasi: Lot 6839 Mukim Tangkak

Pada pendapat Audit, pengurusan tanah yang belum dibangunkan dan mempunyai hasil adalah tidak memuaskan kerana Pihak Berkuasa Negeri tidak mengeluarkan Garis Panduan mengenai tanggungjawab terhadap pengambilan tanah yang tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

d) Penggunaan Tanah Tidak Mengikut Warta

Pada akhir bulan November 2002, Kerajaan Negeri telah membuat pengambilan tanah Lot 1474, Mukim Tangkak dengan keluasan tanah 0.703 hektar untuk tujuan balai raya, padang permainan dan bengkel industri ringan. Bayaran pampasan berjumlah RM119,527 telah dijelaskan. Lawatan Audit mendapati tapak tersebut telah dibina taman bimbingan kanak-kanak dan gerai makan yang mana ianya dibangunkan tidak mengikut tujuan asal pengambilannya. **Foto 8** dan **Foto 9** menunjukkan pembangunan yang tidak mengikut tujuan asal pengambilannya.

Foto 8
Pembangunan Tidak Mengikut Tujuan Asal Pengambilan Tanah
Untuk Balai Raya, Padang Permainan Dan Bengkel Industri Ringan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 Disember 2006
Lokasi: Lot 1474 Mukim Tangkak

Foto 9
Pembangunan Tidak Mengikut Tujuan Asal Pengambilan Tanah
Untuk Balai Raya, Padang Permainan Dan Bengkel Industri Ringan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 Disember 2006
Lokasi: Lot 1474 Mukim Tangkak

Pada pendapat Audit pembangunan tanah selepas pengambilan adalah tidak memuaskan kerana terdapat pembinaan tidak mengikut tujuan asal. Walaupun pembinaan adalah juga untuk kepentingan awam tetapi tidak mematuhi peraturan yang sedia ada dan dikhuatiri akan menjadi amalan di masa akan datang.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pengurusan pengambilan tanah adalah tidak memuaskan kerana Pejabat Tanah Muar tidak mematuhi peraturan, prosedur dan arahan yang ditetapkan sepenuhnya. Manakala pengurusan pengambilan tanah di Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah memuaskan kerana mematuhi kebanyakan peraturan dan arahan yang ditetapkan.

5.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan terhadap pengurusan pengambilan tanah adalah penting untuk melicinkan pengurusan proses pengambilan dan memastikan pembangunan tanah dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Sebagai langkah pengesanan dan pemantauan, Pentadbir Tanah telah menyediakan Laporan Pengambilan Tanah setiap tiga bulan untuk mengesan status kemajuan sesuatu permohonan tanah yang diterima dan diproses. Laporan berkenaan juga dikemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian. Bagaimanapun, menurut Pejabat Tanah Muar, tiada maklum balas atau ulasan diterima daripada Pejabat Tanah Dan Galian berhubung dengan Laporan Pengambilan Tanah yang dikemukakan setiap 3 bulan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan pengambilan tanah dan penggunaannya adalah memuaskan.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya perancangan pengurusan pengambilan tanah di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah baik. Bagaimanapun, pelaksanaan di Pejabat Tanah Muar adalah tidak memuaskan manakala di Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah memuaskan. Pejabat Tanah di syor menimbang untuk mengambil beberapa tindakan seperti berikut bagi melicinkan lagi proses pengambilan tanah:

- a)** Kesemua permohonan pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri dibuat melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi tujuan penyelarasan permohonan.
- b)** Menetapkan tempoh memproses permohonan bagi semua peringkat kerja agar dapat memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan di kedua-dua Pejabat Tanah dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan. Kelewatan memproses permohonan akan berlarutan sekiranya tempoh masa tidak ditetapkan terhadap setiap norma masa di setiap peringkat kerja.
- c)** Kedua-dua Pejabat Tanah perlu mengambil tindakan terhadap ketepatan butiran dalam Borang D sebelum pewartaan dilakukan untuk mengelakkan pewartaan yang berulang.
- d)** Sebab-sebab pampasan dibayar lebih tinggi daripada harga nilaian hendaklah dicatatkan dengan jelas di nota siasatan.
- e)** Pejabat Tanah Kota Tinggi hendaklah mengadakan perbincangan awal terlebih dahulu untuk menentukan nilai pampasan terhadap pengambilan tanah yang melibatkan banyak lot dalam satu projek yang sama supaya nilai tanah dan pampasan yang akan diputuskan mempunyai unsur-unsur kesamaan dan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.
- f)** Pentadbir Tanah dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembayaran pampasan pengambilan tanah perlu mengambil tindakan segera mengemukakan cek bayaran pampasan untuk mengelakkan kerugian kerana menanggung kos caj bayaran lewat. Proses pembayaran lewat dan lebihan bayaran juga melambangkan urus tadbir yang tidak cekap. Pentadbir Tanah Muar hendaklah mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah caj bayaran lewat yang belum dibayar dan tidak mempunyai dokumen sokongan.
- g)** Pejabat Tanah Muar perlu mengambil tindakan mewartakan setiap penarikan balik pengambilan dan dicatatkan dalam Dokumen Hak Milik Daftar Tanah yang dijadualkan. Pejabat Tanah juga hendaklah memaklumkan kepada agensi tentang anggaran nilai

pampasan pengambilan tanah semasa mengemukakan permohonan rasmi supaya agensi dapat menyediakan peruntukan dan membuat bayaran pampasan pada tempoh yang ditetapkan.

- h) Latihan yang teratur dan berterusan hendaklah diadakan supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan untuk menjamin kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang cemerlang. Latihan juga hendaklah diberikan kepada kakitangan di agensi yang terlibat dengan pengambilan tanah.
- i) Daftar Kemajuan Pengambilan Tanah hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di Pejabat Tanah Muar dan Pejabat Tanah Kota Tinggi untuk memastikan pengurusan pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Daftar yang lengkap dan kemas kini juga boleh memudahkan Pentadbir Tanah memantau status kemajuan pengambilan tanah. Selain itu, Daftar Bayaran Pampasan hendaklah diselenggarakan dengan kemas kini untuk memastikan semua cek bayaran pampasan diuruskan dengan sempurna dan memudahkan urusan pemantauan pembayaran terutama pengambilan tanah yang melibatkan banyak lot dan pemilik tanah.
- j) Pejabat Tanah Muar perlu mengambil tindakan terhadap Agensi yang membangunkan tanah tidak mengikut tujuan penggunaan tanah mengikut Warta.
- k) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengeluarkan garis panduan pengurusan tanah bagi tanah yang tidak dapat dibangunkan dengan segera dan mempunyai sumber hasil. Penetapan tanggungjawab menjaga dan menguruskan tanah tersebut boleh mengelakkan pencerobohan dan mengambil tindakan seperti sewaan, pajakan atau Lesen Pendudukan Sementara secara *tapping right*.

JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI MAKANAN

7. LATAR BELAKANG

7.1 Jabatan Pertanian Negeri Johor (Jabatan) ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan pengembangan dan perundingan, sokongan teknikal dan pemindahan teknologi kepada pengusaha pertanian. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan petani selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara. Salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan ialah Program Pembangunan Industri Makanan (Program). Program ini mengandungi 5 komponen utama iaitu pembangunan industri padi, pembangunan industri buah-buahan, pembangunan industri sayuran, pembangunan industri kelapa dan pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

7.2 Objektif Program adalah untuk meningkatkan pendapatan petani/usahawan melalui peningkatan kuantiti dan kualiti pengeluaran secara berterusan dengan menggunakan kaedah pengeluaran yang berteknologi tinggi. Jabatan menggunakan 3 petunjuk untuk mengukur prestasi pelaksanaan program iaitu sasaran pendapatan, sasaran bilangan peserta dan keluasan tanah serta sasaran pengeluaran hasil tani. Jabatan menggalakkan petani-petani kecil mengusahakan kebun mereka secara berkelompok untuk memastikan objektif Program ini dapat dicapai. Selain itu, Jabatan juga menetapkan kriteria-kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh setiap petani sebelum permohonan mereka diluluskan. Kriteria tersebut ialah kesesuaian tanah, kemudahan infrastruktur, tenaga kerja dan pendapatan petani. Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM5.93 juta untuk Program Pembangunan Industri Makanan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Industri Makanan telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan terhadap Program Pembangunan Industri Makanan di bawah Perladangan Berkelompok (PB) bagi tempoh 2004 hingga 2006. Kaedah pengauditan

adalah dengan menyemak dokumen dan rekod yang diselenggara oleh Jabatan serta 4 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Daerah Muar, Batu Pahat, Segamat dan Mersing. Lawatan juga dilakukan di 86 projek PB iaitu 27 PB di Muar, 29 PB di Batu Pahat, 13 PB di Segamat dan 17 PB di Mersing. Semakan juga dilakukan di 12 Pejabat Pertanian Kawasan di 4 daerah yang dipilih. Dokumen yang disemak termasuklah kertas perancangan, fail projek, laporan kemajuan, laporan penilaian, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai pertanian dan peserta juga dibuat untuk mendapatkan maklum balas terhadap isu yang dibangkitkan. Selain itu, soal selidik juga digunakan untuk mendapat maklum balas daripada peserta PB berhubung dengan pelaksanaan Program ini.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian untuk menjayakan sesuatu program. Perancangan yang rapi dapat membantu Jabatan melaksanakan program dengan teratur dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Antara perancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

10.1.1 Dasar Pertanian Negara Ketiga

Dasar Pertanian Negara Ketiga telah dilancarkan pada tahun 1998 dengan matlamat utamanya untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanian. Ini termasuklah memaksimumkan sumbangan pertanian kepada pendapatan negara dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani. Dasar tersebut menjurus kepada transformasi sektor pertanian secara tradisi kepada pertanian komersial yang moden dan cekap. Selaras dengan Dasar tersebut, Jabatan menggariskan 4 pendekatan utama untuk memajukan industri pertanian Negeri Johor yang merangkumi perkara berikut:

- a) Melaksanakan transformasi pertanian iaitu dari petani kecil kepada pengeluaran berskala besar, sistem tradisi kepada komersial, mempromosikan teknologi terkini dan menambahkan penglibatan sektor swasta.
- b) Memantapkan sistem pengembangan Jabatan Pertanian untuk memastikan petani mendapat manfaat yang maksimum daripada program Jabatan.
- c) Melakukan rombakan dengan fokus kepada penambahbaikan sistem sedia ada, antaranya dengan mewujudkan semula peranan pegawai pengembangan, meningkatkan khidmat perundingan, memperluaskan aktiviti lawatan khidmat nasihat secara berjadual dan meningkatkan latihan kepada pegawai.

- d) Mengeluarkan produk pertanian berkualiti bertaraf dunia untuk menghadapi persaingan global melalui pelaksanaan Skim Akreditasi Ladang Malaysia.

10.1.2 Pendekatan Perladangan Berkelompok

Salah satu strategi Jabatan untuk mengkomersialkan sektor pertanian ialah melalui pendekatan perladangan secara berkelompok. Tujuan penggunaan pendekatan projek kelompok ialah mengoptimumkan penggunaan sumber untuk meningkatkan pengeluaran ladang dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani. Setiap penubuhan Perladangan Berkelompok (PB) mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 peserta projek dan diurus oleh satu Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada kalangan peserta projek sendiri. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menyelaraskan dan membuat keputusan mengenai kerja-kerja di ladang, pentadbiran dan kewangan.

10.1.3 Sasaran Program

Penetapan sasaran program merupakan aspek penting yang perlu dirancang supaya penyaluran bantuan dapat dilakukan dengan teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Jabatan telah menetapkan 3 sasaran yang perlu dicapai untuk mengukur prestasi pelaksanaan program iaitu:

a) Sasaran Pendapatan

Jabatan telah menetapkan sasaran pendapatan bagi setiap peserta PB ialah RM1,000 sebulan.

b) Sasaran Bilangan Peserta Dan Keluasan Tanah

Berdasarkan Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan, sasaran bilangan peserta dan keluasan tanah yang akan diberi bantuan bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Sasaran Bilangan Peserta Dan Keluasan Tanah
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Komponen Program	2004		2005		2006	
	Peserta (Orang)	Keluasan (Hektar)	Peserta (Orang)	Keluasan (Hektar)	Peserta (Orang)	Keluasan (Hektar)
Padi	90	120.00	156	150.00	200	198.0
Buah-buahan	315	328.00	568	508.00	925	1,085.0
Sayuran	230	227.90	227	212.90	254	406.4
Kelapa	887	1,138.00	173	245.00	207	255.0
Taman Kekal Pengeluaran Makanan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	30	154.0

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan

c) Sasaran Pengeluaran Hasil Pertanian

Sebelum sesuatu projek PB dimulakan, Pegawai Pertanian Kawasan akan membantu petani menyediakan perancangan penanaman dan membuat sasaran pengeluaran. Sasaran pengeluaran yang ditetapkan akan dibandingkan dengan pengeluaran sebenar bagi setiap suku tahun menggunakan Borang Sistem Pemantauan Berkomputer Projek (SPBP). Berdasarkan Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan, sasaran pengeluaran mengikut jenis tanaman adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Sasaran Kuantiti Pengeluaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Bil.	Komponen Program	Tahun		
		2004 (Juta Kg)	2005 (Juta Kg)	2006 (Juta Kg)
1.	Padi	11.53	13.88	11.98
2.	Buah-buahan	41.68	56.68	63.47
3.	Sayuran	33.74	19.76	19.15
4.	Kelapa	15.94	20.69	16.88

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan

10.1.4 Komponen Projek Tanaman

Di bawah RMK-8, Jabatan telah merancang untuk melaksanakan Program Pembangunan Industri Makanan yang merangkumi 5 komponen utama tanaman seperti berikut:

a) Pembangunan Industri Padi

Tanaman padi di Negeri Johor perlu diteruskan dan dikekalkan bagi membantu mencapai tahap pencapaian pengeluaran padi sara diri sekurang-kurangnya 65%. Cadangan Jabatan untuk Pembangunan Industri Padi adalah melalui aktiviti merata dan penyatuan tanah sawah, bekalan bahan input, petak pemerhatian dan promosi teknologi padi.

b) Pembangunan Industri Buah-buahan

Pembangunan Industri Buah-buahan tertumpu kepada aktiviti penanaman buah-buahan tidak bermusim dan mempunyai potensi pasaran yang luas seperti betik, tembikai, nanas, nangka, belimbing, limau dan mangga.

c) Pembangunan Industri Sayuran Dan Tanaman Ladang

Projek sayur-sayuran komersial dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan tahap pengurusan ladang supaya berdaya maju dan dapat memberi hasil pengeluaran yang tinggi. Jenis tanaman sayuran yang akan diusahakan ialah sayuran tempatan dan gantian import serta pengeluarannya secara berterusan dan bersistematik.

d) Pembangunan Industri Kelapa

Keluasan kawasan tanaman kelapa di Negeri Johor telah menunjukkan pengurangan sebanyak 57% dari tahun 1990 hingga 2004. Angka ini dijangka terus merosot dari tahun ke setahun sedangkan permintaan terhadap kelapa pula semakin meningkat sejajar dengan pertumbuhan industri pemprosesan produk berasaskan kelapa seperti kelapa kering, santan dan kerisik. Jabatan telah memperkenalkan benih kelapa berhasil tinggi seperti MATAG untuk mengatasi kemerosotan tersebut. Selain itu, Jabatan juga menggalakkan tanaman selingan jangka pendek seperti pisang dan nanas untuk membantu menampung pendapatan petani sementara menunggu hasil kelapa. Projek tanaman kelapa yang dirancang adalah seperti berikut:

i) Projek Tanaman Semula Kelapa

Menanam semula kawasan kelapa tua yang tidak produktif kepada jenis kelapa berhasil tinggi seperti MATAG, MAWA dan Pandan.

ii) Pemulihan Kawasan Kelapa

Usaha-usaha pemulihan kawasan kelapa ditumpukan untuk meningkatkan hasil kelapa di kawasan sedia ada melalui pembajakan, pembaikan sistem perparitan dan sulaman pokok-pokok tua.

e) Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) ialah kawasan pertanian yang dikhaskan untuk pengeluaran bahan makanan secara kekal terutamanya sayuran, buah-buahan tidak bermusim dan tanaman jangka pendek. Taman ini mula dibangunkan pada akhir RMKe-7. Kaedah pelaksanaan TKPM melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah seluas 40 hektar untuk dibangunkan sebagai tapak TKPM, manakala kemudahan infrastruktur seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, parit ladang serta bekalan air dan elektrik akan dibiayai secara bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Lot tanah yang telah

dibangunkan akan disewakan kepada individu komersial atau sektor swasta dengan kadar yang berpatutan.

10.1.5 Kriteria Pemilihan Kawasan

Pejabat Pertanian Kawasan bertanggungjawab mengenal pasti petani-petani yang layak dibantu dan keperluan untuk mewujudkan PB di sesuatu kawasan. Pemilihan sesuatu kawasan untuk menjalankan projek PB hendaklah dibuat dengan teratur dan disokong dengan maklumat asas seperti berikut:

- a) Tanah milik sendiri/tanah yang disewa daripada pemilik tanah yang diusahakan dengan kebenaran pihak tertentu.
- b) Kesesuaian tanah dan lokasi.
- c) Kemudahan infrastruktur sedia ada dan yang diperlukan.
- d) Tenaga kerja.
- e) Petunjuk pendapatan petani.
- f) Kemudahan pengangkutan dan sistem saliran.

10.1.6 Kaedah Pelaksanaan Program

Setiap tahun Jabatan merancang untuk melaksanakan Program Pembangunan Industri Makanan melalui penyediaan khidmat sokongan dan khidmat pengembangan perladangan.

a) Menyediakan Khidmat Sokongan

Khidmat yang diberikan oleh Jabatan untuk membantu pelaksanaan projek ialah menyediakan infrastruktur ladang seperti pembersihan kawasan, perparitan, jalan ladang dan sistem pengairan. Khidmat lain termasuk bantuan bekalan input pertanian seperti baja, racun dan bantuan anak benih.

b) Menyediakan Khidmat Pengembangan Perladangan

Perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

i) Latihan Petani

Latihan petani bermaksud semua aktiviti pengajaran pemindahan teknologi yang dijalankan untuk pengusaha projek pertanian. Jabatan merancang untuk mengadakan 656 kursus dengan bilangan peserta seramai 14,033 orang petani bagi tempoh 2004 hingga 2006.

ii) Petak Demonstrasi

Petak demonstrasi bermaksud petak yang dipilih bagi sesuatu teknologi dilaksanakan dan dipamerkan dengan tujuan untuk memperkenalkan teknologi baru kepada pelanggan dan seterusnya boleh menggunakan teknologi berkenaan. Setiap Pejabat Pertanian Kawasan dikehendaki melaksanakan petak demonstrasi sekurang-kurangnya satu projek di kawasannya.

iii) Lawatan Belajar

Jabatan merancang memberi pendedahan kepada pengusaha pertanian mengenai pengurusan, teknologi pertanian dan kemahiran khusus melalui lawatan sambil belajar yang diatur oleh Jabatan.

iv) Khidmat Nasihat

Aktiviti khidmat nasihat dan bimbingan oleh pegawai kepada petani bagi tujuan pemindahan teknologi dan pengurusan projek dijalankan secara berterusan. Lawatan khidmat nasihat ke projek PB dijalankan oleh Pembantu Pertanian Kawasan (PKK) dan Penolong Pegawai Pertanian Kawasan (PPPK). Kekerapan lawatan PPK ialah sekurang-kurangnya sebulan sekali, manakala PPPK pula sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

10.1.7 Pemasaran Hasil Tanaman

Dari segi pemasaran hasil tanaman, peserta digalakkan membuat pelan pemasaran sendiri dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atau pihak lain yang bersedia membeli. Bantuan pemasaran, jika perlu disediakan kepada petani melalui aktiviti jualan terus yang diurus oleh pihak Jabatan.

10.1.8 Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan Jabatan untuk melaksanakan Program Pembangunan Industri Makanan adalah berjumlah RM15.03 juta bagi tempoh 2004 hingga 2006. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Keperluan Kewangan Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Bil.	Komponen Program	Tahun			Jumlah
		2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	
1.	Padi	160,000	150,000	200,000	510,000
2.	Buah-buahan	630,000	830,000	3,616,100	5,076,100
3.	Sayuran	850,000	950,000	1,912,850	3,712,850
4.	Kelapa	3,083,000	200,000	944,500	4,227,500
5.	Taman Kekal Pengeluaran Makanan	Tiada	400,000	1,100,000	1,500,000
Jumlah		4,723,000	2,530,000	7,773,450	15,026,450

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan

10.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Struktur organisasi Jabatan terdiri daripada 4 bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi serta Bahagian Pengesanan Dan Penilaian. Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi bertanggungjawab melaksanakan Program Pembangunan Industri Makanan dengan perjawatan yang diluluskan seramai 274 orang. Jumlah tersebut terdiri daripada 20 perjawatan di Ibu Pejabat dan 254 perjawatan di daerah-daerah. Di bawah Program tersebut, pegawai-pegawai di Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan fungsi meningkatkan produktiviti pengeluaran melalui pemindahan teknologi, pembangunan sumber manusia dan khidmat nasihat teknikal. Selain itu, pegawai-pegawai ini juga akan membimbing dan mewujudkan masyarakat ke arah usahawan pertanian.

b) Keperluan Latihan

Latihan yang berterusan adalah penting untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan pegawai. Ini kerana peranan pegawai pertanian adalah berhubung secara langsung dengan petani untuk memberi bimbingan dari aspek teknikal tanaman. Jabatan merancang untuk mengadakan 110 program latihan dan kursus iaitu 32 kursus pada tahun 2004, sebanyak 14 kursus pada tahun 2005 dan 64 kursus pada tahun 2006. Kursus yang dirancang untuk pegawai pertanian adalah berkaitan dengan amalan pertanian. Mengikut perancangan Jabatan, antara kursus yang akan diberi tumpuan termasuklah portal agri bazar, pengurusan dusun dan

tapak semaian, pakej teknologi tanaman nanas, penyiasat tanaman padi, pakej tanaman duku dan fertigasi sayuran.

10.1.10 Kaedah Pemantauan

Pemantauan ialah satu aspek penting untuk memastikan program dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehubungan itu, Jabatan merancang kaedah pemantauan seperti berikut:

a) Lawatan Penyeliaan

Lawatan penyeliaan merupakan lawatan rasmi berjadual yang dijalankan oleh Timbalan Pengarah Pertanian, Penolong Pengarah Pertanian, Pegawai Pertanian Daerah dan Penolong Pegawai Pertanian Daerah. Jabatan menetapkan lawatan penyeliaan oleh pegawai-pegawai di atas sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

b) Mesyuarat Pembangunan Perladangan Komersial

Jabatan juga menjalankan pemantauan melalui beberapa mesyuarat yang diadakan secara berkala. Antara mesyuarat yang akan diadakan ialah Mesyuarat Pembangunan Perladangan Komersial Peringkat Negeri yang perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun.

c) Laporan Sistem Pemantauan Berkomputer Projek

Pejabat Pertanian Kawasan dikehendaki mengumpul maklumat PB menggunakan Borang SPBP untuk tujuan penyediaan Laporan Sistem Pemantauan Berkomputer Projek (SPBP). Laporan SPBP merangkumi maklumat-maklumat PB bagi tempoh setahun dan akan dikeluarkan pada awal tahun berikutnya.

Pada pandangan Audit perancangan yang disediakan oleh Jabatan untuk membangunkan Program Pembangunan Industri Makanan adalah baik di mana sasaran pencapaian, kaedah pelaksanaan program keperluan kewangan dan kaedah pemantauan telah ditentukan dengan jelas.

10.2 PELAKSANAAN

Jabatan perlu memastikan pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan dibuat dengan teratur dan mengikut perancangan supaya objektifnya tercapai. Semakan Audit terhadap aspek-aspek pelaksanaan mendapati perkara seperti berikut:

10.2.1 Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga

Semakan Audit mendapati pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan di Negeri Johor telah menepati Dasar Pertanian Negara Ketiga berdasarkan perkara berikut:

- a) Pelaksanaan program adalah melalui 5 komponen utama iaitu pembangunan padi, buah-buahan, sayuran, kelapa dan zon pengeluaran makanan yang selari dengan jenis tanaman yang diberi tumpuan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga.
- b) Golongan sasaran yang telah diberi bantuan dan bimbingan di bawah Program ini adalah terdiri daripada petani dan pekebun kecil. Ini bertepatan dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga yang menggariskan petani, penternak dan nelayan sebagai golongan sasaran.
- c) Objektif Program adalah selari dengan objektif utama Dasar Pertanian Negara Ketiga iaitu untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber pertanian secara optimum dan meningkatkan sekuriti makanan.

Pihak Audit berpendapat, rangka pelaksanaan program adalah baik kerana dapat memenuhi aspirasi Dasar Pertanian Negara Ketiga dengan memberi tumpuan terhadap peningkatan pengeluaran hasil pertanian dan pendapatan petani.

10.2.2 Pengurusan Perladangan Berkelompok

Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Jabatan pada tahun 2006, sebanyak 581 PB telah didaftarkan di seluruh Negeri Johor yang mengandungi ahli seramai 8,411 orang. Semakan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan MS ISO 9002:2000 terhadap Perkhidmatan Pengembangan Perladangan Berkelompok secara berperingkat-peringkat. Standard MS ISO 9002:2000 menetapkan setiap PB yang memohon untuk menyertai Program perlu menyediakan Pelan Perniagaan mengenai projek yang hendak dilaksanakan untuk kelulusan Jabatan. Perkara penting yang terkandung di dalam Pelan Perniagaan ialah Carta Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Perladangan Berkelompok. Semakan Audit mendapati 70 PB atau 81.4% daripada 86 PB yang dipilih untuk kajian Audit masih belum mendapat pengiktirafan MS ISO 9002:2000 dan tidak mempunyai Jawatankuasa Pengurusan. Pecahan PB yang tidak mempunyai Jawatankuasa Pengurusan adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Bilangan PB Yang Tidak Mempunyai Jawatankuasa Pengurusan

Daerah	Bilangan PB Dilawati Oleh Pasukan Audit	Bilangan PB Yang Tidak Mempunyai Jawatankuasa Pengurusan	Peratus (%)
Muar	26	21	80.8
Batu Pahat	31	22	71.0
Segamat	14	13	92.9
Mersing	15	14	93.3
Jumlah	86	70	81.4

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, Pengurusan Perladangan Berkelompok adalah tidak memuaskan. Ketiadaan Jawatankuasa Pengurusan Berkelompok boleh menjejaskan strategi Jabatan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber untuk meningkatkan pengeluaran ladang dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

10.2.3 Pencapaian Sasaran Program

Jabatan Pertanian telah menggunakan 3 petunjuk untuk mengukur prestasi program iaitu purata pendapatan petani, jumlah peserta dan keluasan tanah serta jumlah pengeluaran hasil pertanian. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan pada tahun 2004 hingga 2006, prestasi pencapaian program secara keseluruhan adalah seperti berikut:

a) Purata Pendapatan Petani

Laporan Analisis Sistem Pemantauan Berkomputer Projek (SPBP) untuk tahun 2004 hingga 2006 yang dikeluarkan oleh Jabatan, menunjukkan sasaran Jabatan untuk meningkatkan pendapatan petani PB kepada RM1,000 sebulan masih belum tercapai sepenuhnya. Semakan Audit mendapati bilangan petani PB yang memperolehi purata pendapatan kurang RM1,000 sebulan adalah seramai 8,198 orang atau 76.9% pada tahun 2004, seramai 7,069 orang atau 87.3% pada tahun 2005 dan 6,155 orang atau 81.8% pada tahun 2006. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Purata Pendapatan Petani PB Keseluruhan Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Julat Pendapatan Sebulan	2004		2005		2006	
	(Orang)	(%)	(Orang)	(%)	(Orang)	(%)
Kurang RM1,000	8,198	76.9	7,069	87.3	6,155	81.8
RM1,000 hingga RM2,000	1,678	15.7	672	8.3	1,050	13.9
Melebihi RM2,000	786	7.4	352	4.4	321	4.3
Jumlah	10,662	100	8,093	100	7,526	100

Sumber: Rekod Laporan Analisis SPBP

Jadual di atas juga menunjukkan bilangan petani yang menyertai Program telah merosot dari 10,662 orang pada tahun 2004 kepada seramai 7,526 orang pada tahun 2006 iaitu pengurangan sebanyak 29.4%.

Selain itu, pihak Audit juga telah menjalankan soal selidik terhadap 78 responden yang terlibat di dalam Program ini. Maklum balas yang diterima menunjukkan 45 daripada 78 responden atau 57.7% mengaku memperoleh pendapatan kurang dari RM1,000 sebulan. Manakala 35.9% memperoleh pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000. Seramai 5 orang petani atau 6.4% memperoleh pendapatan antara RM2,001 hingga RM3,000 sebulan. Hasil maklum balas adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Purata Pendapatan Sebulan Petani Tahun 2006

Pendapatan Sebulan	Bil. Petani (Orang)	Peratus (%)
Kurang RM1,000	45	57.7
RM1,000 hingga RM2,000	28	35.9
RM2,001 hingga RM3,000	5	6.4
Jumlah	78	100

Sumber: Rekod Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Jadual di atas adalah konsisten dengan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan di mana majoriti petani PB memperoleh purata pendapatan kurang RM1,000 setahun.

b) Jumlah Peserta Dan Keluasan Tanah

Pihak Audit telah melakukan perbandingan antara bilangan peserta dan keluasan tanah yang disasarkan dalam Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan dengan yang sebenar sebagaimana yang dinyatakan di dalam Senarai Kelulusan Projek bagi tempoh 2004 hingga 2006. Bilangan peserta dan keluasan tanah bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 12** dan **Jadual 13**.

Jadual 12
Bilangan Peserta Sebenar Berbanding Sasaran Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Komponen Program	2004			2005			2006		
	Sasaran (Orang)	Sebenar (Orang)	Peratus (%)	Sasaran (Orang)	Sebenar (Orang)	Peratus (%)	Sasaran (Orang)	Sebenar (Orang)	Peratus (%)
Padi	90	147	163.3	156	190	121.8	200	215	107.5
Buah-buahan	315	296	94.0	568	272	47.9	925	326	35.2
Sayuran	230	68	29.6	227	68	30.0	254	103	40.6
Kelapa	887	14	1.6	173	34	19.7	207	50	24.2

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan Dan Senarai Kelulusan Projek

Hasil perbandingan yang dilakukan bagi tempoh 2004 hingga 2006 mendapati Jabatan telah berjaya mencapai sasaran bilangan peserta terhadap program tanaman padi bagi ketiga-tiga tahun berkenaan iaitu antara 107.5% hingga 163.3%. Bagi program tanaman yang lain pula, Jabatan gagal mencapai sasaran yang ditetapkan untuk ketiga-tiga tahun berkenaan. Jabatan hanya mencapai sasaran antara 35.2% hingga 94.0% bagi peserta tanaman buah-buahan, 29.6% hingga 40.6% bagi peserta tanaman sayuran dan antara 1.6% hingga 24.2% bagi peserta tanaman kelapa.

Jadual 13
Kelulusan Keluasan Tanah Sebenar Berbanding Sasaran Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Komponen Program	2004			2005			2006		
	Sasaran (Hektar)	Sebenar (Hektar)	Peratus (%)	Sasaran (Hektar)	Sebenar (Hektar)	Peratus (%)	Sasaran (Hektar)	Sebenar (Hektar)	Peratus (%)
Padi	120.00	182.00	151.7	150.00	245.00	163.3	198.00	330.75	167.0
Buah-buahan	328.00	466.51	142.2	508.00	335.55	66.1	1,085.00	590.00	54.4
Sayuran	227.90	202.29	88.8	212.90	98.64	46.3	406.40	222.50	54.7
Kelapa	1,138.00	15.00	1.3	245.00	45.00	18.4	255.00	84.00	32.9

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan Dan Senarai Kelulusan Projek

Jadual di atas menunjukkan kelulusan keluasan tanah bagi program tanaman padi telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi ketiga-tiga tahun dan tanaman buah-buahan pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, kelulusan keluasan tanah sebenar terhadap program tanaman lain tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Jabatan hanya mencapai sasaran antara 46.3% hingga 88.8% bagi tanaman sayuran dan antara 1.3% hingga 32.9% bagi tanaman kelapa.

c) Jumlah Pengeluaran Hasil Pertanian

Hasil perbandingan antara sasaran dengan pencapaian kuantiti pengeluaran pula mendapati Jabatan tidak dapat mencapai sasaran bagi kesemua komponen tanaman. Sementara itu, jurang perbezaan yang paling ketara antara pencapaian

sebenarnya dengan kuantiti yang disasarkan adalah bagi tanaman sayuran iaitu hanya 50.1% pada tahun 2004, tanaman kelapa 56.1% pada tahun 2005 dan tanaman buah-buahan iaitu 54.7% pada tahun 2006. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pengeluaran Hasil Pertanian Sebenar Berbanding Sasaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Jenis Tanaman	2004			2005			2006		
	Sasaran (Kg Juta)	Sebenar (Kg Juta)	Peratus (%)	Sasaran (Kg Juta)	Sebenar (Kg Juta)	Peratus (%)	Sasaran (Kg Juta)	Sebenar (Kg Juta)	Peratus (%)
Padi	11.53	7.83	67.9	13.88	9.40	67.7	11.98	6.56	54.7
Buah-buahan	41.68	38.88	93.3	56.68	38.42	67.8	63.47	34.73	54.7
Sayuran	33.74	16.92	50.1	19.76	11.91	60.3	19.15	12.11	63.2
Kelapa	15.94	14.41	90.4	20.69	11.61	56.1	16.88	13.30	78.8

Sumber: Rekod Laporan Analisis SPBP

Pada pendapat Audit, pencapaian sasaran program adalah tidak memuaskan kerana Jabatan gagal mencapai sasaran kuantiti pengeluaran bagi semua jenis tanaman. Ini menyebabkan sasaran pendapatan juga tidak dapat dicapai. Jabatan Pertanian Negeri Johor memaklumkan bahawa sasaran pendapatan, bilangan peserta, keluasan dan pengeluaran hasil tidak dapat dicapai kerana:

- i) faktor-faktor luaran seperti bencana alam, harga pertanian, sikap petani, serangan penyakit dan kekurangan tenaga buruh.
- ii) saiz tanah yang tidak ekonomik.

10.2.4 Aktiviti Pelaksanaan Projek

Jabatan Audit telah membuat lawatan ke 86 projek PB merangkumi 5 komponen tanaman di 4 daerah yang dipilih untuk menentukan sama ada PB telah mengusahakan projek mereka dengan baik atau sebaliknya. Projek yang diusahakan dengan baik dapat dilihat melalui pemerhatian secara fizikal seperti tanaman yang hidup subur, kawasan tapak projek tidak semak, tanaman dan pembersihan kawasan mengikut jadual. Hasil lawatan Audit adalah seperti berikut:

a) Pembangunan Industri Padi

Pembangunan Industri Padi melibatkan 10 PB iaitu 6 PB di Daerah Muar, 2 PB di Daerah Mersing dan masing-masing satu PB di Daerah Batu Pahat dan Daerah Kluang. Lawatan Audit telah dibuat di 5 PB sawah padi iaitu 3 PB di Daerah Muar, 1 PB di Daerah Mersing dan 1 PB lagi di Daerah Batu Pahat. Pemeriksaan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Penanaman Padi Tidak Mengikut Jadual

Benih padi yang diperkenalkan oleh Jabatan boleh dituai dalam masa 8 bulan atau 3 kali untuk tempoh 2 tahun. Jabatan telah merangka jadual pelaksanaan kerja untuk memaksimumkan pendapatan petani dan meningkatkan pengeluaran. Mengikut jadual, tanaman padi bermula dengan penyediaan tanah, menabur benih, merumput, keringkan air dan menuai. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Ogos dan September 2006 mendapati kerja-kerja yang dijalankan oleh petani tidak mengikut jadual yang ditetapkan sebagaimana di **Jadual 15**.

Jadual 15
Penanaman Padi Tidak Mengikut Jadual

Kawasan PB	Aktiviti Di Jadual	Aktiviti Sebenar Yang Dijalankan
Sawah Sungai Balang, Muar	Menuai	Penyediaan Tanah
Sawah Pulau Penarik, Muar	Selesai Menuai	Keringkan Air (Padi Sedang Berbunga)
Sawah Ring, Muar	Selesai Menuai	Menuai
Sawah Sagil, Batu Pahat	Menuai	Baru Ditanam
Sawah Air Papan, Mersing	Menuai	Penyediaan Tanah

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Johor Dan Jabatan Audit Negara

ii) Penyakit Bena Perang Padi

Lawatan Audit ke PB Sawah Ring, Muar mendapati daun pokok padi berbintik kuning manakala padinya berwarna perang. Pegawai Pertanian Kawasan memaklumkan keadaan itu berlaku kerana sawah berkenaan telah diserang sejenis penyakit yang dinamakan Bena Perang. Bagaimanapun, serangan penyakit adalah tidak serius dan PB berkenaan telah mengambil tindakan untuk membuat semburan racun di kawasan terbabit.

iii) Masalah Hak Milik Tanah Sawah

Setiap petani boleh membuat permohonan bantuan dari Jabatan sekiranya tanah sawah yang diusahakan adalah milik sendiri, tanah sewa dan tanah diusahakan dengan kebenaran. Syarat ini penting supaya Jabatan boleh mempertimbangkan bantuan jika ada permohonan. Lawatan Audit ke PB Sawah Sagil pada 25 Julai 2006 mendedahkan bahawa 83 hektar tanah sawah yang sedang diusahakan oleh petani masih tidak mempunyai hak milik. Justeru, Jabatan telah mengambil keputusan tidak memberi bantuan kepada petani-petani tersebut. Tindakan Jabatan adalah selaras dengan peraturan yang dikeluarkan. **Foto 10** menunjukkan tanaman padi yang diusahakan di PB Sawah Sagil, Batu Pahat.

Foto 10
Penanaman Padi Yang Tidak Menerima Bantuan Secara Berterusan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: PB Kampung Sawah Sagil, Batu Pahat
Tarikh: 25 Julai 2006

iv) Pengurusan Sumber Air

Bekalan air ke sawah adalah bergantung kepada air yang dipam masuk ke kawasan sawah oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran. Bagaimanapun, bekalan air di PB Sawah Air Papan, Mersing adalah bergantung sepenuhnya kepada sumber air hujan. Keadaan ini menyebabkan bekalan air ke sawah tidak dapat dibuat secara berterusan terutama pada musim kemarau.

Sementara itu, PB Sawah Pulau Penarik, Muar pula menghadapi masalah di mana bekalan air yang dipam masuk ke sawah tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Gangguan bekalan air ini menyebabkan kesuburan anak padi terencat kerana masalah rumpai yang hidup subur.

v) Pengawalan Musuh Padi

Satu daripada aktiviti kawalan perosak tanaman yang boleh dijalankan di sawah-sawah padi ialah menternak burung pungguk untuk kawalan tikus. Lawatan Audit ke PB Sawah Sungai Balang dan PB Sawah Ring mendapati kotak sarang burung pungguk telah dibina di petak sawah untuk mengawal tikus.

vi) Bantuan Yang Diberikan Oleh Jabatan

Selain itu, semakan Audit mendapati sawah-sawah di Negeri Johor adalah di luar kawasan jelapang padi. Projek Pembangunan Industri Padi dilaksanakan

melalui aktiviti bantuan untuk kerja-kerja perataan tanah sawah, membaiki pulih tanah, bekalan input pertanian seperti baja, racun dan benih padi, membaiki sistem saliran dan pengairan serta memberi khidmat pengembangan secara berterusan. **Foto 11** menunjukkan pokok padi hidup subur,

Foto 11
Pokok Padi Hidup Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: PB Kampung Pulau Penarik, Muar
Tarikh: 21 September 2006

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti tanaman padi adalah memuaskan kerana 3 atau 60% daripada 5 PB yang dilawati telah diusahakan dengan baik.

b) Pembangunan Industri Buah-buahan

Pihak Audit telah menjalankan lawatan ke 54 PB iaitu 13 PB di Daerah Muar, 20 PB di Daerah Batu Pahat, 8 PB di Daerah Segamat dan 13 PB di Daerah Mersing. Hasil lawatan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Masalah Tapak Projek

Jabatan telah menetapkan kriteria pemilihan kawasan iaitu dengan memberi keutamaan kepada pemohon yang memiliki tanah sendiri, tanah yang disewa atau tanah yang diusahakan dengan kebenaran pemilik tanah. Walau bagaimanapun lawatan Audit mendapati 5 PB tidak dapat meneruskan projek kerana mengalami masalah tapak. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Senarai Perladangan Berkelompok Yang Mengalami Masalah Tapak

Bil.	Nama PB/ Jenis Tanaman	Tahun Kelulusan/ Jumlah Kelulusan	Jenis Bantuan	Masalah
1.	PB Kg. Sg Bebuta Endau, Mersing (Buah Tembikai)	2006/ RM18,000	Baja, racun dan benih	Tuntutan bertindih tapak tanah di kalangan penduduk kampung menyebabkan projek berkenaan tidak dapat diteruskan.
2.	PB Simpang Penyabong Endau, Mersing (Buah Tembikai)	2005/ RM15,000	Baja, racun, benih, pembersihan kawasan dan sistem pengairan	Petani tidak dapat meneruskan penanaman kerana tempoh penyewaan tanah telah hampir tamat. Ini menyebabkan seluruh kawasan telah dipenuhi semak.
3.	PB Sawah Air Papan, Mersing Projek Integrasi (Pisang, Mangga, Kelapa Sawit)	2005/ RM30,000	Baja, racun dan benih	Projek dijalankan di atas tanah sawah yang mempunyai struktur tanah yang keras dan kadar kelembapan tanah yang sangat rendah. Oleh itu, tanaman kurang subur.
4.	PB Paya Kedondong, Segamat (Pisang)	2004/ RM18,274	Baja, racun, benih dan pembersihan kawasan	Pokok pisang tidak ditanam sebaliknya petani telah menanam tanaman kekal (kelapa sawit) di tapak tersebut.
5.	PB Felda Nitar Mersing (Pisang dan Keladi)	2005/ RM12,000	Baja, racun, benih dan pembersihan kawasan	Projek dijalankan di atas kawasan rendah dan sering dilanda banjir setinggi 3 kaki menyebabkan kawasan tanaman semak kerana ditakungi air.

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Foto 12 hingga **Foto 16** menunjukkan masalah tapak projek yang menyebabkan kerja penanaman tidak dapat diteruskan.

Foto 12
Projek Tidak Dapat Diteruskan Kerana Masalah Status Tanah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 29 Ogos 2006

Lokasi: PB Kampung Sungai Bebuta, Endau, Mersing

Foto 13
Tanaman Tembikai Tidak Diteruskan Kerana Masalah Penyewaan Tanah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Ogos 2006
Lokasi: PB Simpang Penyabong, Endau, Mersing

Foto 14
Tanaman Pisang Yang Tidak Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Ogos 2006
Lokasi: PB Sawah Air Papan, Mersing

Foto 15
Penanaman Pisang Digantikan Dengan Pokok Kelapa Sawit



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 September 2006
Lokasi: PB Paya Kedondong, Segamat

Foto 16
Projek Dijalankan Di atas Kawasan Rendah Dan Sering Dilanda Banjir



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 6 September 2006
Lokasi: PB Felda Nitar, Mersing

ii) Serangan Penyakit

Projek tanaman tembikai di PB Tanjung Kempit, Mersing dengan bantuan berjumlah RM24,000 telah dimulakan pada tahun 2006. Lawatan Audit pada 29 Ogos 2006 mendapati daun pokok tembikai telah kerinting dan tidak menutupi batas, berbuah jarang serta saiz buah kecil. Menurut penjelasan Pegawai

Pertanian Kawasan kepada pasukan Audit, pokok tembikai itu telah diserang penyakit dan tidak dapat dipulihkan lagi. Akibat penyakit tersebut, petani tidak mendapat pulangan seperti yang dijangka. **Foto 17** menunjukkan penanaman tembikai yang diserang penyakit sehingga menjejaskan kualiti dan produktiviti pengeluarannya.

Foto 17
Tanaman Tembikai Diserang Penyakit



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 29 Ogos 2006
Lokasi: PB Tanjung Kempit, Endau, Mersing

iii) Serangan Musuh Tanaman

Projek tanaman pisang nipah dan keladi di PB Felda Nitar, Mersing dengan bantuan berjumlah RM12,000 telah diluluskan pada tahun 2005. Bantuan yang diberi termasuklah pemasangan pagar, pembersihan kawasan, pembekalan benih pisang nipah, baja dan racun. Lawatan Audit ke tapak projek yang diusahakan oleh petani kedua PB Felda Nitar, Mersing pada 5 September 2006 mendapati tiada pokok pisang nipah dan keladi di tapak berkenaan. Pihak Audit dimaklumkan pokok pisang dan keladi yang ditanam tidak sempat mengeluarkan hasil kerana musnah diserang gajah. **Foto 18** menunjukkan tanaman pisang nipah dan keladi yang musnah diserang gajah.

Foto 18
Tanaman Pisang Nipah Dan Keladi Yang Musnah Diserang Gajah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 September 2006
Lokasi: PB Felda Nitar, Mersing

iv) Projek Tidak Diusahakan Dengan Baik

Jabatan telah meluluskan projek tanaman pisang nipah di PB Sekijang 3, Segamat dengan bantuan berjumlah RM3,480 pada tahun 2004. Jenis bantuan yang diberikan ialah membekalkan benih pisang nipah. Lawatan Audit pada 4 September 2006 mendapati tiada kesan penanaman pisang di kawasan tersebut. Ini menunjukkan projek yang menerima bantuan Jabatan tidak dijalankan secara berterusan dan mengakibatkan objektif program untuk meningkatkan pendapatan dan pengeluaran petani tidak dapat dicapai. **Foto 19** menunjukkan tapak tanaman pisang menjadi belukar.

Foto 19
Tapak Tanaman Pisang Menjadi Belukar



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 4 September 2006
Lokasi: PB Sekijang 3, Segamat

Bagi Projek tanaman tebu di PB Felda Palong Timur Segamat, bantuan berjumlah RM15,000 telah diluluskan pada tahun 2005. Bantuan yang diberikan termasuk pembersihan kawasan, bekalan baja dan racun serta pembekalan benih tebu kuning/tebu telur sebanyak 50,000 keratan. Lawatan Audit pada 5 September 2006 mendapati keadaan kebun semak, terbiar dan tanaman pokok tebu tidak subur. Menurut petani PB berkenaan, pokok tebu telah diserang tikus menyebabkan tebu tumbang dan tidak dapat dijual. Pegawai Pertanian Kawasan pula menegaskan bahawa petani berkenaan kurang komited terhadap projek ini dengan membiarkan kebunnya semak dan tidak menabur baja mengikut jadual.

Semakan Audit mendapati petani PB berkenaan kurang komited terhadap projek tanaman tebu kerana salah seorang daripada pesertanya telah mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian untuk mengusahakan tanaman sayuran pada tahun 2006. Pada masa yang sama, petani PB ini juga mengusahakan tanaman kelapa sawit. Faktor ini telah menyumbang kepada kegagalan projek tebu memandangkan petani perlu memberi tumpuan kepada 3 jenis tanaman serentak. **Foto 20** menunjukkan kebun tebu 2 orang peserta yang telah bertukar menjadi belukar.

Foto 20
Kebun Tebu Yang Terbiar Dan Menjadi Belukar



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 5 September 2006
Lokasi: PB Felda Palong Timur, Segamat

v) Projek Yang Diusahakan Dengan Baik

Lawatan Audit mendapati projek yang berjaya diusahakan dengan baik seperti projek tanaman pisang di PB Patah Pedang, Batu Pahat, tanaman betik dan jambu batu di PB Kg Muda Jaya, Muar dan tanaman nanas di PB Kg. Parit Sonto, Batu Pahat. **Foto 21** hingga **Foto 23** menunjukkan projek buah-buahan yang berjaya diusahakan.

Foto 21
Tanaman Pisang Yang Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25 Julai 2006
Lokasi: PB Patah Pedang, Batu Pahat

Foto 22
Tanaman Betik Dan Jambu Batu Yang Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 21 September 2006
Lokasi: Kampong Muda Jaya, Muar

Foto 23
Tanaman Nanas Yang Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 25 Julai 2006
Lokasi: Parit Sonto, Batu Pahat

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti tanaman buah-buahan adalah memuaskan. Daripada 54 PB yang dilawati, 30 atau 55.5% PB telah diusahakan dengan baik. Jabatan perlu memberi penekanan yang lebih terhadap kriteria pemilihan kawasan dan petani PB.

c) Pembangunan Industri Sayuran Dan Tanaman Ladang

Pihak Audit telah menjalankan lawatan ke 17 PB iaitu 5 PB di Daerah Muar, 3 PB di Daerah Batu Pahat, 6 PB di Daerah Segamat dan 3 PB di Daerah Mersing. Berikut adalah kelemahan yang diperhatikan semasa lawatan tersebut:

i) Sistem Pengairan Yang Dibekalkan Rosak

Projek sayuran di PB Kampung Parit Sialang, Muar telah diluluskan bantuan berjumlah RM11,000 pada tahun 2004. Bantuan yang diluluskan termasuk sistem pengairan, baja organik dan pembersihan kawasan bagi keluasan 3.72 hektar. Tanaman yang diluluskan kepada petani ialah jagung dan keledek. Lawatan Audit pada 20 September 2006 mendapati sistem pengairan yang sedia ada tidak berfungsi lagi kerana telah rosak dan pecah. Ini menjejaskan pembekalan air ke kawasan tersebut. Pemerhatian Audit juga mendapati pokok jagung dan keledek tidak subur kerana kekurangan air.

ii) Masalah Tapak Projek

Selain itu, lawatan Audit juga mendapati projek sayuran di PB Kampung Parit Sialang, Muar ditanam di kawasan tanah berpasir yang memerlukan baja organik yang lebih. Keadaan ini boleh menyumbang kepada peningkatan kos operasi projek yang seterusnya boleh menjejaskan pendapatan petani. **Foto 24** menunjukkan tanaman jagung dan keledek yang tidak subur.

Foto 24
Tanaman Jagung Dan Keledek Yang Tidak Subur



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 September 2006
Lokasi: PB Kampung Parit Sialang, Muar*

iii) Projek Yang Diusahakan Dengan Baik

Selain daripada yang dinyatakan di atas, terdapat juga projek yang berjaya diusahakan dengan baik. Sebagai contohnya, projek sayuran di PB Bukit Merah dan PB Padang Serian, Segamat. **Foto 25** dan **Foto 26** menunjukkan tanaman sayuran yang subur.

Foto 25
Pokok Mentimun Yang Subur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 4 September 2006
Lokasi: PB Kampung Bukit Merah, Segamat

Foto 26
Sistem Batas Untuk Tanaman Mentimun Yang Baik



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 4 September 2006
Lokasi: PB Kampung Padang Serian, Segamat

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti tanaman sayuran dan tanaman ladang adalah memuaskan. Daripada 17 PB yang dilawati, 11 atau 64.7% PB telah diusahakan dengan baik.

d) Pembangunan Industri Kelapa

Lawatan Audit telah dijalankan ke 10 PB iaitu 5 PB di Daerah Muar dan 5 PB di Daerah Batu Pahat. Berikut adalah kelemahan yang diperhatikan semasa lawatan tersebut:

i) Benih Kelapa Belum Diagihkan

Projek penanaman kelapa MATAG di PB Parit Jawa Laut, Muar telah diluluskan bantuan berjumlah RM28,000 pada tahun 2005. Bantuan yang diluluskan ialah anak benih kelapa MATAG sebanyak 5,250 pokok, bekalan baja, racun, pembersihan kawasan dan perparitan. Lawatan Audit pada 19 September 2006 mendapati pokok kelapa MATAG belum ditanam di tanah PB tersebut. **Semakan Audit selanjutnya mendapati anak benih kelapa MATAG yang sepatutnya diagihkan oleh Jabatan Pertanian kepada Ketua Kelompok masih belum diagih untuk ditanam oleh petani-petani di bawah PB berkenaan. Foto 27** menunjukkan benih-benih kelapa MATAG yang belum diagihkan di Perladangan Berkelompok Parit Jawa Laut, Muar.

Foto 27
Benih Kelapa MATAG Belum Diagihkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 September 2006
Lokasi: PB Parit Jawa Laut, Muar

ii) Serangan Makhluk Perosak

Projek tanaman kelapa MATAG di PB Parit Amal Darat, Batu Pahat juga diluluskan bantuan berjumlah RM18,000 pada tahun 2005. Bantuan yang diluluskan termasuk baja, perparitan dan pembersihan kawasan. Lawatan Audit pada 19 September 2006 mendapati pucuk anak pokok kelapa yang ditanam telah patah dan layu. Temu bual dengan Pegawai Pertanian Kawasan mendapati anak pokok berkenaan telah diserang kumbang tanduk yang memakan pucuk daun kelapa dan seterusnya boleh membantutkan tumbesaran pokok. **Foto 28** menunjukkan anak pokok kelapa yang diserang kumbang tanduk.

Foto 28
Anak Pokok Kelapa MATAG Yang Diserang Kumbang Tanduk



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 September 2006
Lokasi: PB Parit Amal Darat, Batu Pahat*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek tanaman kelapa MATAG adalah tidak memuaskan. Daripada 10 PB yang dilawati hanya 3 PB telah diurus dengan baik.

e) Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang telah dibangunkan di Negeri Johor ialah TKPM di Ulu Tiram, Johor Bahru, TKPM di Sri Pantai, Mersing dan TKPM di Sekijang, Segamat. Lawatan Audit telah dijalankan ke TKPM di Sekijang, Segamat mendapati kelemahan seperti berikut:

- i) Pembangunan keseluruhan kawasan meliputi seluas 75.9 hektar telah dikhaskan kepada petani untuk tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

Bagaimanapun beberapa bahagian dalam kawasan itu didapati semak kerana kerja pembersihan dijalankan secara berperingkat-peringkat. **Foto 29** menunjukkan pokok limau bali yang sedang berbuah.

Foto 29
Pokok Limau Bali Yang Sedang Berbuah



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 22 Jun 2006
Lokasi: TKPM Sekijang Segamat

- ii) Pemeriksaan terhadap rekod projek menunjukkan kawasan tersebut telah diusahakan oleh seramai 15 orang peserta pada tahun 2002 tetapi bilangan peserta hanya tinggal seramai 7 orang sahaja pada tahun 2006. Pengurangan peserta ini mengakibatkan projek TKPM tidak dapat diusahakan secara berterusan.
- iii) Kadar sewa sehektar yang dikenakan kepada petani ialah RM250 setahun. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati peserta TKPM di Sekijang, Segamat masih belum menjelaskan bayaran sewa bagi tahun 2005 dan 2006 berjumlah RM14,012. Pegawai Pertanian Daerah telah mengeluarkan surat peringatan kepada petani pada bulan September 2006.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti TKPM adalah tidak memuaskan kerana bilangan penyewa hanya tinggal 7 orang sahaja pada tahun 2006. Jabatan Pertanian Negeri Johor memaklumkan terma perjanjian TPKM akan dikaji semula untuk melancarkan proses pengurusan pengambilan peserta.


f) Laporan Bedah Siasat Pelaksanaan Projek

Laporan bedah siasat perlu disediakan untuk mengenal pasti punca sesuatu projek gagal mencapai sasarannya supaya tindakan pembetulan dapat diambil untuk mengatasinya. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan laporan tersebut.

g) Maklum Balas Petani Melalui Soal Selidik

Pihak Audit telah mendapatkan maklum balas daripada petani untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dengan menjalankan soal selidik di kalangan 56 responden atau 17.7% daripada 316 peserta yang terlibat dalam PB yang dilawati. Hasil soal selidik tersebut menunjukkan masalah utama petani dalam menguruskan projek tanaman ialah akibat serangan musuh tanaman 33%, masalah teknikal 27%, serangan penyakit 21%, kekurangan pekerja 9%, masalah pasaran 6% dan bencana alam 4%. Masalah teknikal bermaksud masalah benih tidak sesuai, tanah tidak subur/sesuai, kurang latihan dan kelewatan penerimaan bantuan. **Rajah 1** menunjukkan masalah yang sering dihadapi oleh petani.

Rajah 1
Masalah Petani Mengikut Soal Selidik Yang Diedarkan



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, aktiviti pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan adalah tidak memuaskan kerana masalah seperti benih, penyakit, kesesuaian tapak, musuh tanaman dan bekalan air masih belum dapat diatasi oleh Jabatan.

10.2.5 Pemilihan Kawasan Dan Pengusaha

Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Projek mendapati pemilihan kawasan dan pengusaha/peserta program telah disokong oleh Pegawai Pertanian Kawasan yang berkenaan. Bagaimanapun, Jabatan tidak dapat mengemukakan fail bagi setiap projek PB yang mengandungi maklumat lengkap siasatan terhadap kriteria-kriteria pemilihan kawasan yang telah ditetapkan oleh Jabatan iaitu kesesuaian tanah, lokasi, kemudahan infrastruktur, tenaga kerja, sistem saliran dan petunjuk pendapatan petani. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Jabatan telah menjalankan siasatan atau sebaliknya.

Pihak Audit berpendapat, pemilihan kawasan adalah tidak memuaskan kerana maklumat siasatan terhadap kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan tidak dikemukakan.

10.2.6 Pelaksanaan Program

Jabatan telah melaksanakan perkhidmatan sokongan dan pengembangan perladangan kepada petani PB seperti berikut:

a) Perkhidmatan Sokongan

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mengenai perkhidmatan sokongan mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Kelewatan Bekalan Benih Tisu Didik Pisang

Bekalan anak benih kepada petani perlu mengikut jadual yang ditetapkan supaya pelaksanaan projek tidak tertangguh. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak dapat membekalkan benih tisu didik pisang berangan dan tanduk kepada petani mengikut jadual seperti berikut:

- Projek tanaman pisang di kawasan Peserai, Batu Pahat telah diluluskan pada tahun 2005. Bagaimanapun, laporan daripada Pejabat Pertanian Kawasan Peserai, Batu Pahat menunjukkan 4 PB dengan peserta seramai 29 orang dan tanah seluas 39 hektar masih belum menerima bekalan benih tisu didik pisang sebanyak 19,500 pokok pada bulan Julai 2006.
- Laporan Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat menunjukkan 10 PB yang melibatkan 84 peserta dengan tanah seluas 100 hektar bagi projek tanaman pisang telah diluluskan pada tahun 2006. Keperluan bekalan benih tisu didik pisang bagi keseluruhan kawasan yang diluluskan ialah 49,772 pokok dengan anggaran

kos RM69,401. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua benih pisang tersebut belum dibekalkan pada bulan Julai 2006. Senarai projek yang terlibat adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Projek Perladangan Berkelompok Yang Belum Mendapat
Benih Tisu Didik Pisang Bagi Daerah Batu Pahat

Bil.	Projek PB	Keluasan (Hektar)	Peserta (Orang)	Jenis Pisang	Kuantiti Tisu Didik Diperlukan (Batang)	Jumlah (RM)
1.	Kampung Bindu	10	4	Berangan Tanduk	5,500 5,500	7,425 7,975
2.	Kampung Bintang	10	5	Berangan Tanduk	2,224 2,068	3,002 2,999
3.	Kampung Lapis Perpat	10	10	Berangan	4,444	6,000
4.	Kampung Patah Pedang	10	8	Tanduk	4,138	6,000
5.	Parit Haylam	10	10	Tanduk	4,138	6,000
6.	Kampung Sungai Dulang	10	10	Berangan	4,444	6,000
7.	Kampung Sungai Kluang Laut	10	10	Berangan	4,444	6,000
8.	Kampung Sungai Kluang Tengah	10	10	Berangan	4,444	6,000
9.	Kampung Sungai Tongkang	10	10	Tanduk	4,138	6,000
10.	Kampung Seri Utama	10	7	Berangan Tanduk	2,222 2,068	3,000 3,000
Jumlah		100	84		49,772	69,401

Sumber: Rekod Laporan Pelaksanaan Projek Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat

Kelewatan bekalan benih ini berlaku disebabkan pembekal tisu didik pisang tidak dapat memenuhi permintaan Jabatan untuk membekalkan benih tisu didik pisang mengikut jadual yang ditetapkan. Perjanjian pula tidak menetapkan sebarang penalti sekiranya pembekal gagal membekalkan benih mengikut jadual yang ditetapkan.

Kelewatan bekalan benih tisu didik pisang telah menyebabkan Jabatan terpaksa mengambil tindakan menggantikannya dengan benih pisang sulur. Tindakan yang diambil ini dilihat seperti menggalakkan petani PB mengulangi tanaman cara lama dan tidak mengikut teknologi terkini. Selain itu pihak Jabatan sukar menentukan sama ada sulur yang ditanam sihat dan bebas dari penyakit.

ii) Kelewatan Bekalan Benih Kelapa MATAG

Bekalan benih kelapa MATAG diperoleh daripada pembekal tunggal iaitu United Plantations Berhad, Telok Intan, Perak. Berdasarkan Laporan Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat mendapati 8 PB telah diluluskan projek tanaman kelapa MATAG pada tahun 2005 dan 10 PB telah diluluskan pada tahun 2006. Keperluan bekalan benih kelapa MATAG pula adalah sebanyak 17,250 pokok pada tahun 2005 dan 15,000 pokok pada tahun 2006. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua benih kelapa tersebut masih belum dibekalkan pada bulan Julai 2006 seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Projek Perladangan Berkelompok Yang Belum
Mendapat Bekalan Benih Kelapa MATAG

Bil.	Projek Berkelompok	Keluasan (Hektar)	Kuantiti Benih Diperlukan (Pokok)	Jumlah (RM)
Tahun 2005				
1.	Kampung Bintang	20	3,000	21,000
2.	Kampung Parit Hj. Abd. Salam	20	3,000	21,000
3.	Kampung Parit Gantung	20	3,000	21,000
4.	Kampung Sungai Suloh	10	1,500	10,500
5.	Parit Sri Dalam	10	1,500	10,500
6.	Kampung Sri Utama	15	2,250	15,750
7.	Kampung Parit Siba	10	1,500	10,500
8.	Kampung Sri Borham	10	1,500	10,500
JUMLAH		115	17,250	120,750
Tahun 2006				
1.	Kampung Patah Pedang	10	1,500	10,500
2.	Kampung Sungai Kluang Laut/Bagan Laut	10	1,500	10,500
3.	Kampung Sungai Kluang Tengah	10	1,500	10,500
4.	Kampung Parit Haylam	10	1,500	10,500
5.	Kampung Sungai Tongkang	10	1,500	10,500
6.	Kampung Lapis Perpat	10	1,500	10,500
7.	Kampung Ngamarto	9.2	1,500	10,500
8.	Kampung Bintang	10	1,500	10,500
9.	Kampung Seri Utama	10	1,500	10,500
10.	Kampung Sungai Dulang	10	1,500	10,500
JUMLAH		99.20	15,000	105,000

Sumber: Rekod Pelaksanaan Projek Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat

iii) Agihan Input Pertanian Tidak Dikawal

Semua perolehan bekalan input untuk program ini dibuat oleh Pejabat Pertanian Daerah masing-masing. Bagaimanapun, rekod terperinci mengenai pengagihan bekalan input kepada petani PB tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada petani PB menerima bekalan yang sepatutnya. Sementara itu, semakan Audit mendapati bekalan input pertanian seperti baja, benih, racun dan peralatan pengairan

yang dibeli oleh Pejabat Pertanian Daerah Mersing dan Segamat telah dihantar terus kepada petani PB tanpa direkodkan dalam buku stok. Pihak Audit mengesyorkan supaya semua penerimaan bekalan input direkodkan di dalam buku stok sebelum diagihkan supaya Jabatan dapat memeriksa kualiti dan kuantiti bekalan sebelum diagihkan. Senarai Pejabat Pertanian Daerah yang terlibat berserta dengan jumlah perbelanjaan input pertanian bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Pejabat Pertanian Daerah Tidak Merekodkan
Perbelanjaan Input Pertanian Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Pejabat Pertanian Daerah	Tahun 2004 (RM)	Tahun 2005 (RM)	Tahun 2006 (RM)
Mersing	187,482	181,026	127,971
Segamat	45,800	16,000	63,000

Sumber: Rekod Baucar Bayaran

Jadual di atas menunjukkan bantuan input pertanian yang diberi oleh Pejabat Pertanian Daerah Mersing menurun daripada sejumlah RM187,482 pada tahun 2004 menjadi RM127,971 pada tahun 2006 disebabkan bilangan kelulusan bantuan berkurangan. Manakala bagi Pejabat Pertanian Daerah Segamat, bantuan input pertanian meningkat disebabkan peningkatan kelulusan untuk bantuan baja dan racun.

iv) Kerja-kerja Pembersihan Kawasan Lewat Dijalankan

Salah satu bantuan yang diberi oleh Jabatan ialah kerja-kerja pembersihan kawasan. Semakan Audit terhadap rekod-rekod Jabatan menunjukkan bantuan terhadap kerja-kerja pembersihan kawasan untuk tahun 2006 masih belum dikeluarkan untuk 5 PB di Daerah Batu Pahat sehingga bulan Ogos 2006. Kawasan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Projek PB Yang Belum Mendapat Bantuan Pembersihan Kawasan

Bil.	Nama PB	Nama Peserta
1.	Kampung Seri Utama, Peserai Batu Pahat	Mohd Halim bin Anis
2.	Kampung Seri Utama, Peserai Batu Pahat	Ahmad bin Janiman
3.	Kampung Kluang Laut, Rengit	Mohammad bin Sudri
4.	Kampung Kluang Laut, Rengit	Mohd Nordin bin Lambing
5.	Parit Hylam, Rengit	Sarifuddin bin Masran

Sumber: Rekod Laporan Kemajuan Projek

Lawatan Audit ke PB Kampung Seri Utama, Parit Hylam dan Kampung Kluang Laut, Rengit, Batu Pahat pada awal bulan Ogos 2006 mendapati kerja-kerja pembersihan masih belum dijalankan. **Foto 30** dan **Foto 31** menunjukkan tapak projek yang belum dibersihkan di Daerah Batu Pahat.

Foto 30
Tapak Projek Belum Dibersihkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 1 Ogos 2006
Lokasi: PB Kg. Seri Utama, Peserai, Batu Pahat

Foto 31
Tapak Projek Belum Dibersihkan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 3 Ogos 2006
Lokasi: Kg. Kluang Laut, Rengit, Batu Pahat

Pada pendapat Audit, aktiviti pelaksanaan perkhidmatan sokongan yang diberi oleh Jabatan adalah tidak memuaskan kerana masalah kelewatan bekalan benih dan kerja-kerja pembersihan tidak mengikut jadual. Kelewatan ini boleh menjejaskan kuantiti pengeluaran hasil tani.

b) Khidmat Pengembangan Perladangan

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mengenai khidmat pengembangan perladangan mendapati perkara seperti berikut:

i) Latihan Petani

Pada setiap tahun latihan diberi kepada petani secara teori dan amali, sama ada secara formal atau tidak formal. Semakan Audit mendapati kursus yang dianjurkan oleh Jabatan meliputi pelbagai bidang termasuk kaedah penanaman, pakej teknologi, kaedah penggunaan racun serangga, teknik cantasan, kaedah penjagaan dan pengawalan penyakit dan sebagainya. Sebanyak 94 kursus atau 14.3% berbanding 656 kursus yang disasarkan telah diadakan dan bilangan peserta seramai 2,951 orang atau 21% berbanding 14,033 orang petani yang disasarkan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

ii) Petak Demonstrasi

Petak demonstrasi teknologi merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah program perkhidmatan pengembangan. Kedudukan petak demonstrasi disediakan secara berasingan dari PB atau dipilih dalam kawasan ladang. Tujuannya untuk memperkenalkan teknologi baru kepada petani dan seterusnya menggunakan teknologi tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati 3 daerah telah melaksanakan petak demonstrasi iaitu 4 PB di Daerah Muar, 4 PB di Daerah Mersing dan 5 PB di Daerah Segamat. Sementara itu, tiada petak demonstrasi telah dilaksanakan di Daerah Batu Pahat.

iii) Lawatan Belajar

Selain kursus, Jabatan juga telah menganjurkan program lawatan ke tempat-tempat tertentu untuk tujuan lawatan atau tinjauan teknologi di dalam atau di luar Negeri Johor. Jabatan menyediakan kemudahan pengangkutan, penginapan dan makanan yang dilaksanakan secara pakej. Jabatan telah menganjurkan 25 lawatan melibatkan seramai 482 orang peserta bagi tempoh 2004 hingga 2006. Tempat-tempat yang dilawati pula termasuk lawatan ke Projek TKPM Ulu Choh Sepang, Selangor, lawatan ke petak demonstrasi

kelapa MATAG di Bagan, Batu Pahat, lawatan ke projek tanaman limau di Negeri Terengganu dan lawatan ke projek pertanian di Surabaya, Indonesia.

iv) Khidmat Nasihat

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan telah memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani dari semasa ke semasa secara berterusan. Lawatan PPK dan PPPK ke sesuatu projek kerap dilakukan. Perkhidmatan yang diberi bersifat semasa di mana Jabatan berusaha mengatasi masalah semasa yang dihadapi oleh petani.

Pada pendapat Audit, aktiviti pelaksanaan khidmat pengembangan perladangan yang diberi oleh Jabatan adalah memuaskan kerana Jabatan telah mengadakan lawatan belajar dan juga memberi khidmat nasihat.

10.2.7 Pemasaran Hasil Tanaman

Salah satu faktor utama untuk mengembangkan projek pertanian ialah pemasaran hasil ladang yang sistematik supaya hasil pertanian dapat dipasarkan segera. Semakan Audit mendapati hasil pertanian dipasarkan sendiri oleh petani. Ada juga sebahagian kecil petani yang memasarkan hasil pertanian melalui Agensi Kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Petani-petani juga dapat memasarkan pengeluaran hasil tanaman mereka di pasar raya besar melalui bantuan Jabatan. Selain itu, Jabatan juga membantu memasarkan hasil tanaman petani yang mengusahakan penanaman secara kecil-kecilan dengan menyediakan tempat atau menganjurkan aktiviti jualan terus seperti Pasar Tani, Pasar Malam, PASKAM, Pasar Pagi Jumaat dan gerai tepi jalan.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang baik untuk membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka.

10.2.8 Prestasi Perbelanjaan

Program Pembangunan Industri Makanan menerima peruntukan berjumlah RM6.50 juta berbanding permohonan berjumlah RM15.03 juta iaitu perbezaan sejumlah RM8.53 juta atau 56.8% bagi tempoh 2004 hingga 2006. Daripada jumlah yang diterima, sejumlah RM5.93 juta atau 91.2% telah dibelanjakan. **Jadual 21** menunjukkan prestasi perbelanjaan Program Pembangunan Industri Makanan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

Jadual 21
Prestasi Perbelanjaan Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Tahun	Peruntukan Kewangan		Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
	Dipohon (RM Juta)	Diluluskan (RM Juta)		
2004	4.72	1.80	1.43	79.4
2005	2.53	2.20	2.10	95.5
2006	7.78	2.50	2.40	96.0
Jumlah	15.03	6.50	5.93	

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian

Selain itu, semakan Audit terhadap rekod-rekod dan baucar bayaran mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Peruntukan Kewangan Yang Terhad

Semakan Audit mendapati peruntukan kewangan yang diluluskan tidak mencukupi untuk memenuhi semua permohonan yang dicadangkan oleh Pejabat Pertanian Kawasan. **Jadual 22** menunjukkan perbandingan di antara cadangan asal yang dikemukakan oleh 4 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Muar, Batu Pahat, Segamat dan Mersing dengan peruntukan yang diluluskan.

Jadual 22
**Perbandingan Antara Cadangan Dan Kelulusan Projek
Bagi Daerah Muar, Batu Pahat, Segamat Dan Mersing**

Tahun	Cadangan		Kelulusan	
	Bil. Projek	Jumlah (RM Juta)	Bil. Projek	Jumlah (RM Juta)
2004	74	1.80	60	0.82
2005	316	6.93	64	0.87
2006	124	3.19	62	1.10
Jumlah	514	11.92	186	2.79

Sumber: Cadangan Projek Dan Senarai Kelulusan

Berdasarkan jadual di atas, bilangan projek yang diluluskan bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah sebanyak 186 projek atau 36.2% berbanding 514 projek yang dicadangkan oleh Pegawai Pertanian Kawasan. Sementara itu, peruntukan kewangan yang diluluskan pula berjumlah RM2.79 juta atau 23.4% berbanding peruntukan yang dimohon berjumlah RM11.92 juta bagi tempoh yang sama. Memandangkan peruntukan yang terhad maka banyak permohonan yang diterima daripada petani terpaksa ditolak atau disimpan dalam perhatian.

b) Agihan Bantuan Melebihi Jumlah Diluluskan

Semakan Audit terhadap baucar bayaran, mendapati 10 PB menerima agihan bantuan melebihi jumlah yang diluluskan dengan RM148,941. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Agihan Bantuan Melebihi Jumlah Diluluskan
Bagi Tempoh 2004 Dan 2005

Tahun	2004	2005			Jumlah
Daerah	Mersing	Mersing	Batu Pahat	Segamat	
Jumlah PB Terlibat	1	1	4	4	10
Jumlah Diluluskan (RM)	17,000	30,000	43,000	68,000	158,000
Jumlah Bantuan Diagihkan (RM)	25,925	45,439	125,977	109,600	306,941
Lebihan Agihan Bantuan	8,925	15,439	82,977	41,600	148,941

Sumber: Rekod Kelulusan Dan Baucar Bayaran

c) Penerima Bantuan Tiada Di Dalam Senarai Kelulusan

Semakan Audit terhadap baucar bayaran dengan Laporan Kemajuan Projek mendapati 12 PB telah menerima bantuan tetapi tiada dalam senarai kelulusan yang diberi oleh Ibu Pejabat Negeri. Nama Perladangan Berkelompok (PB) yang terlibat adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Nama Perladangan Berkelompok Yang Tiada Di dalam
Senarai Kelulusan Tetapi Telah Diberikan Bantuan

Tahun	2004	2005		2006
Daerah	Mersing	Mersing	Batu Pahat	Mersing
Nama PB/ Jumlah Bantuan	Felda Tenggaroh Timur 1/ RM11,933	Felda Endau 1 RM13,135 Felda Endau RM16,622 Jemaluang RM6,495 Mersing Utara RM17,581 Mukim Tenglu RM8,557 Triang RM5,848 Tanjung Lingka RM1,520	Kg. Lubok Tengah/ RM5,600 Kg. Parit Gantung/ RM23,155 Kg. Parit Kuda/ RM18,421	Kg. Air Papan/ RM6,000

Sumber: Laporan Kemajuan Projek Dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Jabatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, kekangan peruntukan telah menjejaskan pencapaian pelaksanaan Program.


10.2.9 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Guna Tenaga

Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi telah diluluskan perjawatan yang terdiri daripada 20 orang di Ibu Pejabat dan 254 orang di daerah-daerah. Semakan Audit mendapati bilangan perjawatan yang diisi di Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi di peringkat Jabatan Pertanian Johor ialah 19 jawatan. Bagaimanapun, perjawatan yang telah diisi di daerah-daerah seramai 234 orang. Ini bermakna masih terdapat 21 atau 8.3% kekosongan jawatan.


Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi di peringkat Jabatan Pertanian Johor diketuai oleh Timbalan Pengarah 1 Gred G52 dan dibantu oleh seorang Pegawai Pertanian Gred G41 dan 18 pegawai sokongan pelbagai gred. Carta Organisasi Jabatan Pertanian Johor dan Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi adalah seperti di **Carta 3** dan **Carta 4**.

Carta 3
Carta Organisasi Jabatan Pertanian Negeri Johor



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Johor

Carta 4
Carta Organisasi Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Komoditi



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Johor

Pegawai di peringkat Ibu Pejabat dibantu oleh pegawai/kakitangan pertanian peringkat daerah. Kedudukan perjawatan di 4 daerah yang dilawati adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Kedudukan Perjawatan Di 4 Daerah Yang Dilawati

Daerah	Perjawatan Diluluskan	Perjawatan Diisi	Kekosongan
Muar	68	64	4
Batu Pahat	56	52	4
Mersing	35	32	3
Segamat	37	35	2

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri

Tanggungjawab Pembantu Pertanian Kawasan berkait secara langsung dengan petani melalui penerangan yang diberi, lawatan khidmat nasihat, rundingan serta khidmat pengembangan dan latihan yang diberi. Pembantu Pertanian Kawasan telah diberikan senarai PB dan projek usahawan yang perlu dipantau dan dilawati. Mengikut panduan prosedur Jabatan, lawatan ke kebun/tapak projek perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali setiap sebulan. Semakan Audit mendapati bebanan kerja Pembantu Pertanian Kawasan berbeza mengikut daerah. Ada daerah yang perlu memantau bukan sahaja projek Negeri dan Persekutuan tetapi juga merangkumi projek daripada peruntukan Dewan Undangan Negeri (DUN), peruntukan Parlimen dan projek-projek lain. Bilangan Pembantu Pertanian Kawasan di 4 daerah yang dilawati berbanding bilangan projek yang perlu dipantau ditunjukkan seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Bilangan Pembantu Kawasan Pertanian Berbanding Projek Yang Perlu Dipantau

Daerah/ Kawasan	Bilangan Pembantu Pertanian Kawasan (Diluluskan)	Bilangan Pembantu Pertanian Kawasan (Diisi)	Jumlah Projek Keseluruhan	Bilangan Projek				
				Projek Negeri	Projek Persekutuan	Projek DUN	Projek Parlimen	Lain-lain
Muar	25	14	421	55	81	45	26	214
Batu Pahat	19	18	261	45	39	47	72	58
Mersing	7	7	38	8	30	-	-	-
Segamat	8	6	63	54	9	-	-	-

Sumber: Fail Projek Pejabat Pertanian Daerah

Secara perbandingan, seorang Pembantu Pertanian Kawasan di Daerah Muar perlu memantau 30 projek setiap bulan, manakala Pembantu Pertanian Kawasan di Daerah Batu Pahat perlu memantau 14 projek setiap bulan. Jumlah projek di kedua-dua daerah ini adalah lebih banyak berbanding hanya 5 projek yang

dipantau oleh seorang Pembantu Pertanian Kawasan di Daerah Mersing dan 10 projek bagi Pembantu Pertanian Kawasan di Daerah Segamat.

Pada pendapat Audit, kedudukan pengisian perjawatan adalah baik kerana Jabatan telah mengisi 92.3% perjawatan yang diluluskan.

b) Latihan Pegawai

Jabatan telah menganjurkan kursus untuk kakitangannya. Maklumat kursus adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Kursus Yang Dirancang Dan Dilaksanakan
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Perkara		2004	2005	2006	Jumlah
Perancangan	Bil. Kursus	32	14	64	110
	Bil. Peserta	318	269	334	921
Pelaksanaan	Bil. Kursus	27	31	23	81
	Bil. Peserta	159	231	281	671

Sumber: Fail Latihan Jabatan Pertanian Johor

Berdasarkan jadual di atas, didapati 81 atau 73.6% kursus telah dilaksanakan berbanding 110 kursus yang dirancang dengan melibatkan seramai 671 orang atau 72.9% daripada yang disasarkan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

Pada pendapat Audit, latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai Jabatan adalah baik kerana Jabatan dapat melaksanakan lebih 70% latihan yang dirancang.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan Program Pembangunan Industri Makanan adalah tidak memuaskan kerana sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan masih belum tercapai sepenuhnya.

10.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting untuk memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Jabatan perlu menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap perjalanan program. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

10.3.1 Lawatan Penyeliaan

Jabatan telah menetapkan lawatan penyeliaan di peringkat negeri dan daerah hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

a) Lawatan Penyeliaan Peringkat Negeri

Semakan Audit mendapati bilangan lawatan penyeliaan oleh pegawai di peringkat negeri adalah tidak mencukupi. Pada tahun 2006, pegawai di peringkat negeri telah melakukan sekali sahaja lawatan penyeliaan bagi Daerah Muar dan Mersing, manakala bagi Daerah Batu Pahat dan Segamat pula, tiada lawatan penyeliaan dilakukan.

b) Lawatan Penyeliaan Peringkat Daerah

Semakan Audit mendapati Pegawai Pertanian Daerah dan Penolong Pegawai Pertanian Daerah telah menyelenggara Daftar Lawatan Penyeliaan mulai bulan Ogos 2006. Daftar ini mengandungi maklumat mengenai PB, tarikh lawatan dan khidmat nasihat yang diberikan. Memandangkan daftar lawatan diselenggara mulai bulan Ogos 2006 maka pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Pegawai Pertanian Daerah dan Penolong Pegawai Pertanian Daerah telah melaksanakan lawatan penyeliaan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Selain itu, kekerapan lawatan penyeliaan juga tidak direkodkan di dalam borang SPBP.

10.3.2 Mesyuarat Pembangunan Perladangan Komersial

Mesyuarat Pembangunan Perladangan Komersial peringkat Negeri hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 bulan atau 6 kali setahun. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pertanian dan ahli-ahlinya terdiri daripada Penolong Pengarah Pertanian, Pegawai Pertanian Daerah, Penolong Pegawai Pertanian Daerah, semua Ketua Unit dan Penolong Pegawai Pentadbir. Semakan Audit mendapati mesyuarat telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2004 dan 2005. Bagaimanapun, mesyuarat telah diadakan sebanyak 3 kali sehingga bulan Ogos 2006.

10.3.3 Sistem Pemantauan Berkomputer Projek

Jabatan Pertanian Negeri telah mewujudkan satu Sistem Pemantauan Berkomputer Projek (SPBP) perladangan berkelompok di Negeri Johor. Sistem ini menyimpan pelbagai maklumat penting berhubung sesuatu PB seperti daftar projek, maklumat peserta, sasaran pengeluaran, kemajuan projek, program pengembangan, maklumat kawasan perkhidmatan dan pelbagai laporan yang berkaitan. Melalui Sistem ini, analisis yang berkaitan dengan pengeluaran, luas berhasil dan purata pendapatan petani dapat dibuat dan dilaporkan pada setiap tahun. Sistem ini menggunakan data utama projek-projek kelompok yang disediakan oleh Pembantu Pertanian Kawasan melalui borang SPBP. Borang SPBP yang dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri oleh Pejabat Pertanian Daerah digunakan sebagai alat pengumpulan

data. Semakan Audit mendapati Sistem ini adalah komprehensif dari segi maklumat yang dikumpulkan sekiranya borang SPBP diisi dengan lengkap di peringkat pertanian kawasan. Sekiranya maklumat SPBP tidak dilengkapkan di peringkat asasnya, maka maklumat dalam sistem juga tidak lengkap dan tidak dapat disemak. Lawatan Audit di 86 PB mendapati ada PB yang tidak mempunyai Borang SPBP atau SPBP tidak dapat disemak/tidak lengkap. Senarai PB yang tidak mempunyai Borang SPBP atau maklumat dalam Borang SPBP tidak lengkap adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Perladangan Berkelompok Yang Tidak Mempunyai Borang SPBP

Daerah	PB Yang Tidak Mempunyai Borang SPBP/ Maklumat SPBP Tidak Lengkap
Muar	PB Sawah Sungai Balang
Mersing	PB Felda Tenggaroh 2 PB Felda Tenggaroh 3 PB Kampung Tanjung Lingka PB Kampung Triang Besar PB Kampung Darat Jawa PU Jamal Bidin

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, pemantauan pelaksanaan Program oleh Jabatan adalah tidak memuaskan terutama di peringkat Pejabat Pertanian Kawasan. Perkara ini mempunyai hubung kait dengan beban kerja Pembantu Pertanian Kawasan di mana kekosongan jawatan masih belum diisi.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Program Pembangunan Industri Makanan yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah **tidak memuaskan** kerana sasaran pendapatan dan pengeluaran yang ditetapkan oleh Jabatan tidak tercapai. Bilangan petani memperoleh purata pendapatan di bawah RM1,000 sebulan adalah tinggi meliputi 81.5% daripada keseluruhan petani bagi tempoh 2004 hingga 2006 manakala pencapaian prestasi pengeluaran pula antara 50.1% hingga 93.3%. Selain itu, beban kerja Pembantu Pertanian Kawasan yang meningkat kerana kekosongan jawatan tidak diisi menyebabkan perkhidmatan sokongan dan pengembangan yang diberikan oleh Jabatan tidak memuaskan. Peruntukan kewangan yang terhad juga menjejaskan pencapaian sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagi mencapai objektifnya Jabatan Audit Negara mengesyorkan perkara seperti berikut:

- a) Jabatan perlu menggiatkan lagi usaha untuk memperbaiki perkhidmatan sokongan, pengembangan dan teknologi untuk memastikan Dasar Pertanian Negara Ketiga dicapai.

- b)** Jabatan Pertanian perlu memberi perhatian terhadap kriteria pemilihan kawasan dan rekod-rekod mengenainya perlu disimpan dengan teratur.
- c)** Mengkaji semula perjawatan dan struktur organisasi Jabatan dengan menyelaraskan bebanan kerja mengikut gred, kawasan dan bilangan Projek Perladangan Berkelompok.
- d)** Memohon daripada Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah peruntukan Program ini supaya aktiviti/perancangan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e)** Jabatan tidak boleh bergantung kepada seorang pembekal benih pertanian sahaja. Sebaik-baiknya Jabatan perlu mempunyai unitnya sendiri untuk mengeluarkan benih pertanian yang berkualiti tinggi melalui kaedah tisu didik.
- f)** Peserta projek perlu diberi bimbingan dan tunjuk ajar yang lebih mendalam mengenal pasti tanda-tanda serangan penyakit dan kesan serangan perosak tanaman supaya dapat dikawal pada peringkat awal serangan.
- g)** Laporan siasat perlu disediakan supaya Jabatan dapat mengenal pasti punca kegagalan sesuatu projek supaya tindakan pembetulan dapat diambil untuk mengatasinya.
- h)** Jabatan perlu memastikan Jawatankuasa Pengurusan wujud di semua PB dan berfungsi sepenuhnya selaras dengan tujuan penubuhannya.
- i)** Jabatan perlu memastikan kaedah pemantauan yang sedia ada dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil tindakan terhadap penemuan pemantauan untuk memastikan program yang dilaksanakan dapat mencapai objektifnya dan tidak berlaku pembaziran.

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN

12. LATAR BELAKANG

12.1 Yayasan Pelajaran Johor (Yayasan) ditubuhkan di bawah Enakmen No. 8 Tahun 1982 yang berkuat kuasa pada 21 November 1983. Objektif penubuhan Yayasan adalah untuk menaja, memberi serta menguruskan pemberian biasiswa, pinjaman pelajaran dan bantuan kewangan kepada rakyat Negeri Johor atau warganegara Malaysia yang menetap di Negeri Johor bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian tinggi. Matlamat utama Yayasan adalah untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dengan menyediakan peluang dan kemudahan pembelajaran serta latihan berterusan. Yayasan juga mempunyai matlamat untuk berkhidmat dengan cemerlang ke arah membina masyarakat berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia melalui program yang berteraskan pasaran. Sehubungan itu, Yayasan telah menetapkan objektif pemberian pinjaman pelajaran adalah untuk membantu pelajar Negeri Johor melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tanpa dibebani masalah kewangan.

12.2 Pada awal penubuhan, Yayasan menguruskan pemberian pinjaman terhadap pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam negeri dan luar negara. Namun demikian, permohonan pinjaman pelajaran kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara dibekukan mulai tahun 1998 disebabkan kekurangan peruntukan kewangan. Pada masa kini, Yayasan menguruskan pemberian pinjaman kepada pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pengajian jarak jauh di IPTA, pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), pelajar yang menuntut di kolej Yayasan di bawah pentadbiran Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor dan pinjaman kepada pelajar yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Islam (MARSAH) serta pelajar MARSAH yang akan ke luar negara melalui program berkembar dengan Universiti Al-Azhar, Mesir.

12.3 Yayasan telah memberikan pinjaman pelajaran berjumlah RM159.75 juta kepada 23,540 orang pelajar sejak tahun 1983 hingga 2006.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pinjaman pelajaran oleh Yayasan diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

14.1 Pengurusan Pinjaman Pelajaran dipilih sebagai tajuk kajian berdasarkan kepentingan dan kesannya kepada Negeri Johor. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan pinjaman pelajaran yang diuruskan oleh Yayasan bagi tempoh 2004 hingga 2006. Ia meliputi aspek permohonan pinjaman pelajaran, kelulusan permohonan, pembayaran pinjaman kepada pelajar yang berjaya, pembayaran balik pinjaman, penyelenggaraan sistem dan dokumen serta pemantauan pinjaman. Sampel fail pelajar yang dipilih untuk pengauditan ialah sebanyak 125 atau 5% daripada 2,465 permohonan baru dan 60 atau 5% daripada 1,175 pelajar sedia ada. Sampel fail pelajar yang dipilih untuk pengauditan ialah sebanyak 125 pelajar atau 5% daripada 2,465 permohonan baru dan 60 pelajar atau 5% daripada 1,175 pelajar sedia ada.

14.2 Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen berkaitan dasar, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang diguna pakai, perjanjian pinjaman, kertas kerja, minit mesyuarat, laporan kemajuan pemberian dan kutipan bayaran balik pinjaman serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, analisis dilakukan untuk menilai pencapaian pengurusan pinjaman pelajaran dari segi pemberian pinjaman berbanding belanjawan dan kutipan bayaran balik pinjaman serta pemberian pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dibuat untuk mendapatkan maklum balas terhadap isu yang dibangkitkan.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan satu komponen penting untuk menentukan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif. Yayasan menyediakan perancangan meliputi perkara berikut:

15.1.1 Undang-undang Dan Prosedur Kerja

Yayasan menguruskan pinjaman pelajaran berpanduan kepada enakmen dan prosedur kerja seperti berikut:

a) Enakmen Yayasan Pelajaran Johor No. 8 Tahun 1982

Seksyen 5(b), Enakmen Yayasan Pelajaran Johor No. 8 Tahun 1982 menyatakan tujuan penubuhan Yayasan adalah untuk memberi pinjaman pelajaran kepada

rakyat Negeri Johor atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Johor.


b) Manual Kualiti

Yayasan mempunyai Manual Kualiti yang didokumentasikan dengan lengkap meliputi pengurusan, pentadbiran, pemberian dan pengawalan pinjaman dan biasiswa serta bayaran balik. Manual tersebut telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9002:1994 dan sah digunakan sehingga 31 Disember 2003. Yayasan siap menyediakan Manual Kualiti terbaru terhadap skop pelaksanaan pemberian pinjaman dan biasiswa, bayaran balik pinjaman dan program kecemerlangan pelajaran pada tahun 2004 untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000 daripada SIRIM. Manual ini telah dikemukakan kepada SIRIM pada bulan Ogos 2004.

c) Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa

Yayasan menyediakan Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa sebagai rujukan dalam pengurusan pinjaman pelajaran. Prosedur Kerja ini menyatakan jenis pinjaman pelajaran yang disediakan, kadar pinjaman pelajaran, kuasa yang meluluskan pemberian pinjaman pelajaran yang terlibat dalam pengurusan pinjaman pelajaran. Prosedur kerja tersebut juga ada menyatakan format borang permohonan pinjaman pelajaran, surat kelulusan permohonan, surat tawaran pinjaman, syarat-syarat pinjaman, format perjanjian pinjaman dan surat akuan setuju terima tawaran pinjaman pelajaran. Secara ringkas, prosedur kerja pengurusan pinjaman pelajaran yang perlu dipatuhi oleh Yayasan adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5
Prosedur Kerja Pengurusan Pinjaman Pelajar



Sumber: Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa Yayasan Pelajaran Johor

d) Manual Prosedur Kerja

Yayasan sedang menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk diguna pakai oleh semua kakitangannya sebagaimana arahan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Usaha penyediaan manual tersebut telah dimulakan pada tahun 2005 lagi.

15.1.2 Sasaran

Bagi memastikan pengurusan pinjaman pelajaran yang berkesan, Yayasan telah menetapkan golongan sasaran dan bilangan pelajar yang akan diberi pinjaman serta sasaran jumlah kutipan balik bayaran pinjaman.

a) Golongan Sasaran

Yayasan telah menetapkan sasaran untuk memberikan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang mendapat tawaran di IPTA, IPTS, penuntut Kolej Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (termasuk pelajar bukan kelahiran Negeri Johor) dan pelajar lepasan MARSAH yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir.

b) Bilangan Pelajar Yang Akan Diberikan Pinjaman Pelajaran

Manual Kualiti menetapkan Yayasan perlu memberi pinjaman pelajaran sebanyak 80% daripada jumlah 2,000 permohonan yang diterima. Menurut Yayasan, penetapan 80% adalah daripada jumlah permohonan yang layak diberi pinjaman. Yayasan telah menetapkan bilangan pelajar yang akan diberikan pinjaman pelajaran bagi tempoh 2004 hingga 2006 seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Sasaran Pemberian Pinjaman Pelajaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Sasaran Pemberian Pinjaman	Bilangan Pelajar Mengikut Tahun		
	2004	2005	2006
Peminjam Sedia Ada	1,029	1,129	2,000
Peminjam Baru	991	1,029	1,812
Jumlah	2,020	2,158	3,812

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

c) Jumlah Kutipan Bayaran Balik Pinjaman

Manual Kualiti Yayasan menetapkan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran hendaklah mencapai 75% daripada sasaran yang ditetapkan. Yayasan telah menetapkan sasaran bayaran balik pinjaman pelajaran pada tahun 2004 berjumlah RM5 juta. Jumlah sasaran kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran ditingkatkan kepada RM6 juta pada tahun 2005 dan 2006. Oleh itu, Yayasan perlu memastikan bayaran balik pinjaman sejumlah RM3.75 juta dapat dikutip pada tahun 2004. Manakala, sejumlah RM4.5 juta perlu dikutip pada tahun 2005 dan 2006.

15.1.3 Prosedur Permohonan Dan Kelulusan Pinjaman Pelajaran

Yayasan telah menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi sebelum permohonan pinjaman pelajaran diluluskan seperti berikut:

a) Kaedah Permohonan Yang Disediakan

Borang permohonan pinjaman pelajaran dijual di kaunter pejabat Yayasan mulai bulan April hingga Julai dengan bayaran RM1. Sebagai alternatif, Yayasan juga akan mengedarkan borang permohonan ke IPTA dan IPTS yang berkenaan. Setiap borang permohonan hendaklah dilengkapi dengan dokumen sokongan sebagaimana yang dinyatakan di borang permohonan. Antara dokumen utama yang perlu dilampirkan ialah salinan kad pengenalan, salinan surat kelahiran dan salinan sijil persekolahan serta keputusan peperiksaan. **Foto 32** di bawah menunjukkan kaunter jualan borang permohonan di Yayasan. Manakala **Foto 33** menunjukkan risalah Yayasan yang mengandungi maklumat seperti latar belakang, kadar pinjaman dan arahan bayaran balik pinjaman.

Foto 32
Kaunter Jualan Borang Permohonan Di Yayasan



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 28 Februari 2007
Lokasi: Kaunter Utama di Yayasan*

Foto 33

Risalah Berkaitan Permohonan Pinjaman Pelajaran Di Yayasan



Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

b) Syarat Permohonan

Pemohon perlu memenuhi syarat seperti berikut:

- i) Pemohon dilahirkan di Negeri Johor atau telah menetap di Negeri Johor melebihi 5 tahun.
- ii) Telah mendapat tawaran tempat pengajian.
- iii) Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan.
- iv) Taraf kursus ialah pra sijil/sijil, diploma dan ijazah.

c) Kadar Pinjaman Pelajaran Yang Ditetapkan

Kadar pinjaman pelajaran yang ditetapkan oleh Yayasan mengikut peringkat pengajian dan institusi pengajian adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Kadar Pinjaman Pelajaran

Bil.	Institusi	Peringkat Pengajian	Kadar Pinjaman Setahun (RM)
1.	Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta / Kolej Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor	Sijil / Pra	2,500
		Diploma	3,500
		Ijazah	5,500
2.	Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Bertaraf Universiti)	Sijil / Pra	4,000
		Diploma	4,000
		Ijazah	8,000
3.	Institusi Pengajian Tinggi Islam (MARSAH)	Pemohon yang sedang menuntut di Mesir	6,000
		Pemohon yang sedang menuntut di MARSAH	3,000

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

Nota: Tambahan Sejumlah RM200 Setahun Bagi Pelajar Yang Menuntut Di IPTA Dan IPTS Di Negeri Sabah Dan Sarawak

Jadual 31 menunjukkan perbandingan kadar pinjaman pelajaran yang diberikan oleh Yayasan dan PTPTN mengikut peringkat pengajian dan institusi pengajian.

Jadual 31
Kadar Pinjaman Setahun Yayasan Pelajaran Johor Berbanding Badan Penaja Yang Lain

Bil.	Institusi	Peringkat Pengajian	Yayasan Pelajaran Johor (RM)	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (RM)
1.	IPTA/ IPTS/ Kolej Pendidikan YPJ	Sijil/Pra	2,500	-
		Diploma	3,500	5,000
		Ijazah	5,500	6,500 hingga 10,000
2.	IPTS (Bertaraf Universiti)	Sijil/Pra	4,000	-
		Diploma	4,000	3,700 hingga 20,000
		Ijazah	8,000	4,200 hingga 20,000
3.	MARSAH	Pemohon yang sedang menuntut di Mesir	6,000	-
		Pemohon yang sedang menuntut di MARSAH	3,000	-

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor Dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Berdasarkan **Jadual 31** di atas, kadar pinjaman yang ditawarkan oleh PTPTN adalah lebih tinggi berbanding dengan tawaran oleh Yayasan. Bagaimanapun, Yayasan ada menawarkan pinjaman untuk peringkat Sijil, Pra serta pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Islam (MARSAH)

d) Penilaian Dan Pemilihan Pinjaman

Borang permohonan yang diterima akan diberikan markah mengikut skala yang telah ditetapkan oleh Yayasan untuk menentukan permohonan yang layak. Skala pemarkahan yang telah ditetapkan mengambil kira taraf kerakyatan, tanggungan keluarga, pendapatan keluarga dan keputusan akademik. Senarai pemohon yang layak akan disediakan untuk urusan temu duga oleh Jawatankuasa Panel Temu Duga. Sekiranya permohonan yang diterima tidak banyak dan peruntukan mencukupi, temu duga tidak akan diadakan. Sebaliknya, Jawatankuasa Panel Temu Duga akan bermesyuarat untuk menentukan pemohon yang berjaya. Proses temu duga akan bermula pada bulan Ogos hingga September setiap tahun. Senarai pemohon yang berjaya akan dibentangkan semasa mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan untuk pengesahan. Yayasan akan mengemukakan senarai nama pelajar yang berjaya ditawarkan pinjaman pelajaran kepada IPT untuk pengesahan bahawa mereka belum mendapat pinjaman daripada penaja lain.

Permohonan daripada pelajar MARSAH tajaan Yayasan yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar dan permohonan melanjutkan pelajaran ke luar negara yang mendapat kelulusan Menteri Besar akan dirujuk kepada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan.

15.1.4 Surat Tawaran Dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran

Mengikut prosedur, surat tawaran dan perjanjian pinjaman berserta syarat-syarat pinjaman akan dikemukakan kepada pemohon yang berjaya pada bulan Oktober. Pemohon dikehendaki mengembalikan perjanjian pinjaman yang lengkap dalam tempoh 3 minggu dari tarikh surat tawaran. Surat peringatan akan dikemukakan apabila pemohon lewat mengembalikan perjanjian pinjaman. Satu salinan perjanjian pinjaman akan dikembalikan kepada pemohon dan penjamin. Manakala, satu salinan yang lain akan disimpan dalam fail individu pemohon. Perjanjian pinjaman menyatakan perkara-perkara yang menjaga kepentingan Yayasan sebagai pemberi pinjaman seperti jaminan oleh 2 orang penjamin, bayaran balik sepenuhnya oleh peminjam dan hak Yayasan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pelajar yang gagal menjelaskan pinjaman. Syarat-syarat pinjaman menghendaki pelajar mengemukakan keputusan peperiksaan pada setiap semester kepada Yayasan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemberian pinjaman seterusnya tidak akan disambung.

15.1.5 Kaedah Pembayaran Pinjaman Pelajaran

Yayasan mempunyai 2 kaedah pembayaran pinjaman pelajaran bagi pelajar dalam negeri seperti berikut:

a) Bayaran Kepada Bendahari Institusi Pengajian Tinggi

Menurut Yayasan, mulai tahun 2006, semua bayaran tajaan wang pinjaman telah dibayar terus ke dalam akaun Bendahari Institut Pengajian Tinggi yang mempunyai akaun amanah pelajar. Yayasan akan menyediakan cek bayaran atas nama Bendahari IPT yang berkenaan.

b) Bayaran Terus Ke Akaun Pelajar

Pelajar dikehendaki mengemukakan nombor akaun bank. Yayasan akan menyediakan cek bayaran kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam tempoh 2 hari bekerja. Yayasan akan membuat bayaran terus ke dalam akaun bank pelajar bagi Institut Pengajian Tinggi yang tidak ada akaun amanah seperti pelajar yang menuntut di Politeknik, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Industri Pendidikan Negeri Selangor (INPENS), universiti di luar negara, pelajar di Negara Mesir dan akaun wakil yang akan diwakili secara bertulis oleh pelajar.

Kaedah pembayaran pinjaman pelajaran bagi pelajar ke luar negara adalah seperti berikut:

i) Pelajar Di Timur Tengah

Bagi pelajar sedia ada, Yayasan akan menyediakan draf bank yang dikirimkan kepada Persatuan Pelajar. Manakala, pendahuluan dalam bentuk cek akan diberikan kepada pelajar baru. Menurut Yayasan, sekiranya draf bank tidak dibuat, pembayaran melalui akaun pelajar di HSBC akan dibuat oleh Yayasan melalui BIMB Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan.

ii) Pelajar Di Negara Selain Timur Tengah

Bayaran akan dibuat melalui cek yang akan diambil oleh wakil pelajar di Malaysia atau bayaran secara pindahan wang (*telegraphic transfer*) melalui universiti.

Bayaran pinjaman pelajaran terhadap pelajar sedia ada akan dibuat pada bulan April dan Oktober. Manakala, bayaran pertama bagi pelajar baru akan dibuat pada bulan November dan Disember. Bayaran pinjaman pelajar luar negara pula akan dibuat pada bulan April.

15.1.6 Kaedah Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

Mengikut prosedur, pinjaman pelajaran hendaklah dibayar balik selepas 6 bulan seseorang pelajar menamatkan pengajian. Pembayaran hendaklah berdasarkan jadual bayaran balik yang disediakan di mana caj perkhidmatan sebanyak 4% dikenakan terhadap jumlah pinjaman. Permohonan pinjaman pelajaran yang diluluskan sebelum tahun 2000 dikenakan 2% caj perkhidmatan. Kaedah bayaran balik pinjaman dan strategi tuntutan bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

a) Kaedah Bayaran Balik Pinjaman Yang Disediakan

Yayasan menyediakan pelbagai kaedah bayaran balik pinjaman untuk pelajar seperti pembayaran di kaunter Yayasan, cek, draf bank, wang pos, kiriman wang, potongan gaji, arahan tetap bank dan bayaran di dua bank iaitu BIMB dan BSN melalui kaunter, *automated teller machine* dan perbankan secara *internet*. Yayasan juga mempunyai perancangan untuk memperluaskan kaedah bayaran balik iaitu melalui kaunter di Pos Malaysia Berhad dan usahasama dengan Maybank Berhad untuk perbankan secara *internet*.

b) Strategi Tuntutan Bayaran Balik Pinjaman

Yayasan akan mengeluarkan Surat Tuntutan Pertama selepas senarai pelajar yang telah menamatkan pengajian disediakan. Peminjam dikehendaki membuat bayaran balik dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tuntutan tersebut. Sekiranya peminjam gagal membuat bayaran, Yayasan akan mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Surat Tunggakan.
- ii) Surat Peringatan Pertama.
- iii) Surat Peringatan Terakhir.
- iv) Surat Kepada Penjaga.
- v) Surat Kepada Penjamin.

Peminjam dikehendaki memberi maklum balas terhadap semua surat di atas dalam tempoh 30 hari. Peminjam dibenarkan membuat rayuan untuk menangguhkan bayaran terhad kepada 2 kali sahaja. Jika peminjam gagal membayar balik sebagaimana yang ditetapkan, Yayasan akan mengambil tindakan guaman. Tindakan saman, penghakiman ingkar dan menyenarai hitam akan diambil oleh Yayasan terhadap peminjam tegar.

15.1.7 Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan pada bulan Februari 2000 telah meluluskan pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran berdasarkan keputusan peperiksaan pelajar seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Kadar Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran
Mengikut Keputusan Peperiksaan

Bil.	Institusi Pengajian Tinggi	Keputusan Peperiksaan	Kadar Pengurangan
1.	Institusi Pengajian Tinggi Awam, Swasta dan Luar Negara	Purata Nilai Gred Kumulatif 3.75 – 4.00 @ Kelas Pertama	50% daripada jumlah pinjaman
		Purata Nilai Gred Kumulatif 3.20 – 3.74 @ Kelas Kedua Atas	25% daripada jumlah pinjaman
		Purata Nilai Gred Kumulatif 2.70 – 3.19 @ Kelas Kedua Bawah	Tiada pengurangan
2.	Universiti Al-Azhar, Mesir	Cemerlang @ Mumtaz	50% daripada jumlah pinjaman
		Amat baik @ Jayyid Jiddin	25% daripada jumlah pinjaman
		Baik @ Jayyid dan Lulus @ Makbul	Tiada pengurangan

Sumber: Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pelajaran Johor Tahun 2000

Pengurangan bayaran balik pinjaman hanya diberikan terhadap jumlah pinjaman pelajaran dan peminjam masih perlu membayar caj perkhidmatan 2% atau 4%.

15.1.8 Penyelenggaraan Rekod Pinjaman Pelajaran

Pengurusan pinjaman pelajaran dilaksanakan secara manual terhadap prosedur permohonan, kelulusan, surat tawaran, perjanjian pinjaman dan fail individu peminjam. Yayasan pula menggunakan Sistem Maklumat Pinjaman/Biasiswa untuk merekodkan maklumat pemohon yang layak, pemohon yang berjaya, maklumat pembayaran pinjaman pelajaran, bayaran balik pinjaman, surat tuntutan dan surat peringatan yang dikemukakan, tindakan guaman yang dikenakan dan status peminjam sama ada pinjaman diteruskan atau ditangguhkan. Sistem yang mempunyai 8 modul tersebut telah digunakan sejak tahun 1996. Yayasan mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem pengurusan pinjaman pelajaran di mana Sistem Pengurusan dan Perakaunan Bersepadu (SPPB) mula dibangunkan sejak tahun 2003. Sistem SPPB dijangka dapat memberi hasil laporan yang lebih berkesan seperti mencetak laporan tunggakan bayaran balik pinjaman pelajaran. Yayasan menjangka SPPB mula digunakan sepenuhnya pada tahun 2007.

15.1.9 Keperluan Kewangan

a) Peruntukan Kewangan Yang Diluluskan

Peruntukan kewangan pemberian pinjaman pelajaran adalah daripada Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan. Sejumlah RM28.72 juta telah diperuntukkan untuk pemberian pinjaman pelajaran bagi tempoh 2004 hingga 2006 seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Keperluan Kewangan Pemberian Pinjaman Pelajaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Institusi Pengajian Tinggi	Tahun		
	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Institusi Pengajian Tinggi Awam			
- Peminjam Sedia Ada	1.90	1.80	3.08
- Peminjam Baru	1.78	1.88	2.23
Jumlah	3.68	3.68	5.31
Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan Kolej Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor			
- Peminjam Sedia Ada	1.15	1.59	3.46
- Peminjam Baru	1.14	1.14	3.19
Jumlah	2.29	2.73	6.65
MARSAH			
- Peminjam Sedia Ada	0.37	0.35	0.17
- Peminjam Baru	0.49	0.74	0.82
Jumlah	0.86	1.09	0.99
Luar Negara			
- Peminjam Sedia Ada	0.21	0.28	0.35
- Peminjam Baru	0.30	0.15	0.15
Jumlah	0.51	0.43	0.50
Jumlah	7.34	7.93	13.45

Sumber: Rekod Belanjawan Tahunan Yayasan Pelajaran Johor

Peruntukan kewangan yang dinyatakan di **Jadual 33** tidak termasuk anggaran sejumlah RM200,000 setiap tahun untuk pembelian komputer. Peruntukan membeli komputer akan diberikan jika ada permohonan daripada peminjam dan kos pembelian akan diambil kira sebagai pinjaman yang perlu dibayar balik. Yayasan masih menyediakan peruntukan kewangan terhadap pemberian baru pinjaman luar negara (selain ke Timur Tengah) walaupun tiada dasar baru mengenainya bagi tempoh 2004 hingga 2006.

b) Sumber Kewangan

Sumber kewangan Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan yang akan menampung pemberian pinjaman pelajaran adalah bergantung kepada bayaran

balik pinjaman pelajaran dan sebahagian penerimaan bayaran faedah atas pinjaman yang dikenakan oleh Yayasan terhadap sebuah syarikat subsidiari iaitu YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH). Yayasan menganggarkan sejumlah RM14.58 juta diterima daripada YPJH pada tahun 2004, sejumlah RM14.91 juta pada tahun 2005 dan RM20.67 juta pada tahun 2006.

15.1.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi yang baik, kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran untuk melaksanakan tugas perlu diwujudkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pinjaman pelajaran. Oleh itu, Yayasan telah membuat perancangan seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Yayasan diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 2 orang Pengurus serta kakitangan profesional dan sokongan yang lain. Struktur organisasi Yayasan terbahagi kepada 2 Bahagian utama yang disokong oleh 7 Unit. Berdasarkan kepada carta organisasi, Unit Permohonan dan Unit Bayaran Balik di bawah Bahagian Biasiswa dan Bantuan Pelajaran serta Unit Pungutan dan Unit Kewangan di bawah Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan akan menguruskan pinjaman pelajaran Yayasan. Fungsi dan tanggungjawab Bahagian dan Unit yang terlibat telah dinyatakan dengan jelas dan teratur.

b) Keperluan Guna Tenaga

Fungsi 4 Unit yang menguruskan pinjaman pelajaran Yayasan akan digerakkan oleh 15 orang kakitangan termasuk seorang Pengurus. Jawatan Pengurus Bahagian Biasiswa dan Bantuan Pelajaran Gred N41 telah kosong sejak tahun 2003. Tugas jawatan tersebut ditanggung kerja oleh Pengurus Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan Gred N48.

c) Latihan Kepada Kakitangan

Yayasan mempunyai perancangan untuk memberikan latihan kepada kakitangannya. Sebanyak 15 latihan telah dirancang pada tahun 2005 dan 11 latihan pada tahun 2006. Antara latihan yang akan diberi ialah Kursus Perkhidmatan, Bengkel Unit Bayaran Balik, Seminar Ibu Bapa dan Bengkel Unit Kewangan. Sejumlah RM25,000 telah diperuntukkan pada tahun 2005 dan sejumlah RM30,000 pada tahun 2006. Pihak Audit tidak dapat menentukan perancangan latihan bagi tahun 2004 kerana Yayasan tidak mengemukakan

maklumat mengenainya walaupun sejumlah RM15,000 telah diperuntukkan untuk latihan pada tahun tersebut.

15.1.11 Kaedah Pemantauan

Pengurusan pinjaman pelajaran dipantau secara terus oleh Pengurus Besar yang dibantu oleh Pengurus Bahagian Biasiswa dan Bantuan Pelajaran. Perkara yang berkaitan dengan keperluan kewangan, pemilihan permohonan yang layak, prestasi pemberian pinjaman pelajaran dan kutipan bayaran balik akan dilaporkan serta diputuskan semasa mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Pada pandangan Audit, Yayasan mempunyai perancangan yang baik untuk pengurusan pinjaman pelajaran.

15.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan program pengurusan pinjaman pelajaran berdasarkan perancangan yang sempurna akan memberikan hasil yang cemerlang. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan pinjaman pelajaran mendapati perkara berikut:

15.2.1 Undang-undang Dan Prosedur Kerja

a) Enakmen Yayasan Pelajaran Johor No. 8 Tahun 1982

Semakan Audit mendapati Yayasan telah melaksanakan fungsi sebagai Agensi Kerajaan Negeri yang menguruskan pemberian pinjaman pelajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen penubuhannya.

b) Manual Kualiti Dan Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa

Semakan Audit mendapati Yayasan masih belum menerima maklum balas dari SIRIM sehingga bulan Disember 2006 mengenai permohonan pengiktirafan Sijil MS ISO 9001:2000 terhadap Manual Kualiti yang dikemukakan pada bulan Ogos 2004. Tiada tindakan susulan dibuat terhadap perkara ini kerana pihak Yayasan bercadang untuk menyiapkan Manual Prosedur Kerja terlebih dahulu. Bagaimanapun, Yayasan masih merujuk kepada Manual Kualiti yang dikemukakan kepada SIRIM pada tahun 2004 dan Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa bagi semua proses kerja mengenai pinjaman pelajaran.

Semakan Audit terhadap Manual Kualiti dan Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa Yayasan (Prosedur Kerja) mendapati beberapa proses dalam

Prosedur Kerja yang menjadi amalan Yayasan tidak dinyatakan dalam Manual Kualiti seperti berikut:

- i) Tempoh mengenai pemprosesan permohonan pinjaman pelajaran, penyediaan dan penghantaran surat tawaran dan surat perjanjian pinjaman serta tempoh pembayaran pinjaman pelajaran kepada pelajar sedia ada dan pelajar baru.
- ii) Prosedur Yayasan mengemukakan surat kepada IPT untuk mengesahkan sama ada pemohon tidak menerima pinjaman atau telah menerima bantuan kewangan dari agensi penaja lain.
- iii) Prosedur mengenai baki pinjaman pelajaran yang dihapus kira.

Selain itu, Manual Kualiti dan Prosedur Kerja juga tidak menyatakan prosedur pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran berdasarkan keputusan peperiksaan peminjam mengikut kadar pengurangan sebagaimana kelulusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan pada tahun 2000.

c) Manual Prosedur Kerja

Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Kerja (MPK) mendapati maklumat berkaitan Bahagian Kewangan masih belum disediakan. Yayasan perlu segera menyiapkan MPK dan menggunakannya sebagaimana arahan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Bagaimanapun, Yayasan telah mengambil tindakan menyiapkan MPK di Bahagian Kewangan sebagaimana kehendak Pekeliling selepas pemerhatian Audit diterima.

Pada pendapat Audit, pengamalan Manual Kualiti dan Prosedur Kerja Bantuan Kewangan oleh kakitangan Yayasan adalah memuaskan.

15.2.2 Pencapaian Sasaran

Yayasan telah menerima sebanyak 846 permohonan pinjaman pelajaran pada tahun 2004, sebanyak 1,619 permohonan pada tahun 2005 dan 1,853 permohonan pada tahun 2006. Daripada jumlah tersebut, Yayasan telah meluluskan pemberian pinjaman kepada pelajar baru iaitu 407 orang pelajar pada tahun 2004, seramai 768 orang pelajar pada tahun 2005 dan 598 orang pelajar pada tahun 2006. Bilangan pemohon baru yang diluluskan pemberian pinjaman pelajaran bagi tempoh 2004 hingga 2006 mengikut IPT adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kelulusan Pemberian Pinjaman Pelajaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Institusi Pengajian Tinggi	Tahun		
	2004 (Orang Pelajar)	2005 (Orang Pelajar)	2006 (Orang Pelajar)
Institusi Pengajian Tinggi Awam	201	293	205
Institusi Pengajian Tinggi Swasta	28	62	106
Kolej Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor	132	383	237
MARSAH	22	20	20
Luar Negara	24	10	30
Jumlah	407	768	598

Sumber: Rekod Pelajar Berjaya Yayasan Pelajaran Johor

Golongan sasaran Yayasan ialah pelajar IPTA, IPTS, pelajar Kolej Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor dan MARSAH. Semakan Audit mendapati penetapan golongan sasaran Yayasan telah tercapai seperti di **Jadual 34**.

Selain itu, Manual Kualiti menetapkan Yayasan perlu memberi pinjaman pelajaran sebanyak 80% daripada 2,000 permohonan yang diterima. Menurut Yayasan, penetapan 80% adalah daripada jumlah permohonan yang layak diberi pinjaman. Pencapaian sasaran kelulusan pemberian pinjaman pelajaran berbanding sasaran adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Pencapaian Kelulusan Pemberian Pinjaman Berbanding Sasaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Permohonan	Tahun		
	2004	2005	2006
Permohonan Yang Layak	643	1,491	1,564
Permohonan Diluluskan	407	768	598
Peratus Tercapai (%)	63.3	51.5	38.2

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

Analisis Audit mendapati Yayasan tidak mencapai sasaran pemberian pinjaman pelajaran yang ditetapkan bagi tempoh 2004 hingga 2006 sebagaimana kehendak Manual Kualiti iaitu 80% daripada permohonan yang layak. Peratus pencapaian masih rendah malah berkurangan setiap tahun. Menurut Yayasan, sasaran pemberian

pinjaman ini tidak dicapai kerana pelajar yang layak dan tidak diberi pinjaman Yayasan telah menerima biasiswa atau tawaran pinjaman pelajaran daripada penaja lain.

Pihak Audit juga membuat perbandingan jumlah pelajar yang menerima pinjaman Yayasan dengan pelajar dari Negeri Johor yang telah menerima pinjaman daripada PTPTN. **Jadual 36** menunjukkan Yayasan telah meluluskan pemberian pinjaman kepada 407 pelajar atau 3% berbanding 12,619 pelajar oleh PTPTN pada tahun 2004. Pada tahun 2005 bilangan pelajar ditaja oleh Yayasan meningkat kepada 768 pelajar atau 5% berbanding PTPTN seramai 15,225. Bagaimanapun, bilangan pelajar yang dibiayai oleh Yayasan pada tahun 2006 berkurangan kepada 598 pelajar atau 4% berbanding bilangan pelajar yang ditaja PTPTN yang terus meningkat kepada 16,354 orang. Keadaan ini disebabkan PTPTN menyediakan kemudahan yang lebih mesra peminjam berbanding dengan Yayasan seperti jumlah pinjaman yang lebih tinggi, proses pemberian pinjaman yang lebih cepat, syarat-syarat yang dikenakan tidak begitu ketat, pemberian pinjaman akan terus dikreditkan ke akaun pelajar dan wang pendahuluan pinjaman akan diberi bagi membantu pelajar-pelajar yang pertama kali ditawarkan ke IPT dan yang kurang berkemampuan.

Jadual 36
Kelulusan Pemberian Pinjaman
Yayasan Pelajaran Johor Berbanding PTPTN

Badan Penaja	Permohonan Diluluskan		
	2004	2005	2006
Yayasan Pelajaran Johor	407	768	598
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	12,619	15,225	16,354

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor Dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Pada pendapat Audit, pencapaian sasaran Yayasan adalah memuaskan kerana telah mencapai sasaran golongan pelajar yang hendak diberi pinjaman manakala pencapaian sasaran bilangan pelajar masih belum tercapai. Bagaimanapun, Yayasan memaklumkan pada dasarnya sasaran tersebut tercapai berdasarkan daripada jumlah yang layak dipertimbangkan bukannya daripada jumlah permohonan.

15.2.3 Prosedur Permohonan Dan Kelulusan Pinjaman Pelajaran

Semakan Audit terhadap rekod pelajar baru yang menerima pinjaman pelajaran bagi tempoh 2004 hingga 2006 mendapati perkara berikut:

a) Kaedah Permohonan Yang Disediakan

Mengikut Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa, borang permohonan dijual di kaunter Yayasan mulai bulan April hingga Julai. Bagaimanapun semakan Audit mendapati borang permohonan dijual sepanjang tahun. Ia dilakukan untuk membantu pelajar membuat persiapan awal untuk melanjutkan pelajaran.

Pihak Audit mencadangkan agar Yayasan meminda Prosedur Kerja Bantuan Kewangan/Biasiswa terhadap tempoh jualan borang permohonan yang sedia ada kepada sepanjang tahun sebagaimana yang diamalkan. Ini bertujuan memudahkan pelajar membuat persiapan awal dari segi mendapatkan borang permohonan pinjaman pelajaran.

b) Syarat Permohonan

Yayasan telah menetapkan bahawa taraf pengajian tertinggi pemohon yang layak mendapat pinjaman pelajaran Yayasan ialah ijazah. Semakan Audit terhadap senarai pelajar yang menerima pinjaman pelajaran mendapati Yayasan telah meluluskan permohonan pinjaman 2 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Lanjutan/Sarjana pada tahun 2004. Yayasan juga telah meluluskan permohonan pinjaman 2 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Lanjutan/Sarjana dan 2 orang pelajar Ijazah Doktor Falsafah (*PhD*) pada tahun 2005. Semakan Audit mendapati Yayasan tidak menyediakan dasar baru mengenai kelulusan pemberian pinjaman pelajaran bagi peringkat pengajian tersebut.

Yayasan memaklumkan akan mengambil perhatian untuk mewujudkan satu dasar seperti mana yang dicadangkan oleh pihak Audit. Satu kertas kerja berhubung dengan perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan akan datang.

c) Kadar Pinjaman Pelajaran

Semakan Audit terhadap sampel permohonan pelajar yang menerima pinjaman pelajaran mendapati Yayasan mematuhi kadar pinjaman sebagaimana yang ditetapkan. Namun demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan kadar pinjaman terhadap 4 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Lanjutan/Sarjana yang melibatkan pemberian pinjaman berjumlah RM158,685 serta 2 orang pelajar Ijazah Doktor Falsafah (*PhD*) berjumlah RM32,500 pada tahun 2004 dan 2005 kerana tiada dasar Yayasan mengenainya.

Yayasan memaklumkan kadar pinjaman tersebut adalah mengikut arahan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Pelajaran Johor. Kadar yang diluluskan oleh Pengurus Besar adalah mengikut kadar ijazah iaitu RM5,500 setahun. Satu kertas kerja berhubung dengan perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan akan datang.

d) Penilaian Dan Pemilihan

i) Skala Pemarkahan

Mengikut Manual Kualiti, Yayasan akan memberi markah apabila borang permohonan diterima untuk menentukan permohonan yang layak dengan mengambil kira kerakyatan, tanggungan keluarga, pendapatan keluarga dan keputusan akademik. Semakan Audit mendapati Yayasan tidak menyediakan justifikasi pemarkahan mengikut perkara yang sepatutnya diambil kira dan markah layak keseluruhan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan skala pemarkahan permohonan yang layak. Sehubungan itu, Yayasan memaklumkan akan mengkaji dan mengambil perhatian seperti mana yang disarankan oleh pihak Audit.

ii) Temu Duga

Seramai 23 orang wakil rakyat telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Panel Temu Duga yang bertanggungjawab menemu duga pemohon yang layak mendapat pinjaman pelajaran Yayasan. Semakan Audit mendapati Yayasan tidak mengadakan temu duga pada tahun 2004 hingga 2006 sebaliknya telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Temu Duga sahaja. Bagaimanapun, tiada minit mesyuarat disediakan selepas ahli Jawatankuasa Panel Temu Duga bermesyuarat. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan perkara yang dibincangkan dan keputusan yang dibuat selepas mesyuarat itu. Pihak Yayasan memaklumkan akan mengambil tindakan seperti mana yang dicadangkan untuk memudahkan membuat rujukan pada masa akan datang.

iii) Penerima Pinjaman Pelajaran Yang Tiada Dalam Senarai Pemohon Yang Layak Dan Senarai Pemohon Tidak Layak

Semakan Audit mendapati 26 orang pelajar menerima kelulusan pinjaman pelajaran tanpa sebarang sebab walaupun tiada dalam Senarai Pemohon Yang Layak dan Senarai Pemohon Tidak Layak pada tahun 2004 dan 2005. Yayasan memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan ada beberapa permohonan yang diterima selepas tarikh tutup serta tidak mempunyai apa-apa

kenyataan bertulis telah dibawa dan diusulkan kepada pihak pengurusan. Selain itu, Yayasan telah meluluskan pemberian pinjaman kepada seramai 13 orang pelajar berjumlah RM334,185 yang terlebih dahulu disenaraikan sebagai Pelajar Tidak Layak. Pihak Yayasan memaklumkan pada awalnya, pelajar tersebut telah disahkan mempunyai penaja lain oleh pihak institusi tetapi mereka membatalkannya dengan alasan kadar yang diberikan terlalu kecil. Kelulusan kedua-dua kes ini berdasarkan peruntukan yang ada dan diluluskan serta disahkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan.

iv) Kelulusan Pemberian Pinjaman Tanpa Dasar

Yayasan telah meluluskan pemberian pinjaman kepada 14 orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara bagi tempoh 2004 hingga 2006. Kelulusan tersebut melibatkan pemberian pinjaman berjumlah RM0.63 juta bagi pembiayaan selama 6 bulan hingga 7 tahun. Semakan Audit menunjukkan Yayasan tidak menyediakan dasar baru mengenai pemberian pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas ia dibekukan pada tahun 1998.

Pada pendapat Audit, proses permohonan dan kelulusan pemberian pinjaman pelajaran adalah tidak memuaskan. Ini kerana Yayasan tidak mematuhi sepenuhnya prosedur yang telah ditetapkan dalam Manual Kualiti berkaitan proses ini.

15.2.4 Surat Tawaran Dan Perjanjian Pinjaman Pelajaran

Mengikut prosedur, Yayasan akan mengemukakan surat tawaran dan perjanjian pinjaman pelajaran kepada pemohon yang berjaya. Pelajar dikehendaki mengembalikan surat tawaran dalam tempoh 3 minggu dari tarikh surat tawaran. Semakan Audit terhadap 125 fail individu pelajar yang menerima tawaran pinjaman pelajaran pada tahun 2004 dan 2005 mendapati 2 orang pelajar lewat mengembalikan surat tawaran iaitu 3 bulan selepas tarikh surat tawaran dikemukakan. Manakala, surat tawaran terhadap 3 orang pelajar tidak diberikan tarikh dan tiada tarikh penerimaan surat tawaran dari 2 pelajar.

Semakan Audit juga mendapati hanya 3 orang pelajar atau 2% sahaja daripada 125 orang pelajar telah mengemukakan keputusan setiap peperiksaan semester. Yayasan masih meneruskan pemberian pinjaman kepada seramai 122 orang pelajar yang gagal mengemukakan keputusan peperiksaan tanpa mendapatkan sebarang penjelasan. Ini adalah bertentangan dengan syarat pinjaman pelajaran yang menghendaki pelajar

mengemukakan keputusan peperiksaan setiap semester. Implikasinya pihak Audit tidak dapat membuat analisis terhadap tahap pencapaian akademik setiap pelajar tajaan Yayasan.

Yayasan memaklumkan bahawa tindakan akan diambil untuk memastikan semua pelajar tajaannya mengirimkan salinan keputusan peperiksaan bagi setiap semester.

Pada pendapat Audit, proses surat tawaran dan perjanjian pinjaman kepada pelajar adalah tidak memuaskan. Ini kerana Yayasan tidak mematuhi prosedur sebagaimana yang ditetapkan.

15.2.5 Prestasi Pembayaran Pinjaman Pelajaran

Mengikut prosedur, Yayasan akan membuat pembayaran pertama kepada peminjam baru pada bulan November hingga Disember setiap tahun. **Semakan Audit terhadap baucar dan rekod pembayaran pinjaman pelajaran tahun 2004 hingga 2006 mendapati Yayasan lewat memberikan pinjaman kepada pelajar antara 1 hingga 7 bulan daripada tempoh sebenar.** Pembayaran pertama pinjaman pelajaran yang diluluskan pada tahun 2004 berjumlah RM949,450 dijelaskan pada tahun 2005. Manakala, pembayaran pertama pinjaman pelajaran yang diluluskan pada tahun 2005 berjumlah RM1.22 juta dijelaskan pada tahun 2006. **Ini menunjukkan Yayasan tidak mematuhi prosedur tempoh pemberian pinjaman kepada peminjam baru yang berjaya.**

Pada pendapat Audit, pembayaran pinjaman pelajaran kepada peminjam baru oleh Yayasan tidak memuaskan kerana tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini menjejaskan kebajikan pelajar yang berkenaan. Yayasan memaklumkan bahawa kelewatan ini disebabkan oleh pelajar lambat mengemukakan dokumen yang berkaitan ataupun pihak IPT lambat mengemukakan pengesahan penaja kepada Yayasan.

15.2.6 Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

Mengikut rekod Yayasan, seramai 7,387 orang pelajar masih mempunyai tunggakan pinjaman pelajaran berjumlah RM13.33 juta sehingga tahun 2006. Semakan Audit terhadap bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan bagi tempoh 2004 hingga 2006 mendapati perkara seperti berikut:

a) Pencapaian Sasaran

Semakan Audit terhadap rekod kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan mendapati pencapaian sasaran kutipan bayaran balik adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Pencapaian Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Berbanding Sasaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Bayaran Balik Pinjaman	Tahun		
	2004	2005	2006
Sebenar (RM Juta)	5.56	6.49	5.9
Anggaran (RM Juta)	5.50	6.00	6.00
Peratus Tercapai (%)	101.1	108.2	98.3

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

Manual Kualiti menetapkan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran hendaklah mencapai 75% daripada sasaran yang ditetapkan. Analisis Audit mendapati Yayasan telah mencapai sasaran kutipan bayaran balik pinjaman yang ditetapkan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

b) Kaedah Bayaran Balik Pinjaman

Semakan Audit mendapati kaedah bayaran balik pinjaman yang sering digunakan oleh peminjam ialah bayaran tunai di kaunter Yayasan, cek, kiriman wang, wang pos dan potongan gaji iaitu selaras dengan kaedah bayaran balik pinjaman yang ditetapkan.

c) Tuntutan Bayaran Balik Pinjaman

i) Surat Tuntutan Pertama

Mengikut prosedur, Yayasan akan mengemukakan Surat Tuntutan Pertama selepas 6 bulan pelajar menamatkan pengajian. Pelajar diberi tempoh 30 hari untuk membuat bayaran balik mengikut jadual bayaran balik yang telah disediakan. Semakan Audit terhadap 60 atau 5.1% daripada 1,175 fail individu pelajar yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2004 hingga 2006 mendapati Yayasan lewat mengemukakan Surat Tuntutan Pertama. Kelewatan adalah antara 1 hingga 9 bulan selepas 6 bulan pelajar menamatkan pengajian. Selain itu, semakan Audit terhadap 50 fail peminjam mendapati 34 orang peminjam atau 6.8% tidak membuat bayaran balik selepas tamat tempoh 30 hari.

ii) Surat Peringatan

Surat Tunggakan akan dikemukakan apabila peminjam gagal membuat bayaran balik selepas tamat tempoh 30 hari Surat Tuntutan Pertama. Seterusnya, akan disusuli dengan Surat Peringatan Pertama, Surat Peringatan Terakhir, Surat Kepada Penjaga dan Surat Kepada Penjamin sekiranya peminjam masih gagal membuat bayaran dalam tempoh 30 hari bagi setiap surat. Statistik surat peringatan yang telah dikemukakan oleh Yayasan bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Statistik Surat Peringatan yang Telah Dikemukakan
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Surat	Bilangan Peminjam Mengikut Tahun			Jumlah
	2004	2005	2006	
Tunggakan	3,791	3,206	3,529	10,526
Peringatan Pertama	1,954	1,243	830	4,027
Peringatan Terakhir	1,329	1,168	738	3,235
Kepada Penjamin	862	1,012	606	2,480

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

Semakan Audit terhadap 60 atau 5.1% daripada 1,175 fail individu pelajar yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2004 hingga 2006 mendapati Yayasan lewat mengemukakan Surat Peringatan Pertama antara 2 hingga 23 bulan kepada 16 peminjam yang gagal menjelaskan bayaran balik selepas 30 hari Surat Tuntutan Pertama. Manakala, Yayasan lewat mengemukakan Surat Peringatan Terakhir kepada 14 orang peminjam yang gagal menjelaskan bayaran balik selepas tamat tempoh 30 hari Surat Peringatan Pertama. Ini menunjukkan Yayasan gagal mematuhi prosedur tuntutan bayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan dalam Manual Kualiti.

iii) Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman

Peminjam dibenarkan membuat rayuan untuk menangguhkan bayaran terhadap kepada 2 kali sahaja. Semakan Audit terhadap 60 fail individu pelajar yang telah menamatkan pinjaman pelajaran pada tahun 2004 hingga 2006 mendapati 19 orang pelajar telah membuat rayuan kepada Yayasan untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman pelajaran. Antara sebab penangguhan bayaran balik pinjaman ialah pelajar menyambung pengajian, peminjam masih belum bekerja selepas tamat pengajian, jumlah pendapatan kecil dan peminjam menghidap

penyakit. Semakan Audit mendapati, Yayasan telah meluluskan semua rayuan tersebut dan telah menyediakan jadual bayaran balik yang baru.

iv) Tindakan Perundangan

Yayasan telah mengambil tindakan perundangan terhadap 2,446 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman berjumlah RM14.54 juta pada tahun 2004 hingga 2006. Hasil tindakan tersebut, seramai 1,927 peminjam atau 78.8% telah menjelaskan pinjaman berjumlah RM5.24 juta. Peratus kejayaan tindakan perundangan adalah 36% berbanding jumlah baki tunggakan pinjaman. Statistik terhadap tindakan perundangan adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Tindakan Perundangan Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Butiran	Tahun			Jumlah
	2004	2005	2006	
Tindakan Perundangan				
- Bilangan Peminjam (Orang)	1,026	936	484	2,446
- Baki Tunggakan (RM Juta)	5.54	5.85	3.15	14.54
Terimaan Hasil Dari Tindakan Perundangan				
- Bilangan Peminjam (Orang)	675	782	470	1,927
- Terimaan (RM Juta)	1.71	2.14	1.39	5.24

Sumber: Rekod Yayasan Pelajaran Johor

Pada pendapat Audit, prestasi bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah memuaskan. Bagaimanapun, Yayasan lewat mengambil tindakan mengemukakan surat peringatan kepada peminjam dan kutipan tunggakan pinjaman pelajaran terhadap peminjam yang dikenakan tindakan perundangan. Yayasan memaklumkan telah mengambil tindakan dan dengan adanya Sistem Pengurusan dan Perakaunan Bersepadu yang sedang dibangunkan kelemahan ini tidak akan berulang lagi.

15.2.7 Baki Pinjaman Pelajaran Yang Dihapus Kira

Rekod Yayasan menunjukkan berlaku kes baki pinjaman pelajaran dihapus kira terhadap peminjam yang menamatkan pengajian. Yayasan mengambil tindakan menghapus kira baki pinjaman selepas mendapati peminjam meninggal dunia, menghadapi penyakit kronik dan peminjam gila. Berdasarkan maklumat Sistem Pengurusan dan Perakaunan Bersepadu (SPPB), sejumlah RM51,842 baki pinjaman

terhadap 6 peminjam telah dihapus kira pada tahun 2004. Jumlah tersebut meningkat kepada RM106,321 terhadap 11 peminjam pada tahun 2005 dan menurun kepada RM40,726 bagi 13 peminjam pada tahun 2006.

Menurut Yayasan, baki pinjaman yang hendak dihapus kira perlu mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah terlebih dahulu. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah tahun 2004 dan 2005 mendapati terdapat perbezaan jumlah baki pinjaman pelajaran yang dihapus kira serta bilangan pelajar yang terlibat antara SPPB dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah sebagaimana di **Jadual 40**.

Jadual 40
Baki Pinjaman Pelajaran Dihapus Kira Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Butiran	Tahun		
	2004	2005	2006
Jumlah Mengikut Sistem			
- Baki Pinjaman (RM)	51,842	106,321	40,726
- Bil. Peminjam (Orang)	6	11	13
Jumlah Mengikut Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah			
- Baki Pinjaman (RM)	54,802	28,232	Ahli Lembaga Pengarah belum bermesyuarat
- Bil. Peminjam (Orang)	7	8	
Perbezaan Jumlah (RM) Bilangan	(2,960) (1)	78,089 3	-

Sumber: Rekod Sistem Pengurusan Dan Perakaunan Bersepadu Yayasan Pelajaran Johor

Jadual di atas menunjukkan terdapat perbezaan jumlah baki pinjaman yang dihapus kira antara maklumat di sistem komputer dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah. Perbezaan baki pinjaman yang dihapus kira pada tahun 2004 adalah berjumlah RM2,960 manakala pada tahun 2005 pula berjumlah RM78,089. Baki pinjaman pelajaran yang dihapus kira pada tahun 2006 masih belum diluluskan kerana Mesyuarat Lembaga Pengarah masih belum diadakan sehingga bulan Disember 2006.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan dokumen dan maklumat mengenai baki pinjaman pelajaran yang dihapus kira adalah tidak memuaskan. Ini kerana maklumat yang tidak seragam antara sistem dan kelulusan Lembaga Pengarah. Yayasan memaklumkan bahawa bagi kes-kes tahun 2004, 2005 dan 2006, Yayasan telah pun mengemas kini maklumat mengenai baki pinjaman yang dihapus kira antara sistem komputer dan kelulusan Lembaga Pengarah. Hapus kira adalah berdasarkan kepada keputusan yang disahkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah.

15.2.8 Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran

Yayasan telah meluluskan permohonan pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran kepada 24 orang peminjam pada tahun 2004 yang melibatkan pinjaman berjumlah RM69,057. Pengurangan diberikan kepada 12 peminjam berjumlah RM30,812 pada tahun 2005 dan 16 orang peminjam berjumlah RM158,970 pada tahun 2006. Semakan Audit mendapati peminjam yang terlibat telah diberi pengurangan bayaran balik pinjaman mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Adalah didapati kemudahan pengurangan bayaran balik pinjaman tidak disebarkan kepada semua peminjamnya sama ada secara bertulis atau lisan. Yayasan hanya memberi pengurangan bayaran balik pinjaman sekiranya menerima permohonan daripada peminjam.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengurangan bayaran balik pinjaman adalah memuaskan. Bagaimanapun, prosedur pengurangan bayaran balik pinjaman akan lebih telus sekiranya Yayasan memaklumkan kepada peminjamnya kemudahan yang diberi jika mencapai keputusan cemerlang. Yayasan telah mengambil tindakan dengan melampirkan maklumat pengurangan bayaran balik pada Surat Tuntutan Pertama kepada peminjam yang akan mula membayar balik serta akan dimuatkan di dalam surat tawaran dan juga semasa sesi perjumpaan dengan pelajar tajaan pada masa akan datang.

15.2.9 Penyelenggaraan Rekod Pinjaman Pelajaran

Semakan Audit mendapati Yayasan telah menyelenggarakan fail individu peminjam dengan kemas kini. Semua dokumen yang berkaitan disimpan dalam fail tersebut. Yayasan juga telah mencetak maklumat yang disimpan dalam Sistem Maklumat Pinjaman/Biasiswa iaitu senarai pemohon layak, senarai pemohon tidak layak dan senarai pelajar yang menerima pinjaman mengikut tahun. Namun demikian, terdapat terlalu banyak dokumen secara manual diselenggarakan di mana pegawai yang berbeza dari Unit yang berbeza menyelenggarakan dokumen yang berlainan walaupun untuk maklumat yang hampir sama.

Semakan Audit mendapati, Sistem Pengurusan dan Perakaunan Bersepadu (SPPB) Yayasan telah siap dibangunkan. Sistem ini telah mula digunakan mulai bulan Mei 2006. Pada masa yang sama Sistem Maklumat Pinjaman/Biasiswa yang digunakan sebelum ini telah diberhentikan penggunaannya. Pemantauan dan penambahbaikan SPPB oleh Yayasan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod pinjaman pelajaran di Yayasan adalah memuaskan. Yayasan memaklumkan tahap penggunaan SPPB di Unit Permohonan, Tajaan, Bayaran Pinjaman dan Terimaan Bayaran Balik adalah 100%, hanya Unit Bayaran Balik yang masih digunakan secara selari dengan Sistem Maklumat Pinjaman/Biasiswa.

15.2.10 Prestasi Kewangan

a) Prestasi Peruntukan Kewangan

Prestasi peruntukan kewangan yang telah diluluskan untuk pemberian pinjaman pelajaran bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Prestasi Kewangan Pemberian Pinjaman Pelajaran
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Institusi	Tahun		
	2004	2005	2006
Institusi Pengajian Tinggi Awam			
- Sebenar (RM Juta)	1.01	2.10	2.40
- Peruntukan (RM Juta)	3.68	3.68	5.31
- Pencapaian (%)	27.4	57.1	45.2
Institusi Pengajian Tinggi Swasta			
- Sebenar (RM Juta)	0.99	1.50	2.40
- Peruntukan (RM Juta)	2.29	2.73	6.65
- Pencapaian (%)	43.2	54.9	36.1
Institusi Pengajian Tinggi Islam			
- Sebenar (RM Juta)	0.40	0.33	0.20
- Peruntukan (RM Juta)	0.86	1.09	0.99
- Pencapaian (%)	46.5	30.3	20.2
Luar Negara			
- Sebenar (RM Juta)	0.49	0.67	0.60
- Peruntukan (RM Juta)	0.51	0.43	0.50
- Pencapaian (%)	96.1	155.8	120.0

Sumber: Rekod Belanjawan Tahunan Yayasan Pelajaran Johor

Analisis Audit mendapati pencapaian peruntukan kewangan untuk pemberian pinjaman pelajaran dalam negeri pada tahun 2004 dan 2005 adalah rendah iaitu antara 27.4% hingga 57.1% sahaja. Bagaimanapun pemberian pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah tinggi. Yayasan telah meluluskan pinjaman pelajaran kepada pelajar luar negara sejumlah RM0.67 juta atau 155.8% daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2005. Pencapaian pemberian pinjaman pelajaran dalam negeri pada tahun 2006 menunjukkan peratus pencapaian bagi IPTA adalah 45.2%, IPTS adalah 36.1% dan Institusi

Pengajian Tinggi Islam 20.2%. Bagi pinjaman keluar negara pencapaian perbelanjaan adalah 120%.

Yayasan memaklumkan perkara ini berpunca dari pelajar yang memohon pinjaman menolak tawaran, mendapat penaja lain dan berhenti belajar.

b) Sumber Kewangan

Syarikat YPJ Holdings Sdn. Bhd. (YPJH) hanya membayar faedah atas pinjaman sejumlah RM9.50 juta pada tahun 2004 berbanding anggaran Yayasan berjumlah RM14.58 juta. Bayaran yang diterima pada tahun 2005 berkurangan kepada RM5.50 juta sahaja berbanding anggaran berjumlah RM14.91 juta. YPJH telah membayar sejumlah RM14 juta iaitu 67.7% daripada anggaran berjumlah RM20.67 juta pada tahun 2006. Prestasi pembayaran faedah atas pinjaman oleh YPJH pada tahun 2004 hingga 2006 antara 36.9% hingga 67.7% daripada anggaran Yayasan adalah kurang memuaskan. Penerimaan bayaran faedah daripada YPJH merupakan sumber kewangan Yayasan untuk perbelanjaan pengurusan dan menjelaskan pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Johor. Pada masa kini, Yayasan mempunyai tanggungan untuk menjelaskan bayaran ansuran pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1983 hingga 1987 berjumlah RM5.52 juta. Bayaran ansuran pendahuluan akan berakhir pada tahun 2008. Sehingga bulan Disember 2006, baki pendahuluan yang masih belum dibayar berjumlah RM3.31 juta.

Kegagalan YPJH menjelaskan bayaran faedah atas pinjaman secara konsisten dan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran yang kurang memuaskan menjejaskan kedudukan kewangan Tabung Kebajikan dan Pelajaran sebagai dana pemberi pinjaman pelajaran. Ini disebabkan Yayasan gagal menyediakan jadual bayaran balik pinjaman dan faedah kepada syarikat subsidiari tersebut.

Yayasan memaklumkan, bayaran faedah yang kurang diterima dari YPJH akan diatasi apabila Yayasan mengemukakan surat kepada anak syarikat untuk menyediakan jadual bayaran balik pinjaman berserta faedah.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah tidak memuaskan kerana Yayasan tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan kewangan untuk pemberian pinjaman pelajaran kepada pelajar IPTA, IPTS dan MARSAH sebagaimana yang diperuntukkan. Manakala, pemberian pinjaman kepada pelajar luar negara perlu lebih telus memandangkan Yayasan masih tidak


mempunyai dasar pemberian pinjaman kepada pelajar tersebut selepas ia dibekukan mulai tahun 1998 dan tiada penetapan kadar pinjaman. Selain itu, keupayaan kewangan Tabung Kebajikan dan Pelajaran sebagai dana pemberi pinjaman pelajaran untuk masa akan datang adalah meragukan.

15.2.11 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Sehingga bulan November 2006, semakan Audit terhadap struktur perjawatan bagi Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan dan Bahagian Biasiswa Dan Bantuan Pelajaran, Yayasan Pelajaran Johor masih sama. Struktur organisasi Yayasan Pelajaran Johor adalah seperti di **Carta 6**.

Carta 6
Carta Organisasi Yayasan Pelajaran Johor



Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

Pada pendapat Audit, struktur organisasi Yayasan pada masa kini adalah baik.

b) Keperluan Guna Tenaga

Semakan Audit mendapati tiada pengambilan kakitangan baru dibuat sehingga bulan November 2006 dan kekosongan jawatan Pengurus Bahagian Biasiswa dan Bantuan Pelajaran gred N41 masih belum diisi. Pada masa kini, Yayasan telah melantik 2 orang kakitangan sambilun untuk mengemaskinikan maklumat bayaran

balik pinjaman pelajaran dan mengemukakan surat peringatan kepada peminjam yang terlibat. Pada masa yang sama, Yayasan sedang menjalankan operasi mengenal pasti peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman yang memerlukan tindakan undang-undang.

c) Latihan Kepada Kakitangan

Semakan Audit mendapati seramai 22 orang kakitangan Yayasan telah menghadiri 12 siri latihan pada tahun 2004, seramai 23 orang kakitangan telah menghadiri 16 siri latihan pada tahun 2005 dan 29 orang kakitangan telah menghadiri 22 siri latihan sehingga bulan November 2006. Daripada jumlah tersebut, seramai 30 orang kakitangan telah menghadiri 22 siri latihan yang berkaitan dengan pengurusan pinjaman pelajaran. Latihan tersebut adalah mengenai penyediaan Manual Kualiti untuk persijilan MS ISO 9001:2000 serta latihan penyediaan Fail Meja kakitangan Unit Bayaran Balik.

Pada pendapat Audit, latihan kepada kakitangan adalah memuaskan. Namun kakitangan Yayasan Unit Bayaran Balik dan Unit Pungutan perlu diberi latihan yang lebih intensif mengenai pengurusan pinjaman pelajaran.

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat pelaksanaan pengurusan pinjaman pelajaran Yayasan adalah memuaskan.

15.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan dan berkesan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan adalah penting bagi memastikan pinjaman dapat dimanfaatkan kepada mereka yang layak. Yayasan adalah bertanggungjawab bagi menentukan pengurusan pinjaman ini berjalan dengan lancar dan bayaran balik pinjaman dapat dipungut mengikut jadual. Semakan Audit terhadap kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh Yayasan mendapati perkara seperti berikut:

15.3.1 Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Enakmen penubuhannya iaitu 2 kali setahun. Ahli Lembaga Pengarah Yayasan hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2004 dan 2005. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah masih belum diadakan pada tahun 2006 sehingga bulan Disember 2006. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati anggaran keperluan kewangan pemberian pinjaman pelajaran, cadangan kelulusan pemberian

pinjaman pelajaran dan laporan mengenai kutipan bayaran balik pinjaman ada dibincangkan semasa mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

15.3.2 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Yayasan masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) sehingga Disember 2006 walaupun telah ditegur semasa pengauditan pengurusan kewangan pada tahun 2004. Penubuhan Jawatankuasa ini merupakan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan kewangan Yayasan termasuk penyelenggaraan rekod kewangan dan akaun. **Selain daripada pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan pinjaman pelajaran dan pengurusan kewangan, pengauditan penyata kewangan Yayasan oleh juruaudit swasta juga mendapati kelemahan terhadap penyelenggaraan rekod perakaunan termasuk rekod pinjaman pelajaran. Kelemahan ini menyebabkan penyata kewangan bagi tempoh 1998 hingga 2001 disahkan dengan Sijil Penafian (*Disclaimer*). Penyediaan penyata kewangan Yayasan yang tidak kemas kini ini telah menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan ketepatan jumlah pemberian pinjaman pelajaran, kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan baki tunggakan pinjaman pelajaran pada tahun 2004 hingga 2006.**

Yayasan memaklumkan telah menubuhkan JPKA semasa Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-49 pada bulan Mac 2005 atas nama Jawatankuasa Pengurusan Dan Akaun. Bagaimanapun semakan Audit mendapati tiada mesyuarat diadakan sehingga tarikh pengauditan.

15.3.3 Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menyatakan, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan untuk mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan dan etika perniagaan semua syarikat subsidiari dan bersekutu sesebuah Agensi Kerajaan. Ia bertujuan untuk memelihara kepentingan Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu. Ia juga dapat menentukan sama ada sumber kewangan sesebuah Agensi diuruskan dengan cekap dan berkesan. Fungsi Jawatankuasa berkenaan antara lain ialah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah serta menyemak aktiviti dan pencapaian Audit Dalaman. Jawatankuasa ini juga akan membincangkan penemuan Audit yang dibangkitkan oleh pihak Audit Luar serta menentukan perkara-perkara berbangkit diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pihak pengurusan untuk tujuan penambahbaikan. Semakan Audit mendapati, Yayasan belum menubuhkan

Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, walaupun perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2004.

Pada pendapat Audit, pemantauan Yayasan melalui Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa adalah tidak memuaskan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman pelajaran oleh Yayasan adalah tidak memuaskan. Yayasan gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam Manual Kualiti yang telah mendapat pengiktirafan SIRIM pada tahun 2003. Sumber kewangan Tabung Kebajikan Dan Pelajaran yang terhad menyebabkan keupayaan kewangan sebagai dana pemberi pinjaman pelajaran adalah meragukan. Oleh itu, Yayasan belum mencapai matlamatnya untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul untuk menyediakan peluang dan kemudahan pembelajaran serta latihan secara berterusan. Adalah disyorkan Yayasan mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Yayasan perlu mengkaji perancangannya untuk memberi pinjaman kepada pelajar di Negeri Johor memandangkan bilangan pelajar yang memohon pinjaman dengan Yayasan adalah begitu rendah jika dibandingkan dengan pinjaman yang diluluskan oleh PTPTN untuk pelajar dari Negeri Johor.
- b) Menyediakan dasar mengenai pemberian pinjaman pelajaran kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan dan menetapkan kadar pinjaman tahunan.
- c) Meminda dan menyediakan dasar baru mengenai pemberian pinjaman pelajaran kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas ia dibekukan mulai tahun 1998.
- d) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan sebagai mekanisme pemantauan terhadap pengurusan kewangan, penyelenggaraan rekod pinjaman pelajaran, sistem perakaunan, kawalan dalaman, laporan kewangan dan etika perniagaan semua syarikat subsidiari dan bersekutu di bawah Yayasan.
- e) Menyediakan jadual bayaran balik pinjaman dan faedah yang dikenakan kepada Syarikat YPJ Holdings Sdn. Bhd. untuk memastikan syarikat subsidiari tersebut menjelaskan tanggungannya secara konsisten. Tindakan ini boleh menyumbang kepada kedudukan kewangan Tabung Kebajikan Dan Pelajaran yang lebih kukuh untuk menampung pemberian pinjaman.

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

KEMUDAHAN RIADAH DAN TAMAN

17. LATAR BELAKANG

17.1 Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) telah ditubuhkan pada awal bulan November 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MPBP merupakan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbirannya, perancangan dan pembangunan Bandar Batu Pahat dan kawasan pentadbiran yang merangkumi kawasan seluas 127.99 km persegi. Fungsi utama MPBP ialah mengurus, mentadbir dan seterusnya memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada penduduk Bandar Batu Pahat dan sekitarnya serta merancang pembangunan yang teratur dan seimbang.

17.2 Salah satu objektif Majlis ialah menerapkan nilai menyayangi alam sekitar dalam setiap perancangan dan pembangunan yang dijalankan selaras dengan Doktrin Perancangan Manusia Sejagat yang menjadi Dasar Kerajaan untuk memelihara hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan pencipta dan manusia dengan alam sekitar. Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Taman (MDPB) 1987 menyatakan taman termasuk kawasan lapang, laluan pejalan kaki, taman rekreasi, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisihan jalan, jalan rizab, anak sungai, sungai, tebing sungai atau perkarangan yang diselenggarakan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk memberi pelbagai kemudahan dan perkhidmatan berkualiti untuk merealisasikan pencapaian ke arah keunggulan, kegemilangan dan kecemerlangan, MPBP menjamin satu persekitaran yang bersih, nyaman dan indah serta penuh keceriaan. MPBP menyediakan kemudahan riadah dan taman untuk memastikan warga perbandaran menikmati suasana yang dijanjikan. Kemudahan riadah dan taman meliputi pembangunan taman awam baru dan naik taraf taman awam sedia ada.

17.3 Pembangunan taman awam baru adalah untuk melengkapkan kawasan lapang dengan kemudahan seperti kawasan rekreasi di samping menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam yang lain seperti tandas, tempat letak kereta dan keperluan landskap lain. Naik taraf awam pula ialah aktiviti pembangunan yang memberi tumpuan terhadap peningkatan taraf taman awam sedia ada atau kawasan lapang yang telah diwartakan sebagai taman awam.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pembangunan taman awam dan naik taraf taman awam MPBP telah dilaksanakan secara terancang, cekap dan berkesan agar kemudahan awam ini dapat memberi manfaat dan keselesaan kepada orang awam.

19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

19.1 Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman di MPBP bagi tempoh 2004 hingga 2006. Program ini dipilih untuk dikaji kerana ia merupakan salah satu program yang penting di MPBP untuk memberi pelbagai kemudahan berkualiti untuk menjamin satu persekitaran yang bersih, nyaman dan indah serta penuh keceriaan kepada penduduk MPBP. Dua projek baru dan dua projek naik taraf telah dipilih untuk penilaian pencapaiannya. Projek yang terlibat ialah Projek Membina Gelanggang Bola Keranjang/Sepak Takraw dan Alat Permainan Kanak-kanak di Taman Maju, Projek Membangunkan Pinggir Sungai Senggarang, Projek Naik Taraf Padang Permainan di Taman Industri Sri Sulong dan Projek Naik Taraf Tasik Y.

19.2 Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak rekod yang diselenggarakan oleh Unit Pengindahan MPBP. Selain daripada semakan terhadap dokumen, perbincangan dan temu bual juga telah dijalankan. Lawatan ke taman awam yang dipilih turut dilakukan untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai kerja dan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan. Selain itu, soal selidik juga digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada pengunjung taman berhubung dengan kepuasan mereka tentang kemudahan riadah dan taman yang disediakan.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara terpenting sebelum sesuatu program atau aktiviti dilaksanakan. Wujudnya perancangan yang teliti, teratur dan lengkap dapat membantu pihak pengurusan mengenal pasti keupayaan MPBP dari segi perolehan dan penggunaan sumber untuk mencapai matlamat projek.

20.1.1 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di taman adalah untuk menjamin kesejahteraan, keindahan dan keselamatan pengunjung. Ia merupakan asas yang penting untuk MPBP menjalankan aktiviti berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan seperti berikut:

a) Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976

Akta ini memperuntukkan fungsi mengatur, mengawal dan merancang pembangunan di kawasan pentadbiran Majlis. Bahagian III Seksyen 12(3) Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 menyatakan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan boleh mencadangkan kawasan rancangan tempatan seperti berikut:

- i) Memajukan.
- ii) Menggunakan tanah.
- iii) Melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal.
- iv) Memelihara topografi semula jadi.
- v) Memperelok landskap.
- vi) Memelihara dan menanam pokok.
- vii) Mengadakan tanah lapang.
- viii) Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan.

b) Undang-undang Kecil Taman (MDBP) 1987

Undang-undang Kecil Taman (MDBP) 1987 memperuntukkan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan yang dilakukan di kawasan taman dan kuasa yang diperuntukkan kepada MPBP. Antara perkara yang dikuatkuasakan adalah seperti berikut:

- i) Mengalih atau merosakkan notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan.
- ii) Mengalih, memindah, merosakkan atau mencacat mana-mana tempat duduk, perkakas tempat permainan kanak-kanak atau kemudahan lain.
- iii) Membuang atau menimbunkan apa jua kekotoran sampah.
- iv) Menunggang atau memandu basikal atau kenderaan bermotor di atas rumput atau lorong pejalan kaki.
- v) Berjalan di atas batas, bunga atau pokok-pokok renek.
- vi) Memotong, mengalih merosakkan mana-mana bunga, benih atau pokok-pokok.
- vii) Tidak ada seorang pun boleh membenarkan anjing atau binatang lain masuk di dalam sesuatu taman.

- viii) Tidak dibenarkan kereta, motor atau basikal diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman kecuali tempat yang dikhaskan.

Jika sabit kesalahan, Seksyen 10, Undang-undang Kecil berkenaan menetapkan denda dikeluarkan tidak lebih daripada RM200 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

c) Garis Panduan Landskap Negara

Majlis Perbandaran Batu Pahat berpandukan kepada Garis Panduan Landskap Negara untuk mewujudkan kualiti landskap menyeluruh di kawasan pentadbirannya, kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan landskap dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan profesional supaya kawasan-kawasan landskap yang benar-benar berfungsi dapat diwujudkan. Kaedah-kaedah pelaksanaan disusun dengan rapi untuk dipatuhi atau pun sebagai panduan adalah seperti berikut:

i) Garis Panduan Penanaman

- Kawasan pinggir jalan dan lebuh raya.
- Kawasan pinggir sungai/tasik/pantai.
- Kawasan perumahan.
- Kawasan taman rekreasi.
- Kawasan bangunan awam.
- Kawasan siar kaki/basikal.
- Kawasan meletak kereta.
- Kawasan perindustrian.
- Kawasan desa.

ii) Kaedah Penanaman

- Persediaan sebelum penanaman.
- Teknik dan amalan penanaman.

iii) Penyelenggaraan

- Kerja-kerja penyiraman.
- Pembajaan dan penggemburan tanah.
- Kebersihan kawasan tanaman dan merumput.
- Kawalan penyakit, serangga dan haiwan.
- Sulaman/penggantian pokok.

- Penggantian pasu.
- Penambahan bahan organik.
- Pemangkasan dan penjarangan.
- Tenaga kerja dan peralatan.
- Program penyenggaraan.

d) Garis Panduan Perancang Dan Pembangunan Sejagat, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa

Garis Panduan Perancangan Dan Pembangunan Sejagat menyatakan bahawa tanah lapang awam hendaklah dirizabkan dan diwartakan, tanah lapang awam diserahkan kepada Kerajaan sebelum pecah sempadan diluluskan. Pewartaan taman riadah hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

20.1.2 Pelan Induk Landskap

Pelan Induk Landskap merupakan satu pernyataan bertulis yang disokong oleh keterangan dan lakaran. Ia mengandungi cadangan landskap, elemen reka bentuk pemajuan, peningkatan dan penggunaan tanah. Ia juga satu langkah untuk memelihara alam sekitar di samping mewujudkan identiti reka bentuk dan suasana selesa serta selamat kepada masyarakat setempat. Pihak MPBP tidak menyediakan pelan khusus untuk kemudahan riadah dan taman, sebaliknya MPBP terlibat dalam penyediaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002 hingga 2020. Dalam draf tersebut, MPBP telah melakarkan kawasan-kawasan yang akan dibangunkan dengan kemudahan riadah dan taman. Bagi tempoh tahun tersebut, MPBP telah merancang untuk melaksanakan 8 projek pembangunan kemudahan riadah dalam kawasan pentadbirannya dan bagi taman pula MPBP tidak menyediakan pelan pengkhususan taman di kawasan pentadbirannya sebaliknya pelan tersebut dibuat untuk keseluruhan Daerah Batu Pahat.

Standard pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman penting untuk menentukan perancangan pembangunan kemudahan riadah dan taman boleh dilaksanakan. Standard tersebut berasaskan garis panduan pembangunan taman rekreasi. Garis panduan ini berdasarkan kepada Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat. Walaupun, Pelan Induk Landskap belum disediakan MPBP mempunyai draf rancangan tempatan. Ia merupakan cadangan berbentuk polisi atau strategik untuk memastikan aspek landskap dibangunkan dan dipelihara selaras dengan matlamat pembangunan negara. Standard yang akan di patuhi dalam garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

a) Keperluan Ruang Kawasan Kemudahan Riadah Dan Taman

- i) Keluasan ruang kemudahan riadah dan taman ditentukan berdasarkan kepada nisbah penduduk dengan kawasan pembangunan mengikut piawaian perancangan.
- ii) Reka bentuk landskap yang bersesuaian perlu untuk membentuk dan menyusun ruang taman.
- iii) Elemen landskap lembut seperti tumbuhan air, renek dan litup bumi perlu diutamakan daripada landskap kejur yang terdiri daripada struktur binaan seperti papan tanda, wakaf, laluan pejalan kaki dan tempat duduk. Ruang taman yang perlu dikekalkan sebagai kawasan landskap lembut adalah sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan ruang taman.

b) Reka Bentuk Landskap Lembut Dan Kejur Dari Segi Jarak Tanaman

- i) Jarak penanaman adalah bebas bagi mewujudkan keadaan semula jadi. Jarak penanaman bagi kawasan jalan adalah bergantung kepada saiz dan jenis pokok. Ia mestilah tidak kurang daripada setengah lebar sila atau kanopi dengan tanaman matang supaya boleh dijarangkan selepas 10 hingga 15 tahun.
- ii) Penanaman hendaklah di jarak untuk memudahkan kerja penyenggaraan seperti pemotongan rumput, pembuangan sampah dan kawalan serangga perosak.
- iii) Setiap reka bentuk landskap kejur perlu digabung dengan elemen landskap lembut dan menitikberatkan identiti persekitaran serta budaya setempat. Penyediaan elemen landskap kejur perlu disesuaikan untuk kegunaan di kawasan kemudahan riadah dan taman.

c) Jenis Tanaman/Spesies

- i) Jenis tanaman adalah bergantung kepada jenis aktiviti dan kegunaan taman. Secara keseluruhan kombinasi pelbagai jenis, saiz dan rupa bentuk tanaman adalah diutamakan untuk mewujudkan suasana semula jadi.
- ii) Jenis tanaman seragam hanya digunakan di kawasan tertentu seperti kawasan tempat letak kereta dan jalan raya.
- iii) Memilih dan mengutamakan tanaman hiasan dan pokok teduhan yang dapat menarik hidupan liar seperti unggas dan serangga.
- iv) Memilih pokok hiasan yang bersilira atau berkanopi rendah untuk memberi teduhan kepada pengunjung. Percambahan dahan dengan ketinggian kurang 3 meter dari aras tanah hendaklah dipotong.

- v) Memilih tanaman yang tidak beracun, berduri dan berbahaya kepada pengunjung.
- vi) Menggalakkan tanaman buah-buahan tempatan.
- vii) Mengutamakan tanaman yang kurang penyenggaraan.

d) Hiasan Taman

- i) Merealisasikan konsep kehijauan bandar terhadap melahirkan suasana segar dan ceria.
- ii) Merealisasikan konsep *Bring Back Bird* (3B) dengan mengekal dan menarik fauna seperti burung dan rama-rama.
- iii) Mengutamakan penanaman pokok yang memberi teduhan untuk menampung pelbagai aktiviti pengguna.
- iv) Melengkapkan pembangunan landskap yang dipenuhi dengan pelbagai warna.

e) Komponen

- i) Kemudahan asas yang perlu ada lagi sebuah kemudahan riadah dan taman adalah seperti wakaf, siar kaki, alat permainan kanak-kanak, jambatan kayu, lampu, tong sampah, papan tanda, tandas awam dan tempat letak kenderaan.
- ii) Lampu taman atau jalan perlu disediakan.
- iii) Laluan pejalan kaki perlu diasingkan dari laluan kenderaan dan menitikberatkan kemudahan penggunaan untuk orang kurang upaya dan kereta bayi.
- iv) Kemudahan laluan pejalan kaki hendaklah mempunyai lebar minimum 2 meter.
- v) Pembinaan kemudahan awam tidak menghalang pejalan kaki.
- vi) Elemen reka bentuk berbucu tajam dan berbahaya tidak dibenarkan.
- vii) Kawasan rehat hendaklah dicadangkan pada lokasi tertentu di sepanjang laluan pejalan kaki dan sekitar taman.

20.1.3 Kriteria Pemilihan Tapak

Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat Tahun 2002 hingga 2020 menetapkan kriteria untuk merancang pembangunan kemudahan riadah dan taman serta komponennya selaras dengan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Penetapan komponen kemudahan riadah dan taman adalah seperti berikut:

a) Taman Wilayah

Taman Wilayah mempunyai ciri-ciri alam semula jadi, mempunyai tarikan pelancong dan menjadi pusat tumpuan orang awam. Keluasan yang diperlukan ialah 100 hektar. Kemudahan yang perlu disediakan adalah seperti tempat berkelah, jogging dan *jungle tracking*, kompleks sukan dan rekreasi air. Taman ini melibatkan lokasi yang terletak di persisir pantai Sungai Batu Pahat dengan pantai Minyak Beku. Komponen yang dicadangkan dalam taman tersebut adalah seperti landskap, jeti, dek memancing, menara padang, arca, siar kaki, taman permainan kanak-kanak, gelanggang sukan, gerai/kios, pelan bandar, pusat penyewaan basikal dan bot, lorong basikal dan tugu bersejarah kawasan aktiviti lasak.

b) Taman Bandar

Taman Bandar merangkumi keluasan antara 40 hingga 100 hektar. Kemudahan yang perlu ada di taman ini ialah padang untuk aktiviti sukan tersusun, gelanggang permainan, bangunan atau dewan sukan, kompleks tenis, badminton, kolam renang, *driving range*, padang permainan kanak-kanak, kawasan berkelah, kemudahan sukan air, hutan lipur, taman bunga, tempat letak kereta dan bas.

c) Taman Tempatan

Lokasi untuk mewujudkan taman tempatan ialah di dalam atau berdekatan dengan pusat perkhidmatan atau pusat kejuruan yang sentiasa mudah dikunjungi sama ada dengan berjalan kaki, berbasikal, pengangkutan awam, kenderaan persendirian dan berada dalam lingkungan perkhidmatan antara 12,000 hingga 50,000 penduduk. Keluasan bagi taman tempatan yang diperlukan adalah antara 8 hingga 40 hektar. Kemudahan yang perlu ada seperti padang bola, gelanggang tenis, hoki, kolam renang, kawasan taman dan padang permainan kanak-kanak, kawasan berkelah, dewan tertutup dan tempat letak kereta.

d) Padang Kejuruan

Padang Kejuruan perlu mempunyai keluasan kawasan minimum 2 hingga 8 hektar yang dibangunkan di kawasan perumahan. Ianya berfungsi sebagai pusat kegiatan sukan, rekreasi pasif, mempunyai padang dan gelanggang sukan berserta taman untuk berteduh dan berkelah. Kemudahan yang perlu ada ialah padang, wakaf, gelanggang sukan, riadah, trek larian dan alat permainan kanak-kanak.

e) Padang Permainan

Padang Permainan disediakan khusus untuk kanak-kanak peringkat umur persekolahan rendah untuk melaksanakan kegiatan secara formal atau informal.

Keluasan yang diperlukan untuk padang permainan adalah antara 0.6 hektar hingga 2 hektar bertempat di kawasan rumah kediaman. Kemudahan yang perlu disediakan ialah satu taman kanak-kanak dengan sistem peralatan modular bersepadu yang mengandungi buaian, papan geluncur, jongkang-jongket dan *climber*. Peralatan perlu mematuhi standard *specification for playground equipment for parks, school and domestic use* (MS966:1985/86 atau diluluskan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd.) dan mempertimbangkan aspek keselamatan dan kesesuaian peringkat umur.

f) Lot Permainan

Taman permainan mempunyai keluasan antara 0.2 hingga 0.6 hektar untuk tujuan permainan kanak-kanak peringkat umur yang belum bersekolah. Kawasan taman permainan ini hendaklah terletak di tempat yang mudah sampai dan tidak banyak melintasi jalan-jalan utama bagi tujuan keselamatan dan mesra kanak-kanak. Reka bentuk yang perlu ada dalam taman permainan ialah peralatan permainan mestilah berwarna-warni, cantik dan boleh merangsang pemikiran kanak-kanak serta memerlukan penjagaan dan pengawasan yang minimum.

20.1.4 Keperluan Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting untuk memastikan pelaksanaan pembangunan dan menaik taraf kemudahan riadah dan taman dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang telah dirancang. Keperluan kewangan untuk projek pembangunan taman riadah adalah seperti berikut:

a) Anggaran Kos Pembangunan Kemudahan Riadah Dan Taman

Kos pembangunan kemudahan riadah dan taman akan meliputi kos pembinaan kemudahan asas, alat permainan kanak-kanak, wakaf, jambatan kayu dan laluan pejalan kaki. Anggaran kos pembangunan kemudahan riadah dan taman pada tahun 2004 berjumlah RM3.56 juta, tahun 2005 berjumlah RM2 juta dan tahun 2006 berjumlah RM3 juta.

b) Kos Penyelenggaraan

MPBP merancang untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan seperti memperbaiki dan mengecat wakaf, laluan pejalan kaki dan memperbaiki alat permainan kanak-kanak untuk memastikan kemudahan riadah dan taman diselenggarakan dengan teratur. Anggaran kos penyelenggaraan pada tahun 2004 berjumlah RM0.47 juta, tahun 2005 berjumlah RM0.46 juta dan tahun 2006 berjumlah RM0.9 juta.

20.1.5 Publisiti Kesedaran Awam

Tanggungjawab mewujudkan Perbandaran Maju dan Sejahtera, tidak seharusnya dipikul oleh MPBP. Kesedaran tanggungjawab tersebut perlu disebarkan kepada penduduk setempat dan MPBP perlu berusaha untuk mendapat kerjasama penduduk. MPBP telah merancang untuk melaksanakan kempen menanam pokok dan pertandingan landskap bagi kategori rumah kediaman, kawasan permainan dan taman perumahan yang akan diadakan pada setiap tahun.

20.1.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur organisasi dan latihan merupakan perkara penting yang perlu dirancang sebelum penubuhan sesebuah organisasi yang teguh dan latihan yang mencukupi akan menggerakkan organisasi ke arah pencapaian matlamat penubuhan.

a) Struktur Organisasi

MPBP mempunyai 8 Jabatan terdiri daripada Jabatan Penilaian, Perbendaharaan, Khidmat Pengurusan, Perundangan, Kejuruteraan dan Bangunan, Perancang dan Pengindahan, Pembangunan dan Penyenggaraan serta Kesihatan dan Pelesenan. Unit Pengindahan yang terletak di bawah pengawasan Jabatan Perancang dan Pengindahan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman. Ianya diketuai oleh seorang Pegawai Perancang Gred J41 dan dibantu oleh seorang Pembantu Juruteknik dan seorang Pembantu Pertanian serta 44 kakitangan kumpulan sokongan bagi melaksanakan aktivitinya. Unit ini mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian Perancang Landskap dan Projek-projek Khas dan Bahagian Penyenggaraan. Fungsi Unit Pengindahan adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan pelan landskap.
- Merancang pembangunan landskap bagi kawasan MPBP.
- Merancang pembangunan kawasan lapang MPBP.
- Mengawal pengeluaran tender untuk kerja-kerja landskap.
- Menyelesaikan aduan orang ramai berkenaan landskap mengikut keutamaan.
- Memantau kerja-kerja penyenggaraan.
- Perancangan baru berdasarkan keperluan pembangunan dan kemudahan awam di bawah bidang kuasa MPBP.

Fungsi dan tanggungjawab Bahagian dan Unit yang terlibat dengan pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman telah dinyatakan dengan jelas.

b) Latihan

Perancangan untuk memberi latihan kepada kakitangan Unit Pengindahan di peringkat dalaman dan luaran adalah penting. Ia bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran kakitangan Unit bagi mengendalikan pengurusan kemudahan riadah dan taman. MPBP tidak menyediakan satu rancangan latihan untuk pegawai dan kakitangan bagi tempoh 2004 hingga 2006.

20.1.7 Tempat Penyimpanan

Tempat penyimpanan perlu diadakan untuk mengawal dan melindungi bahan-bahan, peralatan yang digunakan untuk membina dan menyenggara taman. Tempat tersebut perlu mempunyai ciri-ciri kawalan dalaman, diurus dengan teratur dan sempurna. MPBP telah menyediakan tempat penyimpanan berkenaan dengan 3 orang pegawai yang bertanggungjawab untuk mengelola dan menjaganya.

20.1.8 Program Penyenggaraan

Program penyenggaraan amat penting untuk memastikan kemudahan riadah dan taman berada dalam keadaan memuaskan. Bahagian Penyenggaraan bertanggungjawab menjalankan penyenggaraan landskap. Program penyenggaraan akan melibatkan aktiviti penyiraman, pembajaan serta kawalan penyakit dan serangan serangga. Penyenggaraan ini melibatkan penyenggaraan harian dan mingguan. Penyenggaraan harian yang akan dilakukan ialah penyiraman, pembersihan dan merumpai. Penyenggaraan mingguan pula melibatkan pemotongan rumput, pembajaan dan pencantasan. Jadual penyenggaraan yang disediakan oleh Bahagian Penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Jadual Program Penyelenggaraan

Bil.	Butiran Penyelenggaraan	Kekerapan
1.	Menyiram	2 kali sehari
2.	Penyelenggaraan - Merumpai - Membersih kawasan - Sulaman pokok (mati/rosak) - Penggemburan tanah - Sungkapan/sabut - Pemancang	9 kali sebulan 9 kali sebulan 4 kali sebulan 8 kali sebulan Tiada penjadualan Tiada penjadualan
3.	Kerja-kerja Pemangkasan - Pokok renek - Pokok teduhan - Pagaran - Palma	8 kali sebulan
4.	Meracun - Serangga - Kulat - Rumpai	9 kali setahun
5.	Pembajaan	6 kali setahun

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat

Bagaimanapun, Bahagian Penyelenggaraan tidak menyediakan jadual penyelenggaraan landskap kejur seperti alat permainan, membaiki siar kaki, mengecat wakaf dan tempat duduk.

20.1.9 Kaedah Pemantauan

Pemantauan dan penyeliaan perlu dilakukan sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan mengikut perancangan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk menentukan orang awam khususnya di sekitar Bandar Batu Pahat menikmati suasana yang indah, ceria dan nyaman. Pemantauan pengurusan projek kemudahan riadah dan taman akan dilaksanakan melalui beberapa peringkat seperti berikut:

a) Peringkat Kementerian

Pemantauan akan dilakukan melalui laporan yang disediakan oleh MPBP kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

b) Peringkat Kerajaan Negeri

Jabatan Landskap Negeri akan memberi khidmat nasihat kepada MPBP berhubung dengan pembangunan landskap.

c) Peringkat Majlis

Unit Pengindahan akan menjalankan lawatan ke tapak dari semasa ke semasa untuk menentukan pengurusan projek dilaksanakan dengan memuaskan. Perkara berbangkit akan dibincangkan semasa mesyuarat bulanan pengurusan MPBP.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhan perancangan bagi pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman disediakan dengan baik. Bagaimanapun, MPBP tidak merancang secara khusus jadual penyenggaraan kemudahan riadah dan taman.

20.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek hendaklah dijalankan mengikut perancangan dan garis panduan yang telah ditetapkan untuk memastikan pencapaian matlamat MPBP tercapai. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut:

20.2.1 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan

MPBP telah mematuhi peruntukan Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 dalam membangunkan kemudahan riadah dan taman. Walaupun Undang-undang Kecil Taman (MDBP) 1987 memperuntukkan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan yang dilakukan di kawasan taman, semakan Audit mendapati MPBP tidak mengeluarkan sebarang saman atau tindakan penguatkuasaan bagi tempoh 2004 hingga 2006. Bagaimanapun MPBP telah mematuhi Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat terhadap tanah lapang, rekreasi dan landskap yang mana MPBP telah menjadikan tanah-tanah lapang yang dirizabkan oleh pihak pemaju dengan membangunkan taman-taman permainan. MPBP mempunyai 231 lot tanah lapang dengan keluasan 88.22 hektar. Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat menyatakan bahawa tanah lapang hendaklah dirizab dan diwartakan. Pewartaan hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati hanya 4 lot tanah lapang yang telah diwartakan. Proses permohonan mewartakan tanah lapang sebagai taman awam perlu dipohon dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

Pada pendapat Audit, pewartaan tanah-tanah lapang tidak memuaskan kerana bilangan tanah yang diwartakan hanya 4 daripada lot daripada 231 tanah lapang atau 1.7% sahaja.

20.2.2 Pelan Induk Landskap

Pelan Induk Landskap diadakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh tentang perancangan, matlamat dan pencapaian program kemudahan riadah dan taman. MPBP telah melaksanakan pembangunan kemudahan riadah dan taman di kawasan pentadbirannya tanpa menyediakan pelan induk yang tersusun dan terperinci. Bagaimanapun, MPBP ada menyediakan pelan perancangannya dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat Tahun 2002 hingga 2020. Semakan Audit mendapati MPBP belum melaksanakan cadangan yang tertera dalam draf rancangan tersebut. Oleh sebab tidak ada satu kaedah perancangan yang tersusun dan bersistematik, penumpuan pembangunan kemudahan riadah dan taman tidak dapat dilaksanakan di seluruh kawasan tanah lapang yang berada di bawah pentadbiran MPBP.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan rancangan dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat adalah tidak memuaskan kerana MPBP masih belum melaksanakan projek yang dirancang dengan baik sebagaimana di dalam draf rancangannya.

20.2.3 Kriteria Pemilihan Tapak

Hasil pemeriksaan Audit mendapati pemilihan lokasi atau tapak bagi 4 taman yang dipilih untuk pengauditan adalah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Tasik Y dikategorikan sebagai Padang Kejiranan kerana keluasan melebihi 2 hektar dan mempunyai kemudahan riadah, wakaf, gelanggang sukan, trek larian dan alat permainan. Laman Tepian Sungai Senggarang, Taman Industri Sri Sulong dan Taman Maju dikategorikan sebagai Padang Permainan kerana masing-masing mempunyai keluasan kurang daripada 2 hektar dan mempunyai kemudahan seperti alat permainan mengikut standard yang diluluskan oleh MS966:1985/8 atau SIRIM.

Pada pendapat Audit, pemilihan tapak pembangunan kemudahan riadah dan taman adalah baik kerana komponen yang disediakan menepati kriteria yang ditetapkan.

20.2.4 Prestasi Perbelanjaan

Keperluan kewangan amat penting untuk menjamin pengurusan dan pembangunan taman dan kemudahan riadah berjalan dengan lancar. Peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut:

a) Kos Pembangunan Kemudahan Riadah Dan Taman

MPBP bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan kewangan adalah mencukupi dan anggaran yang disediakan menepati keperluan untuk membolehkan matlamat pembangunan kemudahan riadah dan taman tersebut tercapai. Anggaran perbelanjaan yang telah diluluskan untuk aktiviti pembangunan kemudahan riadah dan taman bagi tempoh 2004 hingga 2006 berjumlah RM8.56 juta. Manakala perbelanjaan sebenar untuk tempoh berkenaan ialah RM4.11 juta. Perbelanjaan pada tahun 2004 berjumlah RM0.87 juta atau hanya 24.4%. Bagaimanapun, pada tahun 2005 jumlah perbelanjaan sejumlah RM2.16 juta atau 108%. Manakala pada tahun 2006 jumlah perbelanjaan hanya sebanyak RM1.08 juta atau 36%. Peratusan perbelanjaan sebenar yang rendah bagi tahun 2004 dan 2006 adalah disebabkan peruntukan telah dibelanjakan untuk aktiviti pembangunan yang lain. Peruntukan dan Perbelanjaan pembangunan kemudahan riadah dan taman adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Kemudahan
Riadah Dan Taman Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2004	3.56	0.87	24.4
2005	2.00	2.16	108
2006	3.00	1.08	36
Jumlah	8.56	4.11	

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan pembangunan kemudahan riadah dan taman adalah tidak memuaskan kecuali pada tahun 2005.

b) Kos Penyenggaraan

MPBP telah memperuntukkan kos penyenggaraan taman di bawah pentadbirannya untuk memastikan kemudahan riadah dan taman berkeadaan sempurna untuk kegunaan pengunjung. Semakan Audit mendapati kos sebenar yang dibelanjakan bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah berjumlah RM1.18 juta. Manakala anggaran yang diluluskan berjumlah RM1.83 juta. Perbelanjaan sebenar penyenggaraan pada tahun 2004 berjumlah RM0.35 juta iaitu 74.5%, tahun 2005 pula berjumlah RM0.41 juta iaitu 89.1% manakala pada tahun 2006 berjumlah RM0.42 juta iaitu 46.7%. Peratusan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2006 adalah rendah disebabkan peruntukan penyenggaraan ini telah dibelanjakan untuk aktiviti

pembangunan yang lain. Peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan kemudahan riadah dan taman adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Kos Penyenggaraan Kemudahan Riadah Dan Taman
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2004	0.47	0.35	74.5
2005	0.46	0.41	89.1
2006	0.90	0.42	46.7
Jumlah	1.83	1.18	

Sumber: Majlis Perbandaran Batu Pahat

Pada pendapat Audit peruntukan yang dibelanjakan adalah memuaskan.

20.2.5 Publisiti Kesedaran Awam

Landskap Lambang Keindahan itulah tema pertandingan landskap yang dianjurkan oleh MPBP untuk mencapai hasrat Kerajaan menjadikan negara ini 'Negara Indah Rakyat Sejahtera'. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menggalakkan penghayatan dan elemen landskap dari peringkat pembangunan, rekreasi, institusi sehingga peringkat kediaman individu. Pertandingan ini juga merupakan langkah menceriakan kawasan pentadbiran MPBP. Semakan Audit juga mendapati MPBP ada juga melaksanakan kempen menanam pokok pada setiap tahun sebagai usaha mengindahkan kawasan penempatan.

Pada pendapat Audit, usaha MPBP adalah baik kerana publisiti kesedaran awam adalah suatu amalan yang baik secara tidak langsung dapat menanam minat individu untuk menceriakan kediaman dan institusi mereka. Ini juga akan membantu pengembangan sektor perniagaan keperluan landskap.

20.2.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan


Keperluan guna tenaga dan latihan yang bersesuaian amat penting untuk memastikan aktiviti pengurusan kemudahan riadah dan taman berjalan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Struktur Organisasi

Unit Pengindahan, Jabatan Perancang Bandar diketuai oleh Pegawai Perancang Gred J41. Unit ini mempunyai 2 Bahagian iaitu Bahagian Perancang Landskap dan Projek-projek Khas dan Bahagian Penyenggaraan. Kesemua 47 perjawatan yang diluluskan di Unit Pengindahan termasuk satu jawatan kontrak telah diisi.

Semakan Audit mendapati tempoh jawatan kontrak tersebut telah melebihi 10 tahun dan pihak MPBP ada mengambil tindakan memohon supaya jawatan tersebut untuk diserapkan ke jawatan tetap. Carta organisasi Unit Pengindahan adalah seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Carta Organisasi Unit Pengindahan



Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Batu Pahat

Pada pendapat Audit struktur organisasi MPBP dalam pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman adalah memuaskan.

b) Latihan

Latihan perlu diberi kepada semua kakitangan yang terlibat dengan pengurusan dan penyenggaraan taman dan kemudahan riadah. Latihan amat perlu untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran. Semakan Audit mendapati kursus mengenai pengurusan dan penyenggaraan kemudahan riadah dan taman telah dihadiri oleh 2 kakitangan iaitu Pembantu Teknik (Landskap) dan Pembantu

Pertanian berbanding 47 orang kakitangan di Unit Pengindahan. Kursus yang mereka hadiri bagi tempoh 2004 hingga 2006 antaranya Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap Berkualiti, Asas Reka Bentuk Landskap Berkomputer, Landskap Dan Penyelenggaraan Pokok dan Penggunaan *Geography Information System* (GIS) Dalam Perancangan Bandar Dan Aplikasi *System Information Management Planning* (SIMAP) dan Pengendalian Mesin-mesin Penyelenggaraan Padang.

Pada pendapat Audit, latihan adalah tidak memuaskan kerana hanya 2 daripada 47 pegawai dan kakitangan sahaja yang diberi kursus.

20.2.7 Prestasi Pembangunan Kemudahan Riadah Dan Taman

Lawatan telah dijalankan terhadap 4 projek yang dipilih untuk menentukan sama ada projek berkenaan telah dilaksanakan dengan sempurna dan mencukupi mengikut standard dan komponen yang ditetapkan.

a) Taman Tasik Y

Taman Tasik Y ialah projek naik taraf dengan menambah ciri-ciri riadah di kawasan tersebut. Taman Tasik Y mempunyai keluasan 4 hektar. Kawasan Tasik Y telah dinaiktarafkan pada tahun 2005 dengan kos berjumlah RM320,000 yang melibatkan pembinaan pejalan kaki, pembinaan pelantar kayu, pembinaan *par-course*, pembinaan pancutan air, kerja-kerja penanaman pokok-pokok tanaman dan pemasangan alat-alat permainan yang baru. Kawasan tersebut juga telah dilengkapi dengan kemudahan seperti tempat letak kereta, tandas, wakaf dan gerai makan serta tasik tempat memancing ikan. Semakan Audit terhadap standard dan komponen di Taman Tasik Y mendapati perkara seperti berikut:

- i) Reka bentuk landskap lembut telah dikekalkan seperti pokok renek dan tumbuhan litup bumi.
- ii) Taman ditanam dengan pokok peneduhan dan pokok hijau seperti pokok pisang kipas, bunga kertas, bunga siantan dan sebagainya.
- iii) Lapan set alat permainan kanak-kanak yang tidak berbucu tajam dan berbahaya telah disediakan iaitu buaian, papan jongkang-jongket dan papan gelongsor. Persekitaran permainan kanak-kanak yang baru dibina kelihatan bersih dan cantik serta selamat digunakan seperti di **Foto 34** dan **Foto 35**, manakala permainan yang lama telah rosak dan pecah-pecah tanpa penyelenggaraan.

- iv) Empat buah wakaf telah didirikan untuk keperluan pengunjung. Wakaf tersebut berada dalam keadaan baik.
- v) Sepuluh unit *fitness system*, 36 buah bangku, 30 unit lampu limpah dan 61 unit tong sampah telah disediakan.
- vi) Sebanyak 4 unit papan tanda peringatan telah diletakkan di tempat yang strategik bagi memberi maklumat dan tunjuk arah kepada pengguna.
- vii) Kemudahan tempat letak kenderaan telah disediakan.
- viii) Sebuah tandas awam disediakan dan berada dalam keadaan bersih dan selesa untuk digunakan.
- ix) Dua buah tasik telah dibina, satu tasik mempunyai tebing serta mempunyai air pancutan manakala sebuah lagi adalah tebing semula jadi.
- x) Dua replika dinosaur dan 2 replika rusa telah dibina dan 12 buah pasu bunga besar berkaki ditanam dengan pokok bunga hijau.
- xi) Laluan pejalan kaki juga ada disediakan di Taman Tasik Y untuk kemudahan pengunjung berlari.

Foto 34
Kawasan Permainan Kanak-kanak Di Taman Tasik Y



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Tasik Y, Batu Pahat

Foto 35
Kawasan Permainan Kanak-kanak Di Taman Tasik Y



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Tasik Y, Batu Pahat

b) Taman Industri Sri Sulong

Projek Taman Industri Sri Sulong ialah projek naik taraf di mana ia merupakan sebuah tanah lapang yang telah dirizabkan oleh pemaju taman perumahan tersebut. MPBP telah memasang alat permainan seperti 1 set - 4 *seater heavy duty swing*, 1 unit - 2 *seater toddler see-saw*, 2 unit- *spring animal*, 1 unit *independent zig-zag netting*, permaidani getah di atas kawasan memanjat dan mendarat. Manakala peralatan permainan terdiri daripada *plastisol square deck*, *plastisol triangular deck*, *perforated helang roof*, *tree climber*, *spiral tube slider*, *access ladder*, *spin climber*, *long slid*, *tic-tac toe panel*, 6' *crawl tube* dan *rung ladder*. Kontraktor juga dikehendaki membersihkan kawasan, meratakan tanah untuk membina laluan pejalan kaki, menanam pokok seperti 4 pokok *delonix regia*, 21 pokok *jacaranda filicifolia*, 26 pokok *tecaoma spp*, 11 pokok *mimusops elengi* dan 3 pokok *ficus tapiori*, 3 unit tong sampah dan 7 buah kerusi taman. Kos menaik taraf tanah lapang untuk membina kemudahan tersebut pada tahun 2002 berjumlah RM91,156. Semakan Audit terhadap standard dan komponen di Taman Industri Sri Sulong mendapati perkara seperti berikut:

- i) Tujuh buah kerusi telah disediakan.
- ii) Tiga tong sampah di sediakan untuk menjaga kebersihan kawasan.
- iii) Satu set alat permainan tidak berbucu seperti di **Foto 36**.
- iv) Satu set buaian dengan 4 tempat duduk.
- v) Sebuah papan tanda.

- vi) Pokok-pokok teduhan yang tidak subur dan ia tidak menggambarkan pokok untuk berteduh.
- vii) Laluan pejalan kaki simen.

Foto 36
Kawasan Permainan Kanak-kanak Di Taman Industri Sri Sulong



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Disember 2006
Lokasi: Taman Industri Sri Sulong

c) Taman Maju, Batu Pahat

Gelanggang bola keranjang dan alat permainan kanak-kanak telah dibina pada tahun 2002 dengan kos pembinaan bernilai RM48,500. Taman ini mempunyai keluasan 1.036 hektar. Komponen yang terdapat ialah 1 gelanggang bola keranjang dan alat-alat permainan seperti *straight slide*, *horizontal ladder*, *climber*, *arch climber*, *loop*, *tube*, *steering wheel* dan getah keselamatan di kawasan naik dan turun. Semakan Audit mengenai standard dan komponen di Taman Maju mendapati perkara seperti berikut:

- i) Sebuah gelanggang bola keranjang.
- ii) Satu set alat permainan seperti di **Foto 37**.
- iii) Tiga buah tong sampah.
- iv) Tiga buah bangku simen.
- v) Empat batang lampu taman.
- vi) Pokok-pokok teduhan dan bunga.

Foto 37
Kawasan Permainan Kanak-kanak Di Taman Maju, Batu Pahat



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Maju, Tongkang Pecah, Batu Pahat

d) Laman Tepian Sungai Senggarang

Pekan Rengit dan Pekan Senggarang ialah 2 buah pekan yang terletak di bawah pentadbiran MPBP dan kedua-dua pekan tersebut terletak di pinggir sungai. Pihak Audit telah memilih Tepian Sungai Senggarang untuk kajian ini. MPBP telah membangunkan Laman Tepian Sungai Senggarang supaya menjadi tempat pelancongan dan tempat beristirehat. Kos pembinaan pinggir sungai tersebut bernilai RM0.52 juta. Dalam kawasan tersebut terdapat *riverside platform* dan wakaf, *viewing tower*, *gate*, *entrance plaza gate*, *pedestrian bridge*, wakaf, *external work*, *foot reflexology*, *signboard*, *fountain* dan *children playground*. Semakan Audit mengenai standard dan komponen mendapati perkara seperti berikut:

- i) Sebuah bangunan *viewing tower*.
- ii) Satu set alat permainan yang boleh digunakan.
- iii) Satu set buaian.
- iv) Sebuah jongkang-jongket.
- v) Lima unit kerusi batu.
- vi) Dua buah wakaf kelihatan cantik dan boleh digunakan.
- vii) Empat belas tiang lampu dan 2 unit lampu limpah.
- viii) Dua buah pintu gerbang dan 1 unit menara.
- ix) Sebuah replika lambang MPBP yang dibina daripada simen dan dipasang marmar.
- x) Jambatan kayu untuk pejalan kaki menyeberangi sungai.

- xi) Pancutan Air.
- xii) Siar kaki berpetak simen bercorakkan daun serta pejalan kaki untuk refleksologi.

Foto 38 menunjukkan sebahagian kawasan Laman Tepian Sungai Senggarang.

Foto 38
Kawasan Laman Tepian Sungai Senggarang Kelihatan Cantik



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Laman Tepian Sungai Senggarang

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kerja pembangunan kemudahan riadah dan taman yang disediakan adalah memuaskan kerana mengikut standard dan komponen yang ditetapkan.

20.2.8 Tempat Penyimpanan

MPBP ada menyediakan tempat penyimpanan untuk bahan-bahan penyenggaraan landskap kejur seperti simen, paku dan kayu. Manakala untuk landskap lembut, tapak samaian disediakan di mana ianya menyimpan benih pokok, baja dan seumpamanya. Semakan Audit mendapati tempat penyimpanan tersebut berpagar dan ada tempat penyimpanan berteduh tetapi tiada pintu bagi menyimpan baja dan simen. Keadaan di tempat penyimpanan tidak teratur dan tidak kemas seperti di **Foto 39** dan **Foto 40**. Pelupusan perlu dibuat terhadap alat-alat dan bahan yang telah rosak dan tidak boleh dibaiki lagi seperti kayu yang telah dimakan anai-anai. Pihak Audit mendapati MPBP tidak menyediakan Daftar Inventori untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran sesuatu bahan atau peralatan.

Foto 39
Penyimpanan Barang Tidak Teratur Dan Kurang Selamat



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Tapak Semaian, Majlis Perbandaran Batu Pahat

Foto 40
Penyimpanan Barang Tidak Teratur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Tapak Semaian, Majlis Perbandaran Batu Pahat

Pada pendapat Audit, tempat penyimpanan adalah tidak memuaskan kerana MPBP tidak menyediakan Daftar Inventori untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran keperluan landskap, tiada tindakan pelupusan, tempat penyimpanan tidak selamat kerana tiada tindakan serta susunan barang-barang tidak kemas dan teratur.

20.2.9 Program Penyenggaraan

MPBP bertanggungjawab untuk menyenggara semua kemudahan riadah dan taman di bawah pentadbirannya. MPBP menyediakan jadual kepada kakitangan yang terlibat untuk memastikan bahawa kawasan riadah dan taman sentiasa berada dalam keadaan bersih, subur dan baik. Bagaimanapun, MPBP tidak menyediakan satu jadual lawatan dan penyenggaraan terhadap alat permainan yang terdapat di taman-taman secara berkala. Lawatan Audit ke Taman Tasik Y, Taman Industri Sri Sulong, Taman Maju dan Laman Tepian Sungai Senggarang mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Taman Tasik Y

- i) Dua buah pelantar kayu telah usang dan berbahaya kepada pengunjung seperti di **Foto 41**.

Foto 41
Pelantar Kayu Di Tasik Y Telah Rosak Dan Tidak Selamat



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Tasik Y, Batu Pahat

- ii) Peralatan *fitness system* usang, rosak dan hanya tinggal papan penerangan.
- iii) Tasik yang mempunyai tebing dan pancutan air berkeadaan kotor kerana terdapat sampah sarap seperti bungkus makanan, tong sampah dan botol-botol air kosong dibuang ke dalamnya. Selain itu pancutan air tidak berfungsi. Manakala sebuah tasik lagi berada dalam keadaan bersih dan terpelihara.
- iv) Laluan penjalan kaki ditakungi air selepas waktu hujan seperti di **Foto 42**.
- v) Sebuah replika rusa rosak di bahagian telinga hingga nampak rangka binaan.

Foto 42
Laluan Penjalan Kaki Ditakungi Air



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Tasik Y, Batu Pahat

b) Taman Industri Sri Sulong

- i) Kawasan persekitaran taman terutamanya di set alat permainan berlopak dan ditakungi air.
- ii) Buaian rosak seperti di **Foto 43**.

Foto 43
Buaian Yang Rosak Dan Tinggal Rantai



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Disember 2006
Lokasi: Taman Sri Sulong

- iii) Papan tanda rosak hanya tinggal rangka.
- iv) Laluan pejalan kaki rosak seperti di **Foto 44**.
- v) Tempat letak kereta tidak disediakan.

- vi) Dua unit *spring animal* tidak dibekalkan sebagaimana dalam arahan kerja.

Foto 44
Laluan Pejalan Kaki Rosak Dan Tiada Kerja Pembaikan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 14 Disember 2006
Lokasi: Taman Industri Sri Sulong, Batu Pahat

c) Taman Maju, Batu Pahat

- i) Tiang gol bola keranjang rosak dan tidak boleh digunakan seperti di **Foto 45**.
- ii) Gelongsor berlubang kerana dibakar oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
- iii) *Spring animal* rosak.
- iv) Buaian rosak.

Foto 45
Gelanggang Bola Keranjang Yang Rosak



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 18 Disember 2006
Lokasi: Taman Maju, Tongkang Pecah, Batu Pahat

d) Laman Tepian Sungai Senggarang

- i) Sebuah kerusi batu patah dan tidak dibaiki.
- ii) Pancutan Air tidak dapat disahkan.
- iii) Dua unit lampu limpah rosak dan tidak nyala.
- iv) Jambatan kayu uzur dan berlubang-lubang yang membahayakan pejalan kaki menyeberangi sungai.
- v) Tulisan ditugu hilang atau telah dicuri.
- vi) *Viewing tower* kelihatan kotor dan perlu di cat.
- vii) Pokok yang ditanam di taman ini ialah pokok-pokok hijau.
- viii) Penyenggaraan pokok serta kebersihan kawasan tidak diurus dengan baik seperti di **Foto 46** dan **Foto 47**.

Foto 46
Kawasan Taman Dan Riadah Tidak Diurus Dengan Baik



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 Disember 2006
Lokasi: Laman Tepian Sungai Senggarang, Batu Pahat

Foto 47

Kawasan Kemudahan Riadah Dan Taman Tidak Diurus Dengan Baik



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 10 Disember 2006

Lokasi: Laman Tepian Sungai Senggarang, Batu Pahat

Pada pendapat Audit, keseluruhan penyenggaraan kawasan kemudahan riadah dan taman adalah tidak memuaskan kerana MPBP tidak membaik pulih alat permainan yang rosak, tidak menyediakan jadual lawatan dan penyenggaraan serta tidak menyenggarakan pokok bunga yang mati serta rumput tidak dipotong.

20.2.10 Tahap Kepuasan Pengunjung

Pihak Audit telah menjalankan *survey* dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengukur tahap kepuasan pengunjung. Seramai 80 orang pengunjung telah dipilih untuk tujuan ini. Analisis yang dijalankan meliputi aspek kerja penyenggaraan dan kemudahan yang disediakan seperti alat permainan, siar kaki, pondok wakaf, bangku, tong sampah, notis, tandas, tempat letak kereta, gerai makan, kebersihan kawasan dan pokok teduh/bunga. Analisis terhadap kepuasan pengunjung adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Analisis Terhadap Kepuasan Pengunjung

Bil.	Taman	Kemudahan Disediakan (%)		Penyenggaraan (%)	
		A	B	A	B
1.	Tasik Y	84	16	59	41
2.	Laman Tepian Sg. Senggarang	60	40	39	61
3.	Taman Maju	13	87	9	91
4.	Taman Sri Sulong	31	69	26	74
Purata Peratusan		47	53	33	67

Sumber: Fail Jabatan Audit Negara

Nota: A – Memuaskan. B- Tidak Memuaskan

Hasil *survey* kepuasan pengunjung mendapati tahap kepuasan pengunjung di taman rekreasi adalah tidak memuaskan. Pengunjung tidak berpuas hati dari segi alat permainan kanak-kanak yang disediakan dan kebersihan kawasan. Sebanyak 53% pengunjung tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Manakala 67% pengunjung tidak berpuas hati kerana kerja penyenggaraan yang tidak dijalankan. Pengunjung telah memberi pandangan dan cadangan untuk meningkatkan kualiti dan tahap keselamatan kemudahan riadah dan taman yang disediakan seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Pandangan Serta Cadangan Pengunjung Terhadap
Kemudahan Riadah Dan Taman

Bil.	Taman	Dewasa	Remaja	Kanak-kanak
1.	Tasik Y	1. Tanam pokok bunga pelbagai warna 2. Tambahkan alat permainan 3. Landskap yang cantik dengan pelbagai gabungan akan menceriakan lagi taman 4. Penyelenggaraan terhadap kebersihan kawasan 5. Tebing tasik hendaklah di pagar untuk keselamatan kanak-kanak 6. Tambah pemasangan lampu	1. Mengadakan landskap lebih cantik 2. membaiki alat-alat yang rosak dengan segera 3. Mengecat wakaf 4. Memberi kemudahan yang sesuai untuk semua lapisan umur 5. Tebing tasik hendaklah di pagar	
2.	Tepian Senggarang	1. Rumput perlu dipotong 2. Taman hendaklah dijaga supaya kelihatan cantik 3. Tandas hendaklah di buka sepanjang masa	1. Perluasan taman perlu dibuat 2. Taman perlu bersih dan ditambah dengan landskap yang cantik dan pelbagai	1. Mengadakan aktiviti riadah pada masa cuti 2. Baiki alat-alat yang rosak
3.	Taman Maju	1. Tambah alat permainan 2. Pemasangan lampu hendaklah ditambah 3. Adakan tempat letak kereta 4. Taman hendaklah di jaga dengan mencantas pokok dan memotong rumput apabila panjang 5. Membaiki bangku dan gelanggang bola keranjang	1. Pemasangan lampu yang terang 2. Baiki alat permainan dan gelanggang bola keranjang 3. Potong rumput	1. Tambahkan alat permainan 2. Rumput panjang perlu di potong
4.	Taman Sri Sulong	1. Mencantikkan taman permainan 2. Taman perlu ditanam dengan pelbagai pokok bunga 3. Lampu perlu di pasang setiap penjuru dan tengah taman supaya taman kelihatan terang di waktu malam 4. Taman perlu diratakan supaya lopak tidak ada dan rumput sentiasa di potong 5. Alat permainan yang rosak hendaklah di baiki 6. Longkang di persekitaran taman telah pecah perlu diganti untuk mengelak dari tersumbat	1. Tanam dengan pokok yang lebih rendah dan pelbagai pokok bunga agar taman kelihatan cantik 2. Tanah perlu diratakan 3. Pasang lampu	1. Baiki buai 2. Tambah alat permainan

Sumber: Fail Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, pengurusan penyelenggaraan alat permainan dan kemudahan adalah tidak memuaskan disebabkan orang awam dan kanak-kanak tidak berpuas hati dengan kualiti kerja penyelenggaraan.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pelaksanaan pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang perlu diatasi adalah seperti mengambil tindakan segeraewartakan tanah-tanah lapang dan taman, menyediakan pelan induk landskap atau melaksanakan Draf Rancangan Tempatan, berbelanja mengikut perancangan, memberi latihan

kepada semua kakitangan dan mengemas dan membaiki tempat penyimpanan. MPBP juga perlu memberi tumpuan terhadap kerja penyenggaraan kemudahan riadah dan taman terutamanya peralatan untuk beriadah.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang dijalankan dengan cekap dan berkesan akan dapat memastikan sesuatu perancangan dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. MPBP telah mewujudkan mekanisme pemantauan untuk menyelesaikan masalah dan memastikan pelaksanaan pengurusan taman dan kemudahan rekreasi berjalan dengan lancar dan sempurna seperti berikut:

20.3.1 Peringkat Kementerian

Bagi memastikan pelaksanaan kemudahan riadah dan taman berjalan dengan lancar, MPBP dipertanggungjawabkan menyediakan laporan perbelanjaan pada setiap bulan untuk makluman dan tindakan oleh pihak Kementerian. Semakan Audit mendapati MPBP telah menyedia dan menghantar laporan bulanan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengikut jadual yang ditetapkan.

20.3.2 Peringkat Kerajaan Negeri

Setiausaha Kerajaan Negeri Cawangan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bertanggungjawab untuk memantau semua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh MPBP. Selain itu, Jabatan Landskap Negeri juga berperanan untuk memantau segala aktiviti yang dilaksanakan berkaitan dengan pembangunan landskap di kawasan pentadbiran MPBP. Pemantauan yang dibuat adalah melalui laporan prestasi kemajuan kerja yang disediakan oleh MPBP setiap bulan.

20.3.3 Peringkat Majlis

Unit Pengindahan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemantauan kerja pembinaan dan penyenggaraan. Pemantauan dibuat dengan mengadakan lawatan ke tapak seterusnya menyediakan laporan kerja harian yang disediakan oleh Pengawas dan Mandur terhadap kerja-kerja kakitangan di bawah seliaanya. Laporan lawatan tapak disediakan oleh pegawai penyelia apabila membuat pengesahan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pembekal atau kontraktor.

20.3.4 Jawatankuasa Perancang Bandar Dan Pengindahan

Jawatankuasa Perancang Bandar Dan Pengindahan berperanan mengkaji masalah kebersihan dan keindahan bandar serta cara mengatasinya. Selain itu, Jawatankuasa

ini membentuk dasar dan strategi berkaitan dengan perkhidmatan dan keindahan di kawasan pentadbiran MPBP. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPBP. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat setiap bulan pada tahun 2004 hingga 2006. Agenda yang dibincangkan termasuk aduan awam, pembangunan dan penyenggaraan kemudahan riadah dan taman.

20.3.5 Aduan Awam

MPBP ada melaksanakan pengurusan aduan orang awam melalui borang yang disediakan dan telefon. Dengan adanya pengurusan aduan awam tindakan pemantauan dapat dilaksanakan mengikut piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati sejumlah 135 aduan orang awam telah diambil tindakan oleh Unit Pengindahan dari bulan Januari hingga Oktober 2006. Bagaimanapun, rekod aduan sebenar tidak dapat dipastikan kerana aduan yang belum diambil tindakan tidak direkodkan dalam daftar aduan.

Pada pendapat Audit kaedah pemantauan yang dijalankan adalah tidak memuaskan kerana MPBP tidak menjalankan pemantauan secara menyeluruh dan berkala terutamanya penyenggaraan alat-alat permainan dan kemudahan yang disediakan.

21. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan dan pembangunan kemudahan riadah dan taman tidak memuaskan. Di antara kelemahan yang dikenal pasti ialah MPBP tidak menyediakan jadual kerja-kerja penyenggaraan kemudahan awam, hanya 4 daripada 231 lot tanah kosong telah diwartakan, draf Rancangan Tempatan MDBP tahun 2002 hingga 2020 belum dilaksanakan, prestasi perbelanjaan pembangunan kemudahan riadah tahun 2004 dan 2006 tidak memuaskan iaitu hanya 24.4% dan 36% dan prestasi perbelanjaan kerja penyenggaraan kemudahan riadah dan taman pula mencapai 74.5% pada tahun 2004, 89.1% pada tahun 2005 dan 46.7% pada tahun 2006. Manakala hanya 2 daripada 47 kakitangan diberi kursus pengurusan dan penjagaan taman, tempat penyimpanan bahan-bahan penyenggaraan landskap kejur berpagar tetapi tidak berpintu, susun atur tidak kemas dan tidak teratur serta tiada daftar inventori diselenggarakan. Adalah disyorkan MPBP mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Menyediakan jadual pemeriksaan dan penyenggaraan terhadap alat permainan yang telah di sediakan di taman dan melaksanakan pemeriksaan serta kerja penyenggaraan mengikut jadual agar peralatan permainan sentiasa berkeadaan baik.

- b)** Mengekal dan meningkatkan pengurusan kemudahan dan kebersihan di taman riadah bagi menjamin kepuasan pengunjung.
- c)** Mengenal pasti kawasan yang dirancang sebagai kemudahan riadah dan taman dapat diwartakan dengan segera.
- d)** Mengadakan latihan pengurusan dan pembangunan taman serta riadah kepada kakitangan Majlis.
- e)** Memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk memastikan pengurusan dan pembangunan taman dan kemudahan riadah dapat dilaksanakan dengan lebih terancang.
- f)** Menjadikan taman-taman permainan yang berkenaan sebagai anak angkat kepada pihak swasta atau penduduk kampung tersebut.
- g)** Penanaman pokok bunga pelbagai jenis dan warna akan dapat menarik perhatian rama-rama dan burung. Dengan adanya bunga pelbagai warna akan menambah keceriaan taman tersebut dan menjadi daya tarikan para pengunjung.
- h)** MPBP perlu melaksanakan Draf Rancangan Tempatan supaya penduduk setempat dan pengunjung dapat menikmati keindahan semula jadi yang terdapat di sungai-sungai yang terdapat di Daerah Batu Pahat.

BAHAGIAN II
PERKARA AM

BAHAGIAN II PERKARA AM

22. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.
- b) Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai.

23. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

23.1 JABATAN KERJA RAYA NEGERI JOHOR – PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

Jabatan Kerja Raya Negeri Johor bertanggungjawab merancang dan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Cawangan Jalan JKR. Secara keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan jalan Negeri dari aspek perancangan adalah memuaskan. Bagaimanapun aspek pelaksanaan dan pemantauan kurang memuaskan. Berikut adalah antara isu yang dibangkitkan:

- a) Prestasi kerja penyenggaraan biasa seperti penampalan lubang, penyenggaraan parit tepi jalan dan pemotongan rumput yang dilaksanakan oleh JKR kurang memuaskan. Lawatan Audit mendapati jalan di Daerah Muar dan Batu Pahat yang disenggarakan berlubang. Terdapat juga parit tepi jalan yang tidak dibersihkan dan rumput yang tidak dipotong.
- b) Kerja penyenggaraan berkala yang dilakukan mengikut program seperti kerja membaru muka jalan, membaiki dan menurap bahu jalan, menyenggara parit tepi jalan dan mengganti perabot jalan tidak mengikut piagam iaitu sekurang-kurangnya setiap 5 tahun sekali. Akibatnya berlaku kerosakan yang lebih teruk dan jalan yang tidak sempurna dan selamat untuk digunakan.

- c) JKR juga tidak menyediakan Inventori Jalan untuk merekod semua jalan di setiap daerah bagi menentukan setiap jalan yang perlu diselenggara.
- d) Kontrak kerja secara rundingan terus diberi untuk kerja membarui muka jalan dan menurap bahu jalan. Syarat dalam pemberian kontrak secara rundingan terus tidak dipatuhi sebelum keputusan dibuat kerana kajian pasaran bagi mendapatkan maklumat anggaran harga tidak dibuat. Syarikat yang menjalankan kerja penyenggaraan juga gagal menjalankan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.
- e) JKR tidak menyenggara Daftar Aduan dengan lengkap dan kemas kini.
- f) Kekosongan jawatan Pekerja Rendah Awam perlu diisi dengan segera bagi memantapkan lagi Kumpulan Penyenggaraan Jalan dan kekurangan latihan. JKR kekurangan jentera dan kenderaan disebabkan kebanyakannya berusia lebih 15 tahun dan memerlukan kos penyenggaraan berjumlah RM394,862 dan kos sewa berjumlah RM337,906 dalam tahun 2005. JKR perlu menimbang semula permohonan pembelian jentera dan kenderaan baru.

Kedudukan Masa Kini

- a) Kerja penyenggaraan biasa seperti penampalan lubang, penyenggaraan parit tepi jalan dan pemotongan rumput yang tidak dapat dilaksanakan akan dibawa ke projek RMK-9. Bagaimanapun, kerja-kerja ini adalah bergantung kepada peruntukan yang ada dan keperluan yang mendesak.
- b) Kerja penyenggaraan berkala dirancang bergantung kepada data maklumat jalan yang sedia ada dan perancangan tahun sebelumnya serta mengambil kira keadaan jalan ketika itu.
- c) Inventori penyenggaraan jalan dan pemantauan jalan di daerah-daerah memang tidak ada dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak JKR Ibu Pejabat Negeri supaya dapat diselaraskan dan sentiasa dikemas kini. Penyediaan inventori jalan ini memerlukan pegawai yang khas, berpengalaman dan berjawatan tetap supaya maklumat direkodkan sentiasa kemas kini.
- d) Kadar harga kerja secara rundingan terus yang ditetapkan oleh Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan adalah berdasarkan penilaian dan kajian harga pasaran dan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Surat amaran, perbincangan dan arahan secara lisan diberi kepada kontraktor agar mematuhi perjanjian kontrak dan gagal menyiapkan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Kontraktor juga dikehendaki menyiapkan kerja pada tahun berikutnya tanpa tambahan kos.
- e) Aduan secara e-mail dan lain-lain aduan telah direkodkan dalam fail termasuk tindakan yang telah diambil.

- f) Peruntukan sewaan jentera dan kenderaan ditambah sekurang-kurangnya RM300,000 setahun untuk menampung kos yang semakin meningkat kerana belum dapat peruntukan membeli jentera dan kenderaan. JKR juga menghadapi masalah kekurangan operator mahir dalam mengendalikan jentera. Kursus dan latihan juga akan diadakan.

23.2 UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR: KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PROGRAM PENSWASTAAN DI NEGERI JOHOR

Kajian Audit terhadap Pengurusan Program Penswastaan di Negeri Johor telah dijalankan di pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) selaku Jabatan penyelarar projek-projek penswastaan di negeri Johor. Perkara penting yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Semakan Audit mendapati 3 projek penswastaan yang diaudit tidak mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (UPE-JPM) kerana UPENJ tidak mengemukakan cadangan projek penswastaan yang hendak dilaksanakan kepada UPE-JPM.
- b) Kelemahan UPENJ menguatkuasakan syarat perjanjian, khususnya yang berkaitan dengan penyerahan jaminan bank menyebabkan hak milik tanah tidak dapat dikeluarkan atas tanah yang telah dibangunkan oleh pemaju. Ketiadaan hak milik menyebabkan cukai tanah tidak dapat dipungut.
- c) Projek Pembangunan Perumahan dan Komersial Di Jalan Batu Pahat/Kluang:
 - i) Premis kerajaan di Lot J5 dan tanah Rizab Melayu bernilai RM8.78 juta belum diserahkan kepada Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 2005.
 - ii) Pemaju telah menyiapkan dan menyerahkan 3 blok apartmen mengandungi 170 unit kepada Kerajaan Negeri pada bulan Jun 1999 untuk dijadikan kuarters bagi menggantikan kuarters lama yang dirobohkan. Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 77 unit daripada rumah ini masih kosong. Adalah dianggarkan kerajaan negeri mengalami kerugian sejumlah RM0.56 juta kerana tidak dapat memungut sewa bulanan rumah tersebut bagi tempoh tahun 2000 hingga 2005.
 - iii) Selain bayaran sewa, penghuni apartmen juga dikenakan bayaran penyenggaraan berjumlah RM50 sebulan oleh Pejabat Daerah Kluang. Bagaimanapun, pejabat berkenaan gagal memungut bayaran tersebut dan terpaksa mengganggu kos penyenggaraan berjumlah RM36,000 setahun mulai tahun 2002.
 - iv) Adalah didapati kawasan di sekitar kuarters tidak berpagar. Manakala tempat letak kereta tidak mempunyai petak sebagaimana peruntukan undang-undang

kecil bangunan. Ini menyebabkan bangunan mudah dimasuki penceroboh yang melakukan pelbagai kegiatan vandalisme.

- d) Mengikut laporan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta keseluruhan tanah yang terlibat untuk projek Pembangunan Lagun Puteri ialah RM285.66 juta. Bagaimanapun berdasarkan perjanjian yang ditandatangani, Syarikat Danga Bay Sdn. Bhd. dikehendaki membangunkan Projek Awam yang disenaraikan bernilai RM128 juta sebagai balasan atas tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri.

Kedudukan Masa Kini

- a) UPENJ menganggap kelulusan UPE-JPM tidak perlu kerana program penswastaan yang melibatkan tanah Kerajaan negeri di mana mengikut Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, UPENJ juga berkeyakinan bahawa pengurusan program penswastaan yang dilaksanakan di Negeri Johor adalah seiring dengan kehendak Kerajaan Persekutuan.
- b) Sehingga kini, pengeluaran hak milik tanah bagi plot-plot yang terlibat di dalam pembangunan ini sedang diproses oleh PTD Kluang sejak bulan Oktober 2005.
- c) Projek Pembangunan Perumahan dan Komersial Di Jalan Batu Pahat/Kluang adalah seperti berikut:
 - i) Kedudukan masih tidak berubah.
 - ii) Pejabat Daerah Kluang menerima permohonan dari semasa ke semasa daripada kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Kini bilangan kuarters yang kosong telah berkurangan kepada 70 unit.
 - iii) Bayaran penyelenggaraan dan sewa dibayar melalui potongan gaji dan dimasukkan sebagai hasil kerajaan dari penyewa-penyewa.
 - iv) Kawasan perumahan masih kekal tidak berpagar. Bagaimanapun masalah kerosakan dan kehilangan tidak berlaku lagi selepas sebahagian besar unit-unit apartmen telah disewa.
- d) Perkara ini masih belum dibincangkan oleh pihak UPENJ.

23.3 PERBADANAN JOHOR: PENGURUSAN TANAH INDUSTRI DI NEGERI JOHOR

Pada tahun 2005, Kajian Terhadap Pengurusan Tanah Industri di Negeri Johor telah dijalankan di Syarikat TPM Technopark Sdn. Bhd. yang menguruskan tanah industri bagi pihak Perbadanan Johor. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- a) Perbadanan telah menjelaskan kos bayaran premium sejumlah RM22.70 juta daripada jumlah anggaran iaitu RM35.70 juta terhadap pengambilan tanah Kerajaan seluas 410.83 hektar sehingga bulan Disember 2005.
- b) Lawatan Audit pada bulan Januari 2006 mendapati kerja pembangunan tanah untuk pembinaan tangki simpanan *gasoline* sedang dilaksanakan dan dijangkakan akan siap pada bulan April 2006.
- c) Syarikat Tg. Langsat Port Sdn. Bhd. telah merancang untuk membina tangki penyimpanan minyak dan biofuel dijangka bermula pada bulan Jun 2006 untuk membolehkan jeti beroperasi sepenuhnya.
- d) Kerja pemasangan parit dan pembinaan jalan bagi Tanah Industri Tebrau III masih belum disiapkan sepenuhnya.
- e) Tiga kontraktor yang lain telah dilantik pada bulan November 2005 untuk kontrak kerja yang berkaitan dengan infrastruktur lain di Tanah Industri Tebrau III iaitu parit utama serta jambatan, tangki air dan loji rawatan kumbahan masih belum disiapkan sepenuhnya.
- f) Seluas 191.36 hektar atau 17% daripada keluasan sebenar Tanah Industri Tanjung Langsat iaitu 1,128.26 hektar telah berjaya dijual sehingga bulan Disember 2005.
- g) Kesemua syarikat pembeli Tanah Industri Tebrau III telah menjelaskan bayaran sebanyak 20% dari harga jualan berjumlah RM2.16 juta sebagaimana syarat perjanjian jual beli sehingga bulan Disember 2005.
- h) Terdapat 2 syarikat masih menyewa di atas 2 lot Tanah Industri Tanjung Langsat sehingga bulan Disember 2005.

Kedudukan Masa Kini

- a) Perkara ini telah selesai memandangkan tiada lagi komitmen pembayaran premium dan pampasan bagi perolehan Tanah Industri Tanjung Langsat.
- b) Kerja pembangunan tanah untuk pembinaan tangki simpanan *gasoline* telah dimulakan pada 18 Oktober 2006 dan jumlah kontrak sebenar bernilai RM89.5 juta. Sehingga kini tiada tuntutan bayaran kemajuan telah dibuat.
- c) Kerja-kerja pembinaan tangki *biofuel* telah bermula pada 15 Januari 2007 dan dijangka siap pada bulan September 2007. Kerja pembinaan tersebut bernilai RM22 juta dan dilaksanakan oleh Langsat Bulk Sdn. Bhd.
- d) Kerja pemasangan parit telah disiapkan pada 11 Februari 2006. Manakala kerja penurapan jalan telah disiapkan kecuali kerja pemasangan perabot jalan yang tidak dipasang untuk mengelakkan kecurian sebelum jalan diserahkan kepada pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.

- e) Kerja membuat parit dan loji kumbahan rawatan telah disiapkan. Hanya kerja mendirikan tangki air telah siap setakat 83% dan dijangka siap pada bulan Mac 2007.
- f) Seluas 199.51 hektar atau 17.68% daripada keluasan sebenar Tanah Tanjung Langsat telah berjaya dijual sehingga tahun 2006. Ia menunjukkan peningkatan jualan sebanyak 8.12 hektar atau 0.72%.
- g) Kesemua syarikat pembeli Tanah Industri Tebrau III telah membuat pembayaran sebanyak 60% pada tahun 2006 berjumlah RM6.44 juta dan baki mengikut perjanjian yang belum dijelaskan ialah RM4.32 juta.

23.4 MAJLIS PERBANDARAN KLUANG: PENSWASTAAN PEMBERSIHAN DAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL

Kajian Audit terhadap Penswastaan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal telah dijalankan di pejabat Majlis Perbandaran Kluang. Majlis telah menswastakan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal terhadap keseluruhan kawasan pentadbirannya kepada sebuah Syarikat konsesi. Matlamat penswastaan adalah untuk meningkatkan kecekapan kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal selaras dengan pembangunan yang pesat di Daerah Kluang. Perkara penting yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Majlis telah menyerahkan 12 buah kenderaan yang terdiri daripada 7 buah kompaktor, 2 buah RORO dan 3 buah *tipper* kepada Syarikat SWM. Menurut surat perjanjian, Syarikat perlu membayar wang pendahuluan berjumlah RM12,000 dan bayaran tersebut telah pun dilunaskan. Semakan Audit mendapati pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah memeriksa dan mengesahkan nilai yang perlu dibayar bagi kenderaan tersebut berjumlah RM84,500. Sehingga akhir tahun 2005 baki berjumlah RM72,500 masih belum dibayar. Bagaimanapun, tidak ada tindakan lanjut diambil oleh Majlis bagi mendapatkan baki bayaran tersebut.
- b) Semakan Audit mendapati, Majlis telah memohon daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memiliki 2 buah RORO dan sebuah *tipper*, untuk tujuan membuang sampah di taman permainan dan kawasan lapang di bawah penyenggaraan Majlis. Kenderaan tersebut juga digunakan untuk membantu mangsa banjir dan bencana alam. Sementara kenderaan *tipper* pula digunakan oleh Unit Vektor untuk kerja-kerja mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Semakan Audit mendapati sehingga laporan dikeluarkan, kelulusan daripada Jabatan Kerajaan Tempatan mengenai permohonan Majlis masih belum diperolehi.

- c) Semakan Audit mendapati kenderaan lori kompaktor dan RORO telah diserahkan kepada Syarikat SWM secara percuma. Penyerahan kenderaan tersebut dibuat tanpa nilai harga yang perlu dibayar oleh Syarikat. Semakan Audit terhadap fail kenderaan menunjukkan tidak ada bukti penilaian terhadap kenderaan tersebut telah diperoleh daripada JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Johor. Oleh itu harga yang perlu dibayar oleh Syarikat SWM dan tarikh ia perlu dijelaskan tidak dapat ditentukan.
- d) Hasil lawatan Audit pada 18 November 2005 mendapati kenderaan yang diserahkan kepada Syarikat SWM masih belum ditukar hak milik. Pihak Majlis perlu mendesak pihak Syarikat untuk menukar hak milik kenderaan tersebut dan memastikan Syarikat mempunyai kenderaan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Ini memandangkan kenderaan yang diambil alih daripada Majlis adalah kenderaan yang telah berusia lebih 10 tahun.

Kedudukan Masa Kini

- a) Pihak Majlis masih belum mengambil tindakan lanjut bagi mendapatkan baki bayaran sejumlah RM72,500.
- b) Kelulusan daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum diperolehi.
- c) Pihak Majlis masih belum mendapatkan nilai harga kenderaan yang telah diserahkan kepada SWM dari pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Johor.
- d) Kenderaan Majlis yang telah diserahkan kepada SWM masih belum dibuat penukaran hak milik.

24. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

24.1 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR: PENGURUSAN HARTA WAKAF (LAPORAN AUDIT 2003)

- a) Tunggakan sewa berjumlah RM15,600 oleh tiga penyewa Rumah Kenangan dalam proses mahkamah.
- b) Tindakan untuk mengosongkan tanah wakaf yang di ceroboh oleh pengetua sekolah agama di Bandar Baru Uda Johor Bahru masih dalam tindakan peguam majlis.

Kedudukan Masa Kini

- a) Sehingga kini, Majlis masih menunggu keputusan mahkamah berkaitan tuntutan terhadap tunggakan sewa tersebut.
- b) Tindakan untuk mengosongkan tanah wakaf yang di ceroboh masih dalam tindakan peguam Majlis.

25. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN

Seksyen 16 (2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Negeri Johor dan aktiviti bagai tahun 2003 hingga 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 27 Februari 2006. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2005 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2005 masih belum dibentangkan lagi. Kerajaan Negeri Johor sepatutnya telah membentangkan Laporan Ketua Audit Negara ini.

26. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

26.1 Sehingga akhir tahun 2006, Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) masih lagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 dan 2003. Sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2006. Sepatutnya pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005. Ini adalah disebabkan Laporan tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 8 Ogos 2006 yang sepatutnya telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2006 mengenai isu-isu pelaksanaan aktiviti dan program Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor Pada Tahun 2006

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
9 Februari 2006	i) Unit Perancang Ekonomi ii) Negeri Johor Perbadanan Usahawan Johor Berhad	i) Program Pembangunan Usahawan Negeri Johor
19 September 2006	i) SUK Cawangan Pentadbiran ii) Pejabat Daerah Johor Bahru iii) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	i) Pengurusan Rumah Kerajaan ii) Pengurusan Lesen dan Permit Hiburan iii) Program Pemuliharaan Sungai
9 Oktober 2006	i) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor ii) Pejabat Tanah Johor Bahru iii) Pejabat Tanah Daerah Kecil Kulai iv) Pejabat Tanah Kota Tinggi v) Majlis Agama Islam Johor vi) Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah vii) Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang viii) Mahkamah Syariah Negeri Johor ix) Jabatan Kerja Raya Negeri Johor x) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor	i) Taklimat Mengenai Isu Pungutan Hasil Tanah ii) Pengurusan Pengeluaran dan Kawalan Bahan Batuan iii) Pengurusan Harta Wakaf iv) Projek Pembangunan Landskap v) Perolehan dan Pengurusan Rumah Kediaman dan Kompleks Perniagaan vi) Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Johor vii) Program Galakan Membaca

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor

26.2 Jawatankuasa Kira-kira Wang Raya Negeri Johor bersama Pejabat Kewangan Negeri Johor telah mengadakan Seminar Pengurusan Kewangan pada 14 Mei 2007 yang bertujuan untuk mendedahkan peserta seminar kepada tatacara, prosedur serta pelaksanaan pengurusan kewangan. meningkatkan kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab pegawai pengawal. meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan kewangan dan akaun. memastikan perbelanjaan wang awam dapat diuruskan dengan baik, bersistematik dan sempurna mengikut prosedur. Seminar ini telah dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, pegawai pengawal dan Ketua Eksekutif syarikat milik Kerajaan Negeri/Agensi Negeri. Pada pendapat Audit, usaha ini hendaklah diteruskan untuk memberi kesedaran kepada semua yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan pengurusan projek pembangunan tentang pentingnya Akauntabiliti dan Integriti.

PENUTUP

PENUTUP

Pada prinsipnya, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar, undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan program dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya pengauditan terhadap aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri masih wujud kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Tahap pencapaian aktiviti dan program masih belum tercapai kerana masih terdapat kelemahan yang ketara jika dibandingkan dengan teguran yang terkandung dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini telah membangkitkan isu-isu pelaksanaan perolehan, pengurusan projek, peningkatan kos, dan pencapaian matlamat program/aktiviti. Kelemahan ini wujud adalah disebabkan kelemahan pemantauan yang tidak konsisten, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan guna tenaga dan latihan serta tiada budaya penyenggaraan telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam.

Sungguhpun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran pihak Audit namun masih ada sebahagian daripadanya yang masih belum ditangani. Pegawai pengawal adalah disyorkan menjalankan siasatan dan pemeriksaan menyeluruh bagi menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di tempat lain atau bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

23 Julai 2007